“The elections were undoubtedly a remarkable demonstration of national unity. The people of Malaya, fully conscious of the dominant issue in the elections—the question of confrontation by Indonesia—expressed themselves in no uncertain terms by giving a resounding mandate to the Alliance Government to continue its policy in relation to this crisis.”

Mr Speaker, Sir, the elections are now over and we, the elected Members of this august House, are here to serve the public and the nation, and it is my earnest hope that Honourable Members whatever their party affiliations may be will forget their differences and do their best to serve this country and bring it to greater prosperity as time goes on.

Sir, we have friends who have supported us against this confrontation. It is our hope that we shall prove ourselves worthy of the support by being united in face of the common danger. We should be prepared to do our duty when the nation needs us.

We see no reason why Indonesia should have adopted such a hostile attitude towards us. The people of Sabah, Sarawak and Singapore joined us of their own free-will.

We are indeed fortunate to be living in this beautiful country and enjoying a high standard of living. We have been able to do this, because our Government has carefully planned its economic development for the benefit of the *ra'ayat*. The credit for this great achievement must go to the Alliance Government and its dynamic leaders like Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, our Prime Minister, and Tun

Haji Abdul Razak, our Deputy Prime Minister, and the leaders of U.M.N.O., M.C.A., and M.I.C.

When the Indonesian confrontation started, the leaders of our country were quick to realise its danger and they warned the country that hesitation would be taken as a sign of weakness, and they also warned the people to be prepared to meet the danger with determination. We pray to God Almighty that He in His wisdom grant our leaders health and long life, so that they may continue to lead the country and its people to peace and greater prosperity. It is clear that Indonesia has other ideas. When we look at that country, we are surprised that Indonesia, which was once known as the richest spice-island-country, from the natural resources point of view, is today undergoing great difficulties. Her gold reserves are practically nil, and her people face starvation, disease and poverty. Inflation is alarmingly high. Rebellion after rebellion has taken place. Instead of trying to remedy the decaying economy of the country, Indonesian leaders think of causing trouble to her neighbour, so that the progress that we enjoy here may not be continued further.

The people in Malaysia have realised all these matters and are also aware of the difficult time ahead, and the recent national registration figures provide ample evidence of the willingness and the determination of the people to support the Government in facing up to the common danger.

Sir, with the introduction of three more Ministries to the Cabinet of this Government, it is clear that the Government is determined to carry out to the letter the promise made to the people. The Alliance Government is now preparing its first Malaysian Development Plan and when this Plan comes into force, the new territories will benefit from it—that is the new Plan.

His Majesty has pointed out that the Government is giving high priority to the diversification of agriculture and industry. Looking through the Appendix one sees that a lot of

research is being done in various lines, so that the country will be able to produce new products like cocoa, sugar cane, tobacco and oil palm. When this is achieved it will solve the problem of unemployment. The results cannot be seen in a short period—they will take time; but the long-term policy is already laid out.

The Government's industrial development plan is the envy of some of our neighbouring countries. The far-sightedness of the Government in granting pioneer status to industries has trebled the industries and more enquiries are pouring in every day. In this regard, I am glad to say that more and more foreign companies are training local men in large numbers for top executive jobs and jobs that require specialised training, but I feel that more could be done on these lines. The training of local personnel, I can assure the employers, will pay high dividends, for it has been proved that local men, given the proper training, are as good as any. In this regard, I would suggest that the National Productivity Centre be required to draw up a long-range programme so that the needs of our expanding economy and the needs of the expanding new industries could be met.

His Majesty mentioned in his Gracious Speech the introduction of the new comprehensive education system under which all children will receive free education for the first nine years. This is a great step forward and I am sure it will be appreciated by all the people of this country.

I would like here to pay a tribute to the Medical Services, which, in spite of many handicaps, have continued to make great advance. The recruitment of doctors into the Medical Services has been one of the stumbling blocks in improving the service to a greater extent. In this regard, may I humbly suggest that instead of trying to recruit all our doctors from one country, attempts be made to recruit doctors from friendly countries in smaller numbers, say 10 or 12 doctors from each friendly country, such as, England, America,

India, and so on. In the event of doctors not being available in sufficient numbers, it has been suggested by the Minister that Hospital Assistants with the necessary experience be given some responsibility in the rural areas. Sir, we see in this country that in most of estate hospitals and dispensaries, Hospital Assistants are given the responsibility of attending to patients, diagnosing their diseases, giving injections and so on, with periodical visits by doctors. I feel certain that these Hospital Assistants could be given the same responsibility outside the hospitals, especially in the rural areas, particularly as long as the country feels the shortage of doctors.

Next to confrontation, the major task of the Government has been that of looking after the rural population, and under the able leadership of the Deputy Prime Minister, Tun Abdul Razak, the Ministry's success has been much greater than was expected. The unrelenting pursuance of rural development in the country brought out two unique distinctions for the Government. Firstly, the Government was able to provide for the "have-nots" such things as communications, community halls, roads and so on, which had been neglected by previous governments up to Merdeka time. Secondly, rural development had brought the people closer to the Government. There was the chance for the people to meet the leaders of the Government during their meetings and to place their requirements before the leaders. There was constant contact between the Government and the people. In this way the Government has kept close to the rural population.

It is common knowledge that rural development has been criticised by the Opposition Parties on several occasions, but rural development has proceeded without any hindrance. I am sure this will go a long way in bringing economic stability not only to the rural population but also to the country as a whole.

At this juncture I would like to say that I feel particularly honoured that I have been asked to move the motion

on the Address of Thanks to His Majesty's Gracious Speech, and here I would also like to add that to the people of Port Dickson this is a singular honour in that I, their elected representative in this House, have been selected to move this Address of Thanks on this particular occasion.

Mr Speaker, Sir, I beg to move  
(Applause).

**Dr Awang bin Hassan (Muar Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya sa-bagai wakil ra'ayat dari Muar Selatan bangun menyokong dengan sa-penohnya chadangan yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson bagi menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah dan terima kasih atas ucapan di-raja yang di-lafadzkan dalam Dewan yang mulia ini sa-malam. Oleh sebab banyak Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat hendak membahathkan chadangan ini, dan juga perkara<sup>2</sup> yang terkandung dalam ucapan di-raja itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak mengambil masa yang lanjut bagi mengulas perkara<sup>2</sup> yang terkandung di-dalam ucapan di-raja itu, tetapi saya hendak mengambil satu perhatian atas kemenangan yang chemerlang yang telah di-chapai oleh Parti Perikatan dalam pilihan raya yang telah di-adakan pada 25 haribulan April yang lepas itu.

Negara kita ini yang berdasarkan democracy, dan juga mengamalkan democracy itu sudah tentu-lah ada berbagai<sup>2</sup> faham dan perselisihan faham dalam hal ehwal dalam negeri ini, tetapi apabila negeri kita di-tentangi oleh anchaman dari luar oleh confrontation yang di-lakukan oleh Indonesia, ra'ayat<sup>2</sup> jelata semua-nya bangun menyokong pendirian Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita itu bagi mempertahankan kedaulatan negeri kita yang di-kasehi ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah satu tanda yang baik dan juga harapan yang baik ia-itu negeri Malaysia ini akan berjaya kahadapan kelak. Sudah terang-lah ia-itu confrontation yang di-lakukan oleh President Sukarno itu ia-lah satu gerakan *Communist* yang hendak mena'aloki Tenggara Asia di-sini, tetapi nasib negeri kita ada sahabat<sup>2</sup> yang

akan menolong dan sedia menolong kita mempertahankan negeri kita ini. Kalau hendak di-fikirkan, pertolongan<sup>2</sup> ini ia-lah satu tanggungan atas negeri<sup>2</sup> yang bebas pada memerlukan democracy yang ada dalam negeri kita ini yang sedang subur dan maju.

Lagi satu perhatian yang saya hendak ambil, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah atas perpaduan dan perhubungan yang baik antara penduduk<sup>2</sup> yang berbagai<sup>2</sup> bangsa di-negeri kita ini yang berfaham berbagai<sup>2</sup> ugama. Ini ia-lah satu asas yang boleh kita bangunkan negara kita Malaysia ini, dan juga boleh menjalankan ranchangan<sup>2</sup> yang mendatangkan kema'moran dan juga kemajuan negeri dan juga ra'ayat. Jadi, ini satu tanggungan yang berat atas semua wakil<sup>2</sup> ra'ayat di-Dewan ini yang akan menjalankan tugas yang chergas bagi memelihara perhubungan yang baik antara berbagai<sup>2</sup> bangsa dan sentiasa menjaga saperti juga menjaga satu pokok yang maseh kechil ia-itu hendak-lah kita sentiasa membajakan-nya dan menyiram ayer supaya subur dan menjaga supaya jangan ada apa<sup>2</sup> ulat yang menghinggap dan memakan pokok itu.

Saya tidak hendak memanjangkan masa lagi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bagi chadangan<sup>2</sup> dan juga dasar<sup>2</sup> yang ada terkandung dalam Uchapan di-Raja itu saya yakin semua-nya akan mengekalkan keadilan dan juga keamanan serta menambahkan lagi kema'amoran negeri kita ini. Lagi sekali saya ulangkan saya menyokong chadangan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson.

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, bila kita perhatikan sa-panjang Uchapan Titah dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini maka dapat-lah di-bahagi kapada dua bahagian. Pertama masa-alah dasar negara kita ini keluar dan yang kedua dasar ka-dalam. Banyak perkara<sup>2</sup> yang patut di-fikirkan bersama tentang soal kedua<sup>2</sup> dasar yang tersebut. Kekuatan dan ketegohan bagi negara muda kita ini pada masa yang akan datang untuk tegap sa-bagai sa-buah negara merdeka dan berdaulat, maka

kedua<sup>2</sup> pokok dasar ini mesti-lah ditegaskan benar<sup>2</sup> dan mesti-lah mendapat pandangan yang sa-chukup-nya daripada Dewan yang mulia ini.

Soal konferantasi telah menjadi maudzu' yang terbesar dalam Titah Seri Paduka ini. Kita memang semua tahu bahawa telah begitu lama semenjak Malaysia ini di-tubuhkan soal konferantasi ini telah menjadi soal kudis gatal di-dalam pertubohan atau pun kekuatan pendirian Kerajaan kita ini. Sa-bagai sa-buah parti politik, maka Persatuan Islam sa-Tanah Melayu ada-lah bersedia pada bila<sup>2</sup> masa pun bersama<sup>2</sup> dengan warga-negara yang lain dalam negeri ini untuk mempertahankan kehormatan maruah negara dan untuk mempertahankan kedaulatan tanah ayer kita ini daripada serangan dari mana<sup>2</sup> sahaja pun. Jadi chuma masalah pokok yang harus kita kaji sekarang ini ia-lah masalah chara bagaimana supaya dapat kita mengelakkan daripada mencheborkan negara kita ini ka-dalam satu keadaan yang sangat<sup>2</sup> di-benchi oleh seluruh dunia ia-itu-lah dalam keadaan perang. Kita tahu bahawa negara kita sedang di-konferantasikan oleh negara jiran kita, dan kita tahu bahawa keadaan<sup>2</sup> demikian itu jika sa-kira-nya berlanjutan akan menyebabkan negeri kita ini terjerumus dalam satu keadaan yang merbahaya.

Kita tahu bahawa seluruh dunia di-mana sahaja pun memang benchi keadaan<sup>2</sup> yang boleh mengganggu keamanan dalam dunia ini. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sejak dahulu lagi pehak Parti PAS dalam Dewan yang mulia ini pernah mengeluarkan pengshoran dan pandangan<sup>2</sup> supaya soal<sup>2</sup> yang sulit saperti itu kita hadapi dengan tenang dan hadapi dengan chara<sup>2</sup> yang boleh mengubah keadaan yang merbahaya itu kepada keadaan yang baik dengan chara menchari penyelesaian sa-chara damai dan sa-bagai-nya.

Sa-belum daripada di-adakan Sidang Kemunchak pada satu masa yang telah lalu pehak kami di-sini telah memberi suatu pengshoran supaya hal keadaan konferantasi itu dapat di-selesaikan sa-chara damai dan manakala timbul chadangan Sidang Kemunchak yang lalu itu, maka pehak kami di-sini telah

memberi sa-tinggi<sup>2</sup> sokongan kepada pehak Kerajaan supaya dapat di-gunakan kesempatan itu bagi menchari penyelesaian yang sa-baik<sup>2</sup>-nya. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau terjadi sa-barang kejadian yang tidak baik atau, katakan-lah, terjadi peperangan bahawa banyak negara<sup>2</sup> sahabat kita akan berdiri di-pehak kita sendiri, terutama-nya negara<sup>2</sup> Commonwealth dan itu pun di-sebutkan di-dalam Titah Seri Paduka ini oleh Seri Paduka Baginda tentang bagaimana bahawa negara<sup>2</sup> Commonwealth akan berdiri dan memberi bantuan yang sa-chukup<sup>2</sup>-nya kepada kita. Akan tetapi, jangan-lah kita lupa bahawa dalam menghadapi masalah saperti ini walau berapa banyak sa-kali pun negara, baik negara Commonwealth atau negara mana sahaja yang sanggup berdiri di-pehak kita, tetapi yang paling menderita akibat daripada kejadian yang tidak di-ingini itu ia-lah kita sendiri. Pernah orang tua<sup>2</sup> berchakap kalau kita berperang atau berkelahi saperti itu "yang menang jadi arang dan yang kalah jadi abu". Ma'ana-nya, kedua<sup>2</sup>-nya sendiri di-makan api, kedua<sup>2</sup>-nya itu binasa.

Peperangan yang mungkin berlaku di-sabelah sini akan memberi kesempatan kepada dua gergasi besar dalam dunia ini mempertarangkan kekuatan-nya masing<sup>2</sup> dan perjuangan ideology yang berlaku di-sabelah barat sana akan beraleh dan berpindah kepada medan di-sabelah timor ini dan ini menyebabkan negara kita yang maseh muda dan kechil ini akan menjadi medan pertarongan dan medan perjuangan yang sa-mata<sup>2</sup> keuntongan yang sa-benar<sup>2</sup>-nya akan di-dapati daripada pertarongan itu ia-lah salah satu daripada dua negara besar atau dua gulongan pehak besar dalam dunia ini yang sedang berjuang di-dalam perjuangan ideology dunia pada masa sekarang. Sebab itu harapan untuk mengadakan Sidang Kemunchak pada kali ini dengan datang-nya Tuan Lopez sa-bagai utusan khas daripada President Macapagal dan dengan ada-nya berbagai ikhtiar dan dengan ada-nya pula kata sambutan daripada pehak Perdana Menteri Malaysia ini sendiri, maka kita mengharapkan bahawa Sidang Kemunchak itu akan dapat di-adakan dengan

sa-berapa chepat yang boleh dan kita mengharapakan bahawa hasil daripada Sidang Kemunchak itu akan memberi sa-baik<sup>2</sup> perubahan kapada keadaan yang membimbangkan yang berlaku pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada soal<sup>2</sup> itu, maka suka-lah saya menegaskan lagi dalam Dewan ini bahawa jangan-lah ada sa-barang perasaan shak wasangka dan sa-barang perasaan yang tidak manis terhadap pendirian pehak parti kami sa-belah sini, sa-bagaimana yang di-ketahui dengan sa-chara umumnya bahawa Parti PAS dalam menghadapi soal kebangsaan saperti ini, di-dalam menghadapi soal kedaulatan negara saperti ini, Parti PAS telah menyatakan lebih awal daripada hari ini lagi bahawa Parti PAS ini berdiri di-pehak negeri ini untuk bersama<sup>2</sup> dengan warga-negara yang lain bagi mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan tanah ayer kita ini. Chuma apa yang kita binchangkan sekarang ini ia-lah sa-belum daripada wujud-nya kejadian<sup>2</sup> yang menghendaki seluroh ra'ayat dan seluroh warga-negara ini memikul senjata dan sa-bagai-nya bagi menghadapi suatu serangan daripada luar, maka sa-patut-nya-lah ikhtiar yang bersungguh<sup>2</sup> itu di-tambah daripada masa ka-masa bagi menjauhkan penyakit<sup>2</sup> perang yang mungkin timbul dalam negeri ini.

Mengikut kaedah ilmu jiwa bahawa meniupkan semangat kaseh sayang kapada negeri ini dan meniupkan semangat *patriot* terhadap warga-negara ini untuk mempertahankan tanah ayer itu ada-lah mustahak dan patut, tetapi meniupkan semangat perang dan meniupkan semangat ingin berperang sa-mata<sup>2</sup> dengan tidak mengetahui akibat<sup>2</sup> yang mungkin timbul kemudian daripada itu ada-lah satu perkara yang patut di-hindarkan daripada ra'ayat negeri ini. Sebab kita sudah tahu, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pahit dan maong-nya hidup sa-lama pemerentahan Jepun dalam negeri ini yang di-tiupkan dengan semangat perang dan dengan semangat yang saperti itu-lah yang menyebabkan keadaan dalam negeri ini tidak tenteram dan suasana dalam negeri ini sentiasa bernyala dan hangat. Kita mengharapakan bahawa dalam

perjuangan kita untuk membangunkan negeri ini dengan jiwa dan semangat demokrasi, maka nyala semangat berperang itu mustahak-lah di-buang dan di-padamkan daripada jiwa ra'ayat negeri ini dan di-tukar dengan semangat dan nyala semangat kebangsaan serta nyala semangat berani untuk menjaga maruah tanah ayer. Kedua<sup>2</sup> jenis semangat ini ada-lah berlainan, Tuan Yang di-Pertua. Semangat ingin perang dengan semangat sayang dan untuk menjaga tanah ayer ada-lah berlainan. Jadi kalau silap gaya kita memasukkan semangat dan jiwa kapada ra'ayat negeri ini, maka boleh menyebabkan akan merubah keadaan watak dan jiwa ra'ayat negeri ini yang sentiasa di-kenal sa-bagai jiwa ra'ayat yang peramah dan ra'ayat yang baik yang tahu menghormati di-antara satu sama lain akan berubah menjadi jiwa ra'ayat yang keras, tegang dan kaku dalam sa-genap tindakan, dan mungkin kalau-lah semangat perang ini di-nyalakan berlama<sup>2</sup>an negara kita ini akan menjadi negara "Cowboy", akan menjadi negara yang tidak terator dan akan menjadi negara yang tidak aman dan tenteram dalam pergaulan dan kehidupan masyarakat sa-hari<sup>2</sup>.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit sa-banyak soal yang di-sebutkan di-dalam Titah Seri Paduka Baginda ini ia-itu-lah soal ranchangan bagi kemajuan dalam negeri ini sendiri. Telah di-sebutkan juga oleh Titah Seri Paduka ini tentang soal kemungkinan negara kita ini menghadapi kesulitan<sup>2</sup> ekonomi akibat daripada kejatohan harga getah dan kejatohan harga bijeh, yang kita tahu ini-lah dua sumber yang besar yang menguatkan kedudukan kewangan negara kita pada masa<sup>2</sup> yang telah lalu. Sungguh pun dalam Titah ini telah menyebutkan bahawa ikhtiar<sup>2</sup> telah pun hendak di-mula<sup>2</sup> dari sekarang ini untuk menambah lagi puncha<sup>2</sup> ekonomi negeri ini dengan menambah jenis<sup>2</sup> tanaman yang lain sa-bagai hasil dalam negeri ini, akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini patut-nya tidak-lah sekarang baharu di-sebutkan, patut-lah perkara saperti itu di-ikhtiarkan sejak daripada awal mula-nya lagi. Sebab kita tahu banyak negeri<sup>2</sup> lain sa-belah timor ini

tidak bergantung kepada getah dan tidak juga bergantung kepada bijeh, tetapi mereka dapat tegap sa-bagai sa-buah Kerajaan yang sederhana dalam perjalanan-nya yang bergantung kepada soal<sup>2</sup> hasil-mahsul negeri sa-lain daripada dua jenis hasil yang di-sebutkan tadi. Kita tahu bahawa penyakit<sup>2</sup> getah tiruan yang hebat yang berlaku dalam dunia pada masa sekarang ini akan menyentoh bukan sadikit, tetapi akan menyentoh sa-banyak<sup>2</sup>-nya kedudukan getah asli yang ada dalam negeri kita ini. Tetapi kita hairan walau pun pemimpin<sup>2</sup> kita tahu tentang hal yang seperti ini, tetapi pembukaan<sup>2</sup> tanah baharu dan sa-bagai-nya hampir lebeh daripada  $\frac{3}{4}$  atau lebeh daripada 80% di-tujukan kepada penanaman pokok<sup>2</sup> getah. Tidak-kah dapat di-fikirkan bahawa satu ikhtiar yang lebeh menasabah menchari jenis<sup>2</sup> pokok<sup>2</sup> yang lain yang dapat menjamin kepada kedudukan kewangan negara pada masa akan datang dan kedudukan ekonomi ra'ayat dalam negeri ini pada masa yang akan datang? Jangan-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita menjadikan diri kita ini bergantung kepada kedudukan getah dan bijeh sa-mata<sup>2</sup>, walau pun ada Ahli Yang Berhormat tadi menyebutkan tentang soal usaha yang telah di-jalankan terutama dalam negeri Kelantan tentang penanaman tembakau jenis Virginia yang di-lakukan oleh Malayan Tobacco, tetapi patut-lah kita sedar bahawa penanaman tembakau jenis Virginia yang di-lakukan oleh satu sharikat itu tidak-lah bererti bahawa itu sa-bagai anjoran yang sahara tepat, atau direct daripada pehak Kerajaan ini sendiri. Itu ia-lah initiative yang di-timbulkan oleh pehak sharikat yang ada dalam negeri ini sa-mata<sup>2</sup>. Jikalau sa-kira-nya pehak Kerajaan mengambil berat kepada keadaan<sup>2</sup> seperti itu, seperti penanaman tembakau jenis Virginia dalam negeri ini, maka saya percaya hal ini akan dapat menolong membetulkan sadikit sa-banyak dan menambahkan lagi hasil-mahsul dalam negeri ini.

Tembakau jenis Virginia yang ditanam dalam negeri Kelantan itu, Tuan Yang di-Pertua, hanya di-arahkan dan di-anjorkan oleh satu sharikat sahaja, dan ini pun patut juga di-fikirkan oleh

pehak Kerajaan negeri ini supaya keadaan harga<sup>2</sup> tembakau yang di-bayar oleh sharikat yang satu itu tidak lagi menekan ra'ayat itu sendiri. Kalau ada dua sharikat yang menganjorkan dan membeli tembakau<sup>2</sup> itu, dan kalau pehak Kerajaan sendiri pula yang menjalankan ranchangan itu, saya percaya harga<sup>2</sup> tembakau jenis Virginia itu akan lebeh baik pada masa akan datang. Itu pun satu daripada perkara yang patut di-fikirkan oleh Kerajaan negeri ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, soal penanaman kelapa bali. Ini satu daripada ranchangan yang terbesar yang patut di-fikirkan oleh Kerajaan negeri ini supaya dengan Ranchangan Menanam Kelapa Bali di-dalam tanah<sup>2</sup> baharu yang akan di-buka pada masa akan datang nanti akan mendapat tempat bagi menggantikan penanaman getah dari satu masa ka-satu masa, dan dengan yang demikian akan dapat menolong kehidupan ra'ayat negeri ini dan menolong membetulkan ekonomi negara kita ini.

Kita tahu walau pun banyak ranchangan<sup>2</sup> kemajuan yang berjalan dalam negeri ini, tetapi jangan-lah kita lupa bahawa sa-bahagian besar daripada ranchangan kemajuan itu ada-lah bergantung kepada hutang negara kita ini pada negara<sup>2</sup> luar, atau pun hutang dalam negeri. Saya telah perhatikan sejak dari tahun ka-tahun bahawa negara kita ini tidak berhenti<sup>2</sup> berhutang daripada negara asing untuk ranchangan kemajuan, dan di-dalam Titah Seri Paduka Baginda ini pun dan demikian juga di-dalam titah yang telah lalu di-sebutkan bahawa di-dalam soal hutang negara ini dan kalau-lah salama<sup>2</sup>-nya kita mengharapkan kepada hutang negara seperti ini, hutang negara kita daripada negara<sup>2</sup> sahabat dan sa-bagai-nya, ini erti-nya menambahkan dekat negara kita ini terjerumus kadalam satu keadaan yang serba salah pada masa akan datang. Sa-patut-nya, Tuan Yang di-Pertua, soal yang seperti ini dapat di-atasi dengan mengadakan ranchangan<sup>2</sup> yang lebeh berkesan kepada ekonomi dalam negeri kita ini.

Satu masa dahulu pernah saya bangkitkan dalam Rumah yang mulia

ini sa-waktu Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan satu motion untuk mendapatkan kelulusan daripada Parlimen ini untuk berhutang wang sa-banyak \$300 juta untuk ranchangan<sup>2</sup> kemajuan. Saya telah membangkitkan bahawa wang yang di-dapati daripada hutang dari mana<sup>2</sup> sa-kali pun patutlah wang itu di-gunakan kepada ranchangan<sup>2</sup> kemajuan, atau pun pembangunan yang boleh menghasilkan keuntungan seperti ranchangan<sup>2</sup> mendirikan kilang<sup>2</sup> perusahaan dan sa-bagai-nya. Pihak kami di-sini tidaklah mengatakan bahawa soal berhutang ini sa-bagai satu perkara yang tidak dapat langsung, dan kami pun perchaya bahawa negara<sup>2</sup> yang baharu muncul yang baharu merdeka tidak dapat berdiri dengan tegap dan kukuh, kalau sa-kira-nya tidak mendapat pinjaman daripada luar negeri bagi membangunkan negara itu sendiri. Akan tetapi yang kita kehendaki ialah wang yang di-dapati daripada pinjaman luar negeri itu hendaklah sa-banyak<sup>2</sup> peratus yang boleh digunakan kepada pembangunan negara dari sudut pembangunan, perkilangan, perusahaan dan sa-bagai-nya.

Saya maseh ingat bahawa Ranchangan Pembangunan Negara yang berlaku di-negeri India beberapa tahun yang lalu dengan meminjam wang daripada Bank Dunia dan Amerika, mereka dapat membangunkan satu Kilang Susu yang terbesar sa-kali dalam negeri India di-atas asas sharikat kerjasama dalam mana beratus<sup>2</sup> juta ringgit telah di-churahkan daripada wang pinjaman itu bagi membangunkan Kilang Susu yang terbesar itu. Dari kilang itu keluarlah kiju, mentega dan sa-bagai-nya, dari bahan<sup>2</sup> atau barang<sup>2</sup> yang di-dapati daripada bahan<sup>2</sup> susu, dalam mana semua penternak<sup>2</sup> lembu dan sa-bagai-nya yang menghasilkan susu itu di-sifatkan sa-bagai ahli daripada sharikat kerjasama itu sendiri. Jadi, dalam tempoh beberapa tahun kemudian sa-sudah sharikat itu berjalan dengan baik yang dapat di-lakukan perjalanan itu daripada hasil pinjaman wang daripada luar negeri itu, maka keuntungan daripada sharikat itu sendiri yang kemudian menyelesaikan

hutang<sup>2</sup> yang di-pinjam oleh negara-nya daripada negara<sup>2</sup> luar, atau pun badan<sup>2</sup> pinjaman, atau pun Bank Dunia, atau pun daripada mana<sup>2</sup> puncha kewangan yang di-pinjam oleh negara itu sendiri. Jadi, dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, keuntungan akan di-dapati dua. Yang pertama, negara itu sendiri tidaklah melibatkan diri-nya kepada tanggungan jumlah wang yang banyak, dan yang kedua, ekonomi ra'ayat dapat di-bangunkan daripada pinjaman wang negara itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau chara ini dapat di-lakukan dalam negara kita ini dalam Ranchangan Lima Tahun yang akan datang atau sa-bagai-nya, saya perchaya bentok dan wajah kehidupan masyarakat dalam negeri ini akan berubah, bentok ekonomi negeri ini akan berubah dari satu masa ka-satu masa. Tidaklah boleh kepinchangan ekonomi yang ada dalam negeri kita ini di-ubat dengan di-masokkan modal<sup>2</sup> asing yang banyak ka-dalam negeri kita ini, dan memberi peluang mendirikan kilang<sup>2</sup> yang banyak. Dari sudut negara, atau dari sudut kewangan negara sendiri, barangkali tidak banyak berubah daripada keadaan<sup>2</sup> yang saya sebutkan tadi dengan keadaan<sup>2</sup> yang ada sekarang dalam negeri kita ini. Akan tetapi, dari sudut ra'ayat, lain, sebab memasukkan modal luar dengan banyak ka-dalam negeri ini yang mendapat keuntungan ia-lah pemodal<sup>2</sup> itu sendiri. Ra'ayat dalam negeri ini paling banyak dapat menumpang tuah menchari makan sa-bagai pekerja<sup>2</sup> kasar dalam sharikat<sup>2</sup> itu sahaja, dan paling banyak beberapa gelintir manusia yang ada duit yang dapat membeli share<sup>2</sup> daripada sharikat<sup>2</sup> besar yang terdiri dalam negeri kita sahaja. Jadi, chara yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah satu chara yang mujarab bagi mengubah kedudukan system ekonomi yang ada dalam negeri kita ini.

Pada masa sekarang ini, boleh jadi dengan kalimah<sup>2</sup> yang saya sebutkan ini, orang boleh menudoh bahawa saya hendak mengubah kedudukan bentok ekonomi yang ada sekarang ini sa-chara mengejut kepada keadaan bentok

ekonomi yang lebih progressive dan lebih radical, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah saya bermaksud bahawa bentuk ekonomi yang ada sekarang ini dapat di-ubah, dan mesti di-ubah dengan chara mengejut, dengan chara revolution, tetapi apa yang saya maksudkan ia-lah target, atau matlamat daripada pemerintah negeri ini hendak-lah ada dalam menuju kepada perubahan bentuk—structure ekonomi dalam negeri kita ini. Dengan ada-nya matlamat yang jelas dan tegas dalam perubahan ekonomi negara kita ini, dan dengan ada-nya ranchangan satu demi satu yang di-kemukakan dari setahun ka-satahunan bagi menuju kepada ranchangan, atau matlamat itu, maka saya perchaya negara kita ini dengan chara beransor<sup>2</sup> akan dapat mengubah chorak<sup>2</sup> ekonomi yang boleh memberi faedah dan menafa'at kepada ra'ayat seluruh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan system ekonomi yang ada sekarang ini yang paling terok sa-kali menerima akibat-nya ia-lah orang<sup>2</sup> yang tidak berada dan sa-bahagian besar daripada orang<sup>2</sup> yang tidak berada itu ia-lah daripada kalangan bangsa kita, bangsa Melayu sendiri, daripada kalangan orang<sup>2</sup> Melayu yang ada dalam negeri ini-lah yang paling banyak menerima akibat daripada system ekonomi yang ada sekarang ini. Untuk memberi semangat supaya orang<sup>2</sup> Melayu kita ini maju dalam lapangan ekonomi supaya mereka itu berlumba, supaya mereka itu berikhtiar masuk membeli mana<sup>2</sup> share yang ada dalam negeri ini; saya rasa tidak cukup, sebab jarang sangat daripada kalangan orang<sup>2</sup> kita Melayu dalam negeri ini yang dapat menyimpan wang bagi membeli share mana<sup>2</sup> sharikat besar yang ada dalam negeri ini. Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun di-seru semangat supaya orang<sup>2</sup> Melayu dalam negeri ini memasoki dan menerjunkan diri ka-dalam lapangan perniagaan, atau lapangan ekonomi, maka seruan itu akan tenggelam di-telan oleh suasana dan keadaan sahaja. Tidak akan dapat menghasilkan apa<sup>2</sup> sa-lain daripada ranchangan<sup>2</sup> seruan seperti itu hanya

dapat menambah sedikit sa-banyak semangat. Satu masa pernah saya mendengar Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sendiri telah memberi satu seruan semangat yang hebat kepada ra'ayat, terutama kepada orang<sup>2</sup> Melayu. Kata dia: "Kita sudah menjadi bangsa yang merdeka dan berdaulat, sudah-lah sampai masa-nya bagi orang<sup>2</sup> Melayu dalam negeri ini menukar sikap daripada sikap merayu<sup>2</sup> meminta pertolongan kepada sikap perchaya kepada diri sendiri dan berkejar merebut kemajuan. Kalau gulungan<sup>2</sup> lain daripada warga-negara negeri ini dapat maju dalam lapangan ekonomi, maka kenapa daripada gulungan orang<sup>2</sup> Melayu sendiri tidak dapat maju dalam lapangan ekonomi. Kita menjadi bangsa yang merdeka, jangan-lah kita menjadi bangsa meminta sedekah lagi." Ini ada-lah satu semangat yang baik yang di-churahkan oleh Perdana Menteri negara kita ini kepada ra'ayat di-kalangan bangsa Melayu, akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, chara bagaimana supaya orang<sup>2</sup> Melayu itu dapat mencapai kemajuan di-lapangan ekonomi? Dengan mengubah sikap meminta<sup>2</sup>, merayu<sup>2</sup>, meminta pertolongan daripada Kementerian itu, Kementerian ini yang kadang<sup>2</sup> hampa. Chara bagaimana supaya mereka itu dapat menjadi bangsa yang dapat berdiri di-atas kaki-nya sendiri. Kita bangsa Melayu di-suruh maju dalam bahagian ekonomi, di-suruh kita kejar, di-suruh kita berlumba dan di-suruh kita melawan gerakan ekonomi yang ada pada orang lain daripada orang bukan Melayu supaya dapat kita sata dan sa-taraf dengan mereka itu sa-bagai warga-negara dalam negeri ini di-lapangan ekonomi dan perniagaan, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bangsa lain atau pun kalangan warga-negara yang bukan daripada kalangan orang Melayu sa-bahagian besar telah maju jauh ka-hadapan, mereka telah terbang dengan kapal terbang jet dan telah beratus dan beribu<sup>2</sup> batu ka-hadapan dalam lapangan ekonomi, kita orang Melayu di-suruh mengejar kemajuan yang telah di-dapati oleh orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu yang telah maju di-hadapan begitu jauh. Dengan kapal apa yang patut kita kejar? Dengan



kereta lembu? Atau dengan apa? Inilah satu masalah pokok yang harus di-fikirkan bersama.

Menyuroh orang maju memang mudah. Tetapi memberi peluang dan mengadakan satu ikhtiar yang merupakan ikhtiar dari sudut undang<sup>2</sup>, ikhtiar dari sudut modal, ikhtiar dari sudut tenaga ahli dan sa-bagai-nya yang boleh memajukan orang Melayu ini supaya sa-taraf dengan gulongan warga-negara yang lain daripada orang Melayu negeri ini dalam lapangan perusahaan ada-lah mustahak dan patut di-fikirkan oleh Kerajaan sekarang ini. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah berasaskan kapada perasaan sentimen perkauman. Jangan-lah pula ada daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat berfikir bahawa saya menyuarakan perasaan perkauman dalam Dewan yang mulia ini. Ini ia-lah suara daripada sa-bahagian besar ra'ayat negeri ini yang ingin maju dan ingin duduk sa-taraf dengan ra'ayat lain dan dengan gulongan lain yang menjadi ra'ayat dalam negeri ini juga. Jadi ini satu daripada seruan dan semangat yang ada dalam kalangan sa-bahagian besar ra'ayat negeri ini yang hendak melihat bahawa semangat dan kehidupan demokrasi berlaku dalam negeri ini dengan wajar dan dengan baik. Apa-lah erti-nya demokrasi yang hidup dalam negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-bahagian kecil atau sa-bahagian daripada ra'ayat negeri ini hidup mewah dan ma'amor di-lapangan ekonomi, tetapi sa-bahagian besar daripada ra'ayat negeri ini hidup tertindas, miskin dan menderita dalam negara kita ini sendiri.

Ini satu perkara yang besar yang tidak boleh di-perkecilkan di-samping rancangan kemajuan Kerajaan negeri ini membena jalan raya, membena balai raya, membena telaga, membena parit, membena talivishen dan membena dawai letrik untuk menyambungkan api itu ka-rumah orang kampong serta memberi ayer berpuleh, ayer pili (paip) dan sa-bagai-nya. Maka satu perkara ia-lah merubah bentuk ekonomi yang boleh memberi kehidupan ekonomi yang baik kapada ra'ayat negeri ini patut-lah di-fikirkan. Jadi itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, di-

antara perkara<sup>2</sup> yang saya hendak sentoh sedikit sa-banyak di-dalam Titah di-Raja pada hari ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang sangat menarek hati saya dalam Titah Seri Paduka ini ia-lah perkara yang menyentoh soal demokrasi dan soal pilihan raya. Demokrasi dengan pilihan raya ada-lah dua kalimah yang berlainan bunyi-nya tetapi satu dalam erti kata, sebab pilihan raya merupakan satu alat yang terpenting bagi melaksanakan hasrat dan semangat demokrasi dalam negeri ini, dan dalam mana negeri yang mengamalkan dasar demokrasi sa-bagai asas<sup>2</sup> kehidupan bernegara bagi negeri. Kita telah menempoh pilihan raya yang besar baharu<sup>2</sup> ini. Kita telah menempoh suatu pilihan raya yang tidak ada tara-nya sa-lama ini—pilihan raya yang berbentuk seperti itu ia-itu pilihan raya sa-rentak antara Dewan Negeri dan Dewan Ra'ayat. Kita telah melalui satu zaman pilihan raya yang belum pernah kita lihat zaman<sup>2</sup> pilihan raya yang telah lalu daripada itu. Apa kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sa-banyak semangat demokrasi yang kita junjong dan kita amalkan dalam negeri ini terpaksa melalui lupak<sup>2</sup> dan terpaksa melalui jurang<sup>2</sup> yang dalam yang kadang<sup>2</sup> meniti di-atas titi sabatang dan kalau tidak kena gaya jatuh ka-bawah. Boleh-lah saya katakan barangkali sa-bagai dugaan atau ujian kapada demokrasi negeri ini, tetapi boleh juga kita katakan sa-bagai satu chara yang tidak langsung merupakan batu penarong kapada perkembangan demokrasi dalam negeri ini.

Kita dapati sedikit sa-banyak di-dalam pilihan raya yang berlangsung baharu<sup>2</sup> ini kebebasan<sup>2</sup> bagi ra'ayat untuk mengundi dan sa-bagai-nya sedikit sa-banyak pada sa-tengah<sup>2</sup> tempat yang saya tahu, terancham—kakitangan<sup>2</sup> kerajaan dan pegawai<sup>2</sup> kerajaan ada di-antara-nya, tidak semua, mengambil pehak di-dalam kerja<sup>2</sup> pilihan raya yang berlangsung baharu<sup>2</sup> ini. Ini bukan-lah satu tuduhan yang melulu, tetapi satu kenyataan yang saya saksikan sendiri. Sa-waktu berlaku pilihan raya pada beberapa

buah negeri sa-lama berjalan-nya pilihan raya baharu<sup>2</sup> ini, saya perhatikan sa-bahagian, bukan semua, diantara anggota pasokan keselamatan mengambil bahagian yang chergas didalam kerja<sup>2</sup> pilihan raya, bukan kerja sa-bagai jawatan-nya, tetapi merupakan kerja<sup>2</sup> politik. Ada Pegawai Polis yang memaksa orang supaya mengundi atau supaya bekerja bagi pehak parti yang di-anuti-nya, ada di-antara anggota polis biasa yang mengugut, menekan ra'ayat dan sa-bagai-nya. Pendek-nya, kalau di-kaji, banyak benar-lah lopak<sup>2</sup> dan titi<sup>2</sup> kecil yang di-tempoh oleh ra'ayat dalam negeri ini dalam mengejar demokrasi dalam negeri ini. Ini sangat-lah di-kesalkan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh jadi pehak Kerajaan akan menafikan ini semua dan boleh jadi pehak Menteri akan meminta supaya pehak kami disini mengemukakan perkara ini kepada pehak ke'adilan atau sa-bagai-nya, tetapi ini soal bukan-lah soal menafikan dan bukan-lah soal mengemukakan perkara ini kepada ke'adilan. Tetapi apa yang saya kemukakan ini ia-lah pandangan dan perasaan yang tersemat dalam hati saya sendiri atas pandangan<sup>2</sup> kehidupan demokrasi yang berjalan dalam negeri ini.

Penangkapan<sup>2</sup> terhadap orang<sup>2</sup> politik giat di-lakukan pada sa'at<sup>2</sup> menjelang pilihan raya bagitu dekat, dan ini semua-nya sedikit sa-banyak menjadi arang hitam yang terchonteng pada muka demokrasi dalam negara Malaysia ini. Dan boleh-lah saya pada hari ini merayu kepada pehak Kerajaan supaya perkara saperti ini tidak akan berlaku lagi pada pilihan<sup>2</sup> raya yang akan datang, lebeh<sup>2</sup> lagi pilihan raya yang akan berlaku di-Bachok untuk menchari, melantek atau memilih sa-orang ahli Dewan Ra'ayat mengganti tempat Allahyarham Enche' Zulkiflee bin Muhammad akan berlangsung tidak berapa hari dan minggu lagi dan banyak lagi pilihan raya akan datang boleh-lah saya merayu supaya jangan berlaku kejadian saperti itu. Tetapi apa-lah erti rayuan kalau benda itu berjalan terus-menerus, kalau benda itu dengan sa-chara halus dan chara bijak di-

lakukan, sama ada oleh arahan dari atas atau arahan diri mereka itu sendiri, itu tidak menjadi pokok dan tidak menjadi masalah? Saya tidak hendak meletakkan tuduhan bahawa Kerajaan Perikatan ini telah melakukan satu kerja politik yang kotor dengan mengarahkan pegawai<sup>2</sup>-nya daripada pegawai keamanan sampai kepada pegawai penerangan dan sa-bagai-nya untuk mengganggu kerja<sup>2</sup> pilihan raya atau mengganggu semangat demokrasi bagi memaksa, mengugut, memujuk atau pun merayu orang ramai supaya mengundi pada pehak parti-nya. Saya tidak hendak menuduh demikian, dan tuduhan saperti itu sia<sup>2</sup> sahaja. Tetapi apa yang saya hendak cheritakan ini ia-lah supaya perkara ini ada dalam ma'aluman walau pun memang boleh jadi telah ada dalam ma'aluman pehak Menteri<sup>2</sup> Yang Berhormat dan pehak pemimpin<sup>2</sup> Kerajaan ini. Ketahuilah bahawa sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau hal ini tidak di-jaga dengan baik negara kita akan malu dan demokrasi dalam negeri ini akan kotor dan chemar. Wajah demokrasi yang saya sebutkan tadi tidak akan menunjukkan muka-nya dengan wajah yang senyum simpul di-hadapan dunia demokrasi seluruh-nya, terpaksa-lah wajah demokrasi dalam negeri ini akan menunjukkan muka yang muram, masam, sedeh dan sa-bagai-nya, dan ini akan menurunkan nilai demokrasi dalam negara kita yang bertuah ini.

Saya perchaya, barangkali pehak Menteri<sup>2</sup> sendiri pun ta' mahu hal saperti ini berlaku, tetapi mungkin kerana hasrat hendak menang dalam pilihan raya dengan banyak-nya, maka terpaksa-lah untuk sa-ketika waktu menoda'i dan menchabol demokrasi itu buat sementara, kemudian-nya akan di-perbetulkan dari tahun<sup>2</sup> yang berikut-nya. Hal saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, sangat tidak baik, dan sa-bagai sa-orang warga-negara yang chintakan demokrasi dan chintakan supaya hidup demokrasi itu subur, senyum simpul, manis dan sa-bagai-nya, saya mengharapkan supaya keadaan pilihan raya pada masa akan datang itu mesti di-jalankan dengan chara yang baik, dengan chara yang betul dan kesilapan<sup>2</sup> yang berlaku

patut-lah pehak Kerajaan menyiasat dengan baik dan menyiasat serta mengkaji sa-barang perkara yang boleh merosakkan nama baik demokrasi dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi daripada ranchangan yang di-sebutkan dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda ini ia-lah tentang soal dasar luar untuk mendekatkan diri Malaysia ini dengan negara<sup>2</sup> Afro-Asia. Saya tidak tahu sama ada kesedaran ini timbul sekarang, atau pun memang kesedaran ini terpendam begitu lama. Satu masa dahulu Kerajaan, atau Perdana Menteri telah mengirim satu misi (mission) muhibbah ka-negeri<sup>2</sup> Afro-Asia yang di-ketua<sup>2</sup> oleh Enche' Lee Kuan Yew dari Singapura bagi mendekatkan dan memperkenalkan negara Malaysia ini kepada negara<sup>2</sup> di-Afro-Asia itu. Sa-jauh mana kejayaan yang di-dapati oleh Enche' Lee Kuan Yew dalam memperkenalkan wajah dan bentuk negara Malaysia ini kepada negara<sup>2</sup> Afro-Asia itu sampai sekarang ini ta' dapat kita menduga dengan begitu jauh, akan tetapi boleh jadi dengan chara perlantekan, atau kenaikan darjah Consul kepada darjah Duta di-negeri Saudi Arabia itu ada-lah hasil daripada misi muhibbah, tidak-lah saya tahu. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau baharu sekarang ini kepentingan mendekatkan diri Malaysia kepada Afro-Asia itu baharu di-sedari, maka saya rasa sangat-lah tidak patut dan sudah-lah begitu terlambat.

Baharu<sup>2</sup> ini saya telah terbacha satu berita, pengakuan daripada negara Republic Indonesia menyatakan bahawa sa-bahagian besar negara<sup>2</sup> Arab, menyebelahi di-sabelah pehak Indonesia, dengan kerana sikap Indonesia itu membenci dan menentang negara Israel daripada masuk di-dalam peraduan sukan yang telah di-adakan di-Jakarta pada satu masa yang lalu, dan demikian juga sikap pehak Indonesia menentang Israel daripada masuk mana<sup>2</sup> sukan dunia. Ini, walau pun, kalau benar-lah hal saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu pukulan berat kepada negara Malaysia. Mula<sup>2</sup> negara kita ini merdeka dengan nama Persekutuan

Tanah Melayu dahulu pernah timbul perkara ini, kenapa Persekutuan Tanah Melayu ini dengan begitu chepat, dengan diam<sup>2</sup> mengiktirafkan negara Israel, pada hal kita tahu negara Israel ia-lah sa-buah negara yang kechil, yang timbul daripada hasil<sup>2</sup>, kejadian<sup>2</sup> lichin dan kotor yang berlaku di-Timor Tengah dengan bantuan daripada negara<sup>2</sup> penjajah, maka Israel itu muncul dan timbul dan Israel menjadi kudis gatal, menjadi kudis buta di-tengah<sup>2</sup> kanchah kedudukan politik negara<sup>2</sup> Arab di-Timor Tengah sana. Kalau kita tahu bahawa sikap kita hendak melibatkan diri dan merapatkan persahabatan yang lebih kukuh dan irat antara negara kita dengan negara<sup>2</sup> Afro-Asia, terutama dengan negara<sup>2</sup> Arab, maka kenapa tidak di-kaji sa-mula sikap kita mengiktiraf negara Israel itu. Kalau dengan adanya alasan bahawa negara Israel itu menjadi anggota Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, maka mesti kita mengiktiraf, maka banyak lagi negeri<sup>2</sup> yang sampai sekarang ini sudah pun menjadi anggota Bangsa<sup>2</sup> Bersatu yang kita tidak iktiraf. Hal ini patut-lah di-kaji sa-mula oleh Kerajaan negeri ini supaya sikap kita mengakui Israel itu dapat di-perbetulkan pada masa akan datang, dan saya perchaya dengan yang demikian akan dapat menghubungkan tali muhibbah dan mengiratkan lagi kedudukan perhubungan diplomatic antara negara kita ini dengan negara<sup>2</sup> Afro-Asia, terutama dengan negara<sup>2</sup> Arab di-Timor Tengah, dan hal ini walau pun beberapa misi sa-kali pun kita hantar, walau berapa banyak Lee Kuan Yew kita kirim ka-sabelah Afrika dan sa-bagai-nya, ta' akan dapat menghasilkan maksud kita yang baik itu sa-lagi kita sendiri tidak dapat menunjukkan sikap jujur dan ikhlas kita terhadap negara<sup>2</sup> sahabat Afro Asia yang ada pada hari ini, dan pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentoh sedikit tentang soal perubahan Kementerian<sup>2</sup> yang ada pada hari ini. Satu daripada Kementerian dahulu yang bersangkutan ia-itu Kementerian Buroh dan Kebajikan Masharakat telah di-pechahkan menjadi dua. Kementerian Buroh satu, dan Kementerian Masharakat satu. Pada

zahir-nya bagus, sebab erti-nya pehak Kerajaan dapat menumpukan dengan sa-luas<sup>2</sup>-nya dan dengan lebeh dekat lagi kapada soal<sup>2</sup> kebajikan masharakat dalam negeri ini, kalau di-lantek sa-orang Menteri yang bertanggung-jawab dalam soal kebajikan masharakat. Tetapi, pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah menjadi halangan sa-orang yang menjadi Menteri Buroh dan Kebajikan Masharakat menjalankan kedua<sup>2</sup> kerja ini dengan lichin, dengan halus, dengan chermat dan dengan berkesan kapada masharakat kita itu untuk kebajikan masharakat dan demikian juga untuk buroh, bahkan kita tahu pada masa yang telah lalu, Kementerian Buroh dan Kebajikan Masharakat ini ada dua Menteri. Satu nama-nya Menteri tua dan satu lagi nama-nya Menteri Muda—Assistant Minister. Jadi, kalau-lah kerja<sup>2</sup> ini banyak sangat, soal sana mogok, sini mogok, maka sampai Menteri itu ta' ada tangan hendak menjalankan kerja-nya, ada Menteri Muda-nya yang dapat membicharakan soal<sup>2</sup> kebajikan masharakat.

Apa hikmat-nya dan apa maksud-nya memecahkan kedua<sup>2</sup> Kementerian ini ta' dapat saya meneka-nya, boleh jadi—tetapi ini harap minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua—boleh jadi, kerana hendak memenohi beberapa orang<sup>2</sup> yang tertentu bagi Kementerian<sup>2</sup> ini tidak-lah saya tahu. Pada hal banyak lagi Kementerian<sup>2</sup> yang lebeh berat daripada ini yang boleh di-pechahkan, ta' di-pechahkan. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Dalam Negeri sekarang di-satukan menjadi satu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di-champor lagi dengan Kementerian Kehakiman; satu sahaja Menteri-nya. Itu bukan main berat, tetapi di-satukan, kalau itu di-pechahkan juga, bagus juga. Yang ringan di-pechahkan, yang berat di-satukan. Entah barangkali tokoh dan calibre Menteri Keselamatan Dalam Negeri kita ini bagitu besar sa-hingga dapat memikul tiga empat Kementerian, saperti calibre yang ada pada Timbalan Perdana Menteri, atau Perdana Menteri itu sendiri. Jadi, ini patut-lah, saya hendak

kata ta' patut, Tuan Yang di-Pertua, ta' tahu-lah, tetapi ini satu perkara yang saya nampak ganjil dalam susunan Cabinet baharu kita ini. Pehak Perdana Menteri tentu-lah ada mempunyai alasan menjawab, terserah-lah kapada dia.

Satu lagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ada-kah erti Pembangunan Negara itu tidak termasuk Luar Bandar? Dan apa-kah erti Luar Bandar itu terkeluar daripada kalimah Negara? Ini pun saya tidak tahu, atau pun boleh jadi supaya jangan hilang kalimah Luar Bandar sa-bagai satu yang berchahaya untuk chepat di-pandang oleh orang dari jauh, maka terpaksa perkataan Luar Bandar itu di-letakkan di-samping Negara. Pada hal kalau di-pakai kalimah Pembangunan Negara, rasa saya sudah chukup, ini di-tambah lagi dengan kalimah Luar Bandar.

Saya bimbang kok keluar istilah baharu. Ini barangkali Tuan Syed Nasir daripada Dewan Bahasa dan Pustaka akan dapat-lah nanti memberikan kata istilah baharu, sama ada kalimah Negara itu tidak termasuk Luar Bandar, atau memang termasuk Luar Bandar. Sekian-lah.

**Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama<sup>2</sup> dengan wakil yang membawa usul ini menguchapkan satinggi<sup>2</sup> ribuan terima kaseh atas Titah Uchapan Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ada di-hadapan kita ini, kerana di-dalam Titah ini, Tuan Yang di-Pertua, terbentang dengan jelas-nya di-mana keterangan<sup>2</sup> yang penoh dan jelas berkenaan dengan hal negara kita, terutama sa-kali menitekatkan dalam keadaan negara kita yang di-ancham oleh negara luar di-mana berma'ana hidup atau mati-nya negara kita dengan anchaman ini. Dalam Titah ini telah jelas ia-itu dalam perkara anchaman ini yang memberitahu kapada kita bagaimana keadaan<sup>2</sup> yang betul dan jelas terhadap keadaan<sup>2</sup> ini. Saya berfikir keadaan ini kita bahagikan dua. Yang pertama, anchaman<sup>2</sup> senjata yang sedang kita hadapi ia-itu pencherobohan<sup>2</sup> yang di-jalankan dan yang di-majukan oleh

negara tetangga kita ia-itu Indonesia. Dalam anchaman ini saya perchaya kita telah bersedia menghadapi anchaman itu dan dalam menghadapi itu saya mengambil berat terhadap dari dalam negeri. Ini-lah perkara yang saya rasa patut mendapat perhatian yang berat daripada penjelasan dan keterangan yang kita dapati ia-itu kita berasa churiga terhadap beberapa perkara yang ada dalam negeri kita. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya yang telah kita adakan baharu<sup>2</sup> ini kita telah mendapat pengetahuan bagaimana mereka yang kita pandang tidak jujur kepada negara ini telah berterang<sup>2</sup> memberi fikiran<sup>2</sup>-nya, umpama-nya parti<sup>2</sup> lawan Parti Perikatan yang mengatakan terang<sup>2</sup> ia-itu kalau Perikatan menang, maka kita akan berperang dengan negara Indonesia. Di-sini saya rasa dalam ucapan<sup>2</sup> itu boleh kita mengertikan betapa-kah perhubungan rapat dan betapa-kah pengertian mereka terhadap negara kita, kerana dengan ucapan itu memberi satu galakan yang kuat yang membolehkan musuh<sup>2</sup> kita di-luar negeri mendapat semangat baharu dan semangat yang kuat. Jadi, saya berharap dalam perkara ini jangan-lah kita terjadi bagaimana pada masa tahun 1939 satu gerakan daripada negara ini menyebabkan ada peperangan dengan senang-nya musuh<sup>2</sup> masuk ka-dalam negara kita. Sunggoh pun dalam ucapan yang kita baharu dengar daripada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ia-itu ucapan<sup>2</sup> yang di-adakan dalam pilihan raya itu oleh sebab tiap<sup>2</sup> parti itu berkehendakkan kemenangan gunakan chara<sup>2</sup>-nya, tetapi saya memandang berat atas perkara yang di-ucapkan dalam pilihan raya itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam surat-khabar kita telah mendapat keterangan ia-itu parti<sup>2</sup> siasah telah menerangkan kedudukan atau pandangan mereka terhadap Malaysia ia-itu mereka maseh lagi berpegang ia-itu wujud-nya Malaysia belum lagi mendapat pengesahan daripada mereka itu. Ini pun satu perkara lagi yang patut sangat di-ambil perhatian yang berat oleh Kerajaan kita. Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya

anggap juga negara<sup>2</sup> luar yang ada berhubung rapat yang ada diplomatic atau pun ada wakil negara ini bagaimana-kah telah terjadi pada masa negara Afro-Asia untuk mengadakan satu meshuarat yang baharu ia-itu perundingan<sup>2</sup> bagaimana hendak menjemput negara Malaysia masuk bersama<sup>2</sup> dalam conference itu. Dalam masa membincangkan bagaimana keterangan yang kita dapati dalam surat-khabar, Tuan Yang di-Pertua, chuma dua negara sahaja yang bersunggoh<sup>2</sup> memberi pandangan yang baik terhadap negara kita kepada persidangan permulaan untuk mengadakan conference itu ia-itu negara India dan Ceylon, tetapi negara<sup>2</sup> lain yang pada zahir-nya mengakui negara Malaysia dan ada kedutaan<sup>2</sup> mereka di-sini mendiamkan diri terhadap tuduhan<sup>2</sup> yang di-buat oleh negara Indonesia. Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kita berasa churiga terhadap negara<sup>2</sup> yang kita tahu pada zahir-nya sahaja tetapi pada hati-nya kita belum tahu lagi bagaimana-kah pendirian mereka terhadap negara kita. Perkara ini saya pandang berat sa-belum kita dapat mengaku kejujuran negara<sup>2</sup> yang sa-macam ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia ini memberatkan terhadap pembangunan negara tentang bagaimana kenikmatan negara ini dapat di-lebihkan atau pun dengan lebih kuat lagi. Maka dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tiap<sup>2</sup> ra'ayat dalam negeri ini di-beberapa peringkat patut-lah menikmati segala kenikmatan yang ada dalam negara kita. Di-sini saya menitekberatkan, Tuan Yang di-Pertua, terhadap ra'ayat yang tidak mampu dan yang tidak ada upaya serta tidak ada peluang, terutama ra'ayat yang telah tua umor-nya untuk berusaha mendapat nikmat ini mendapat perhatian yang berat, ia-itu mengadakan chara<sup>2</sup> bagaimana-kah hendak merengankan bebanan kehidupan mereka. Kita patut mengadakan satu pertolongan kepada orang<sup>2</sup> tua ini, sa-bagaimana saya perhatikan negara<sup>2</sup> yang maju memandang berat terhadap ra'ayat-nya yang tidak mampu dan yang tidak ada peluang mengejar nikmat<sup>2</sup> yang ada dalam negara itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hal ra'ayat yang tidak ada peluang mendapat kerja atau yang menganggor patut mendapat perhatian dan pertolongan, sa-bagai-mana yang di-buat oleh negeri<sup>2</sup> yang lain. Kita tahu keadaan penganggoran dalam negara kita pada masa ini boleh di-katakan banyak. Saya rasa sungguh pun Kerajaan akan mengatakan kedu-dokan kewangan kita tidak begitu tegap untuk memberi bantuan, tetapi saya harap dapat pertimbangan dan pertolongan perkara unemployment ini. Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertolongan pada anak<sup>2</sup> pun saya harap dapat pertimbangan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang sangat menarek hati saya ia-lah berkenaan dengan hal dasar pelajaran kita yang akan kita adakan pada tahun hadapan, ia-itu dasar pelajaran yang rasa saya sangat<sup>2</sup> sesuai dan sangat menarek hati, dan sangat memberi harapan yang besar pada ra'ayat kita, terutama sa-kali ra'ayat<sup>2</sup> yang tinggal di-luar bandar di-mana keadaan hidup-nya, ekonomi-nya tersangat rendah. Ini satu dasar yang baharu ia-itu dengan memberi pelajaran yang perchuma sampai sembilan tahun dan sa-telah sembilan tahun, dia akan di-salorkan kapada saloran<sup>2</sup> yang murid<sup>2</sup> itu boleh meninggikan bagaimana kechenderongan masing<sup>2</sup> itu. Rasa saya ini-lah satu dasar yang mana telah, di-persetujukan oleh Kerajaan semenjak beberapa ucapan saya pada masa yang lampau. Dalam pada ini, saya berharap akan mendapat satu pertimbangan, terutama berkenaan dengan chara memberi biasiswa.

Pada masa yang lampau, saya memandang, Tuan Yang di-Pertua, chara memberi biasiswa ini tidak-lah tetap, kerana saya memandang bahawa biasiswa ini patut-lah di-beri dengan dua chara. ia-itu satu chara yang biasiswa ini di-beri di-atas kecherdekan, atau kelayakan, atau kechergasan murid<sup>2</sup> itu. Dengan ini usaha bagi murid<sup>2</sup> itu boleh-lah berlumba<sup>2</sup> dan meninggikan lagi pelajaran mereka untuk mendapatkan biasiswa ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pada penjaga kanak<sup>2</sup> yang ta' mampu mengadakan wang perbelanjaan untuk kanak<sup>2</sup> ini, tetapi keadaan-nya dia ada kebolehan untuk meninggikan pelajaran-nya itu. Maka dengan chadangan ini, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita atasi perkara<sup>2</sup> berkenaan dengan pelajaran anak<sup>2</sup> kita pada masa hadapan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya masok kapada perkara kesihatan. Dalam Hujongan Khas ini, Ranchangan Kesihatan kita, rasa saya sangat-lah memuaskan hati, sungguh pun bagitu maseh lagi kita berkehendakkan kebaikan, maka ada dua tiga perkara yang saya hendak bentangkan dalam Dewan ini terhadap Perkhidmatan Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkhidmatan Kesihatan ini, satu perkara yang sangat merunsingkan orang ramai ia-itu terhadap layanan<sup>2</sup> di-Outpatient Department. Banyak rungutan daripada orang ramai, terutama sa-kali orang<sup>2</sup> kampung ia-itu terhadap bayaran<sup>2</sup> yang di-kenakan kapada mereka untuk mendapat rawatan di-outpatient ini, sungguh pun dalam peratoran yang ada dalam pejabat ini membolehkan pegawai<sup>2</sup> itu menggunakan pandangan-nya sendiri, boleh memberi perkhidmatan perchuma, tetapi saya perchaya, kerana pegawai<sup>2</sup> itu terlampau banyak kerja, maka tentu-lah tidak terlintas hati-nya dalam masa dia bekerja itu bagi membedzakan bagaimana-kah orang yang boleh membayar dan tidak boleh membayar.

Kejadian<sup>2</sup> yang baharu ini terjadi di-mana kebanyakan daripada orang<sup>2</sup> kampung telah bersungut ia-itu mereka terpaksa membayar, pada hal mereka sendiri, ia-itu dengan sebab keadaan kemiskinan-nya. mereka ta' ada upaya, atau mampu hendak membayar-nya. Jadi, rasa saya, sa-patut-nya-lah dalam perkara ini, kita perchumakan sahaja segala perkhidmatan<sup>2</sup> di-outpatient ini supaya tidak ada rungutan dan kesusahan bagi mereka yang tidak mampu, dan juga tidak menjadi satu bebanan yang berat kapada pegawai<sup>2</sup> yang akan menentukan, bagaimana siapa yang

patut bayar, dan siapa yang tidak patut bayar.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat rayuan daripada orang ramai juga terhadap bayaran<sup>2</sup> bagi ubat<sup>2</sup>, ia-itu layanan daripada doctor<sup>2</sup> yang membuat kerja sendiri, ia-itu private. Jadi, dalam hal ini, tidak ada satu undang<sup>2</sup>, atau satu peratoran khas yang di-mestikan boleh menetapkan bayaran tiap<sup>2</sup> layanan perkhidmatan yang di-beri oleh private doctor itu terhadap orang<sup>2</sup> sakit-nya. Jadi, rasa saya, patut-lah Kerajaan dapat menetapkan bayaran<sup>2</sup> itu, dan tidak-lah ra'ayat<sup>2</sup> ini membayar harga yang tidak patut. Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu, doctor<sup>2</sup> private ini memeriksa orang<sup>2</sup> sakit, dan juga menjual ubat<sup>2</sup>-nya sa-kali, pada hal kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, ubat<sup>2</sup> yang di-beli-nya itu sangat-lah murah harga-nya, umpama-nya sa-botol aspirin yang mengandongi sa-banyak 1,000 biji itu dengan harga \$3.75 dan juga ubat<sup>2</sup> lain, tetapi berkenaan dengan bayaran yang di-kenakan kepada orang sakit itu, tidak kurang daripada \$6 atau \$7 pada satu<sup>2</sup> orang. Jadi, ini-lah rasa saya, satu perkhidmatan yang sa-patut-nya sa-imbang dengan perkara ubat<sup>2</sup>-nya itu dengan harga yang di-kenakan kepada orang sakit itu.

Pada masa lawatan saya ka-negeri<sup>2</sup> barat, saya memerhatikan ada satu dua buah negeri yang telah mengadakan satu system ia-itu di-mana Kerajaan menetapkan bayaran<sup>2</sup> oleh private<sup>2</sup> doctor ini. Jadi, dengan chara ini, kita perchaya, kalau kita sudah tetapkan dengan adil, maka ada kemungkinan yang doctor<sup>2</sup> yang berkhidmat dengan Kerajaan tidak lagi berasa ta' suka kepada perkhidmatan itu, dan juga dengan itu tidak lagi menggalakkan mereka lari bagi mengadakan perusahaan-nya sendiri.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, yang saya perhatikan sa-masa saya di-London dahulu, saya dapati doctor<sup>2</sup> ini sendiri tidak di-benarkan menjual ubat<sup>2</sup>-nya. Mereka ini di-benarkan memeriksa si-polan yang sakit itu dan di-beri prescription dan ada special chemist dia yang akan memberi dan

menjual ubat itu, jadi tidak ada sama di-antara dua itu. Jadi, dengan jalan ini juga, rasa saya dapat-lah perkhidmatan ini di-rasa<sup>2</sup> dengan murah di-seluruh tanah ayer kita.

Dalam hujongan ini, rasa saya usaha Kerajaan untuk meninggikan, memperbaiki keadaan kesihatan bagi ra'ayat<sup>2</sup> ini, saya junjong tinggi, kerana dalam penyata ini kita dapati-lah bahawa kemajuan yang sangat erat telah di-jalankan. Jadi, rasa saya, dalam perkara ini, sungguh pun pandangan<sup>2</sup> yang saya berikan tadi mungkin susah di-jalankan, tetapi harap-lah mendapat perhatian dan mendapat pertimbangan.

Dalam Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia ini ia-itu usaha Kerajaan untuk meninggikan lagi taraf hidup orang kampung ia-itu dalam usaha untuk memperbaiki lagi perkara tanam<sup>2</sup>-an di-kampung. Saya ucapkan terima kasih dengan usaha ini dan usaha yang akan datang, tetapi satu perkara yang saya minta ia-itu usaha supaya dapat di-adakan penyiasatan mengapa tanah<sup>2</sup> yang ada di-kampung<sup>2</sup> itu tidak berjaya dan tidak mengeluarkan hasil bagi faedah yang empunya tanah itu. Kita tengok di-kampung<sup>2</sup> kita banyak tanah yang terbiar. Saya tahu usaha Kerajaan pada masa yang lampau ada-lah satu usaha yang mana maseh lagi tidak mendapat sambutan yang baik daripada orang kampung oleh sebab sudah tabiat manusia kalau satu perkara yang baharu itu mengambil masa, tetapi perkara yang ada dalam kampung itu saya rasa patut sangat mendapat perhatian bagaimana-kah chara-nya boleh di-baiki. Berhubung dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam Hujongan Khas ada menyatakan usaha untuk memperbaiki keadaan<sup>2</sup> pokok buah<sup>2</sup>an dan sa-bagai-nya, tetapi jika-lah usaha untuk mengadakan pasaran bagi pengeluaran segala usaha untuk memperbaiki pokok buah<sup>2</sup>an dan lain-nya itu akan membazir sahaja kalau tidak ada satu usaha yang boleh memasarkan segala benda itu untuk mendapat harga yang tinggi. Maka dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, satu usaha Kerajaan yang saya pandang elok ia-itu daripada

Kementerian Pertanian mengadakan Persatuan Peladang, tetapi belum lagi mendapat kejayaan yang elok. Saya fikir dengan usaha membesarkan lagi Persatuan Peladang membolehkan segala pengeluaran barang<sup>2</sup> daripada kampung itu boleh di-salurkan kepada pasaran yang tertentu yang akan mendapat harga yang baik, tidak bagaimana pada masa yang telah lampau, pasaran ini terpulang kepada orang-tengah di-mana menyebabkan harga barang<sup>2</sup> itu jatuh, dan dengan jatohnya harga itu tidak ada lagi daya atau penggalak kepada mereka itu hendak melebihi perusahaan<sup>2</sup>-nya itu.

Dalam usaha Persatuan Peladang ini saya rasa tentu akan mendapat sambutan yang baik kalau sa-kira-nya chara persatuan ini di-baiki dengan mendapat bantuan<sup>2</sup> kewangan daripada Kerajaan untuk membaiki persatuan ini. Saya harap dengan Persatuan Peladang ini kita boleh mendapat usaha ia-itu peladang<sup>2</sup>, orang kampung dan pa' tani boleh memandang persatuan ini akan membantu mereka yang tidak ada upaya untuk membeli baja dan jentera yang boleh menaikkan taraf kedudukan pertanian mereka, dan sa-telah mereka mendapat bantuan daripada persatuan ini, maka pasaran dapat di-tentukan. Sebab saya kata bagitu ia-lah pada masa lawatan saya baharu ini ka-negeri Taiwan chara yang bagini sangat menarek hati saya dan dengan chara ini peladang<sup>2</sup> puas hati sebab mereka tidak di-tindas oleh orang-tengah. Saya rasa dalam hal pertanian ini sungguh pun telah ada di-terangkan dalam Hujongan Khas ini, tetapi maseh pada pandangan saya tidak berapa chukup lagi kalau tidak ada usaha mengadakan pasaran yang di-tetapkan melalui chara lain atau chara<sup>2</sup> yang saya sebutkan tadi.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Uchapan di-Raja ini saya tidak terpandang hal ugama Islam yang menjadi Ugama Rasmi negara kita dan ugama yang kita junjong tinggi. Jadi tidak ada di-chatit pun berkenaan dengan hal ugama dalam Titah Uchapan di-Raja ini. Sungguh pun tidak ada, tetapi saya hendak memberi sedikit sa-banyak

pandangan terhadap sekolah<sup>2</sup> ugama yang ada dalam tanah ayer kita, dan sungguh pun kita mengadakan wang yang sa-banyak \$5 juta untuk memajukan ugama Islam dalam negeri ini, tetapi saya minta perhatian supaya segala perjalanan yang sedang berjalan pada masa ini di-bantu dengan wang yang chukup, kerana tiap<sup>2</sup> sekolah ugama yang berjalan pada masa ini maseh timpang sebab kurang wang dan oleh sebab dasar pelajaran ugama di-sekolah berlainan di-antara satu negeri dengan negeri yang lain kerana mengikut keadaan kewangan masing<sup>2</sup>. Saya rasa perkara ini akan mendapat perhatian daripada Kerajaan. Sungguh pun saya perchaya jawab-nya besok akan mengatakan ugama ini ada-lah tanggung-jawab Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, tetapi sa-bahagian besar juga tanggung-jawab Kerajaan yang telah memberi kewangan. Jadi saya harap dalam perkara ini mendapat pandangan yang berat terhadap perkembangan ugama Islam yang kita rasmikan di-tanah ayer kita ini.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Port Dickson bagi menguchapkan tahniah dan terima kaseh kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi suatu Titah yang ringkas tetapi berisi dan mempunyai erti yang dalam bagi orang yang hendak memahaminya lebeh lanjut. Di-dalam Titah Uchapan dari singgah-sana itu yang menarek perhatian kita Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-dalam Dewan ini tentu-lah berbagai dan bermacam<sup>2</sup>. Bagi saya sendiri yang menarek perhatian saya ia-itu Seri Paduka Baginda telah memberi ucapan tahniah kepada berjaya-nya Parti Perikatan berkuasa sa-mula sa-sudah Pilehan Raya yang di-adakan pada bulan April tahun 1964. Di-dalam kemenangan Perikatan dalam pilehan raya yang baharu lalu oleh sa-tengah<sup>2</sup> lawan<sup>2</sup> politik tentu-lah menganggap bahawa kemenangan itu ada yang berkata tidak jujur, ada yang berkata tidak betul, ada yang berkata kira



undi menipu dan macham<sup>2</sup>. Akan timbul-lah tuduhan<sup>2</sup> kapada tidak berjalan-nya demokrasi dengan baik dalam negeri ini dan akan ada-lah orang berkata bahawa demokrasi kita telah di-chalit dengan arang yang sangat mengaibkan negeri kita ini. Tetapi, yang menjadi kenyataan itu-lah kenyataan, yang menjadi keterangan itu-lah yang hendak kita pegang bahawa pilihan raya yang telah diadakan pada bulan April tahun 1964 itu ra'ayat negeri ini tidak dengan paksa senjata bayonet dari belakang, mereka itu telah memberi undi dan keperchayaan mereka kapada Parti Perikatan sa-hingga Perikatan berkuasa sa-mula sa-lama 5 tahun lagi menguasai dan memerintah negara Malaysia ini.

Ada orang berkata demokrasi kita ini tidak betul. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, demokrasi di-tanah ayer kita ini berjalan dengan bagitu baik, sa-hingga pada jangka kita parti<sup>2</sup> yang akan bertanding di-tanah ayer kita ini hanya parti yang memang sudah mendaftarkan lama dahulu yang berangan<sup>2</sup> dan berchita<sup>2</sup> hendak menguasai negeri ini sahaja bertanding, tetapi oleh kerana sihat-nya demokrasi walau pun 24 jam atau 48 jam sa-belum menamakan chalun kita benarkan parti Lee Kuan Yew (P.A.P.) masok dalam pilihan raya. Ini menunjukkan betapa subur demokrasi dalam negeri ini. Waktu itu ada orang chuba hendak menjengkal muka Perikatan—rasakan! P.A.P. sudah masok, P.A.P. akan chuba hendak membawa satu perubahan baharu—angin Petir yang menyegarkan untuk kesenangan ra'ayat negeri ini akan bertui, maka berkuak<sup>2</sup>-lah pemimpin<sup>2</sup> Petir, terutama-nya Enche' Lee Kuan Yew yang mengatakan bahawa *calibre* pemimpin<sup>2</sup> Perikatan atau UMNO ini kechil sahaja, Tunku Abdul Rahman tidak mempunyai *calibre* yang besar—yang besar hanya dia, tetapi apa yang disebutkan oleh Lee Kuan Yew dalam ucapan pilihan raya itu kita terima dengan tenang—dan ini-lah demokrasi. Sa-kali kita kena tampar, di-lain kali kita akan menampar orang yang menampar kita, tetapi tidak usah-lah mereka marah kapada kita,

sebab kami tidak marah kalau kami di-tampar. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, mengkechilkan Perdana Menteri kita yang mengatakan bahawa Perdana Menteri kita sa-orang yang tidak mempunyai *calibre* besar ada-lah suatu keterlaluan yang kita mesti memahami di-sini bahawa demokrasi kita itu telah di-gunakan untuk menindas dan menekan peribadi orang lain. Tuan Yang di-Pertua, 25 hari-bulan April ra'ayat Tanah Melayu ini telah melimparkan Petir jauh<sup>2</sup> daripada masok ka-Tanah Melayu ini (*Tepok*) hanya satu sahaja melekat—itu pun menggantikan tempat Socialist Front.

**Mr Speaker:** The time is up. The sitting is suspended till half-past four this afternoon.

*Sitting suspended at 1.00 p.m.*

*Sitting resumed at 4.30 p.m.*

(Mr Speaker in the Chair)

**Mr Speaker:** Meshuarat di-sambong sa-mula.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, pada sa-belah pagi tadi telah saya nyatakan beberapa perkara berkenaan dengan Pilihan Raya dan ucapan tahniah daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda kapada Kerajaan Perikatan dan khusus-nya kapada Parti Perikatan yang telah di-beri mandat kembali oleh ra'ayat di-dalam Pilihan Raya yang baharu lalu itu. Pilihan Raya yang baharu lalu ini membawa kapada kita beberapa kenang<sup>2</sup>an yang tidak akan hilang dari ingatan kita sa-bagai ra'ayat yang mengamalkan demokrasi di-dalam negeri ini, dan oleh kerana demokrasi-lah kita telah memberi kesempatan kapada parti<sup>2</sup> yang hendak menompang tui di-dalam Pilihan Raya ini yang walau pun pada sa'at<sup>2</sup> yang akhir mereka itu belum dapat mendaftarkan parti-nya sa-bagai parti yang sah mengikut undang<sup>2</sup> dalam negeri ini, tetapi sa-bagaimana yang kita telah katakan bahawa kita mahu mengamalkan demokrasi ini dengan sihat, biar-lah, terutama sa-kali Petir tidak bersembunyi<sup>2</sup> di-belakang chalun<sup>2</sup> Bebas, maka dia telah bertanding di-atas nama chalun Petir. Kita

terima dengan tangan terbuka, dan ra'ayat Malaya atau Tanah Melayu ini hendak menengok ka-mana dan bagaimana chara serta bagaimana gelagat yang hendak mereka buat bagi menarek perhatian ra'ayat menolong atau pun menyokong mereka itu. Demokrasi telah memberi kepada tiap<sup>2</sup> parti politik mengemukakan rancangan<sup>2</sup> kerja<sup>2</sup>, yang hendak mereka buat, tetapi demokrasi juga telah membuka peluang kepada beberapa pemimpin<sup>2</sup> Petir yang datang dari Singapura chuba hendak mengelirukan penduduk dan ra'ayat Tanah Melayu ini, sehingga hati kechil sa-bahagian besar orang<sup>2</sup> Melayu di-Tanah Melayu ini telah tersinggong oleh chakap<sup>2</sup> yang menyatakan bahawa pemimpin besar kita "Bapa Kemerdekaan Malaysia" di-anggap sa-bagai sa-orang yang berkalibar (*calibre*) kechil sahaja, dan mereka telah mendapat ilham dengan apa yang di-katakan oleh Alex Josey bahawa Lee Kuan Yew-lah sa-orang pemimpin besar, maka mendada-lah dan mendadak-lah chakap yang menyombong dan membotol-lah batang hidong-nya, sa-hingga chuba hendak mengchuit hati kechil ra'ayat orang<sup>2</sup> Melayu.

Pada 25 haribulan April, 1964 ini ra'ayat telah melimparkan mereka itu jauh<sup>2</sup> dan ra'ayat telah mengajar mereka itu yang oleh kerana perchakapan yang sombong dan takbor.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di-dalam demokrasi ini kita memberi peluang untuk berchakap kepada pemimpin<sup>2</sup> parti Pembangkang mengkeritik peribadi Perdana Menteri kita, tetapi juga pemimpin<sup>2</sup> Petir telah mengechil<sup>2</sup>kan kebolehan daripada beberapa Menteri<sup>2</sup> yang telah mendayongkan bahtera Persekutuan Malaysia ini sejak daripada Persekutuan Tanah Melayu sampai kepada lahir-nya Persekutuan Malaysia. Mereka hanya memandang tiga orang sahaja yang berkelayakan dan lain<sup>2</sup> Menteri itu ia-lah tukang sain buta sahaja. Chakap yang macham ini walau pun di-dalam kempen Pilehan Raya telah juga di-jelaskan oleh ra'ayat bahawa Menteri<sup>2</sup> Perikatan ia-lah Menteri<sup>2</sup> yang bertanggung-jawab, bukan sahaja kepada negara ini,

tetapi kapada ra'ayat serta memper-tahankan maruah dan kehormatan negara sampai kapada titisan darah yang akhir.

Jadi, chukup-lah dengan apa yang kita telah alami dalam demokrasi ra'ayat negara ini telah di-beri kebebasan yang banyak, tidak saperti mana demokrasi yang di-buat oleh Petir di-Singapura. Kerajaan Persekutuan Malaysia ini atau Tanah Melayu telah memberi kebebasan kepada ra'ayat 35 hari berkempen—bebas betul—tidak saperti yang di-lakukan oleh P.A.P. di-Singapura yang menekan tengkok ra'ayat dengan memberi hanya 9 hari sahaja boleh chakap. Kalau saperti ini-lah chara yang kami hendak lakukan di-Tanah Melayu ini, maka saya fikir sudut kerusi pun tidak akan dapat oleh P.A.P. di-dalam Pilehan Raya. (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, kita bershukor kapada Tuhan bahawa Tuhan telah melakukan kehendak-nya dan Tuhan telah mentakdirkan apa yang berlaku, bukan sahaja P.A.P. telah chuba mengechil<sup>2</sup>kan kedudukan yang sa-benar-nya, tetapi ada satu perkara yang merbahaya yang telah di-tanam di-dalam kempen Pilehan Raya itu bagi menchemarkan nama demokrasi, ia-itu Petir chuba hendak memisahkan kedudukan keharmonian (*harmony*) penduduk Tanah Melayu ini di-antara orang<sup>2</sup> Melayu dan orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu yang terdiri orang<sup>2</sup> China dan India mereka chuba hendak dengan oleh satu anasir yang mengatakan bahawa M.C.A. ada-lah satu persatuan yang monopoli kepada beberapa orang sahaja. Padahal dalam hakikat-nya M.C.A. ada-lah pertubohan yang mewakili kaum China di-negeri ini kalau sa-kira-nya dalam kempen Pilehan Raya ini sa-benar<sup>2</sup>-nya kita hendak mengamalkan demokrasi itu, maka rasa per-musohan di-antara satu kaum dengan kaum yang lain hendak-lah di-hindarkan. Tetapi, bila-kah rasa-nya, rasa di-hati yang telah di-chongkil oleh P.A.P. ini akan lenyap dari ingatan kita, maka tahun 1969 kita akan ajar mereka itu dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, bagini-lah nampak-nya demokrasi dalam negeri

ini, dan sa-lain daripada parti yang saya katakan tadi hendak tompang tui dalam pilihan raya ini, dan kita persilakan mereka itu datang, tetapi ada juga parti yang sa-lama ini telah halal dalam negeri ini telah menchuba dan berikhtiar bagaimana hendak menggunakan demokrasi itu dengan mengikut faham mereka.

Sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyatakan bahawa demokrasi di-Tanah Melayu ini telah di-chalit dengan arang, oleh kerana kata beliau bahawa Kerajaan Perikatan telah menggunakan kaki-tangan Kerajaan, menggunakan ashkar dan polis bagi memaksa ra'ayat memangkah, atau pun mengundi bagi pehak Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, kalau ini-lah yang telah di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada PAS terutama Ahli dari Pasir Puteh itu menunjukkan sabagai akibat daripada keputusan, oleh kerana kekalahan PAS di-beberapa tempat yang mereka rasa mendapat kemenangan, tetapi hendaklah kita rasakan dan kita mesti-lah memikirkan kembali betapa demokrasi di-negeri ini telah kita amalkan dengan baik. Satu daripada-nya ia-lah di-dalam pilihan raya dahulu, kempen pilihan raya ini oleh sa-suatu pehak parti politik, atau dengan tegas saya katakan dari PAS telah memperkechilkan jumlah umat Islam dalam negeri ini, PAS bukan menambah jumlah umat Islam, tetapi PAS telah memperkechilkan jumlah mereka itu, oleh kerana mengikut istilah orang<sup>2</sup> PAS mereka<sup>2</sup> yang memilih bulan bintang sahaja-lah yang Islam dan yang memangkah sa-lain daripada itu terkeluar daripada Islam.

Surat<sup>2</sup> siaran di-keluarkan mengingatkan ra'ayat memilih Allah, atau memilih Tunku Abdul Rahman. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak-kah merupakan chalitan arang ka-kening demokrasi yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu? Bukan-kah ini satu chalitan arang dengan membawa turun kebesaran Tuhan di-setarafkan dengan kedudukan sa-orang manusia ia-itu hambanya, saperti Tunku Abdul Rahman: "memilih Tunku atau memilih

Allah." Tetapi demokrasi ini membenarkan hal ini. Demokrasi memberikan mereka itu berchakap apa yang mereka hendak chakap, hatta demokrasi juga telah membenarkan mereka itu menggunakan azimat, walau pun sepuluh depa panjang-nya bagi memenangi pilihan raya; itu juga demokrasi. Tetapi, dengan melimparkan sa-suatu tuduhan mengatakan bahawa Kerajaan menggunakan kekuasaan tenaga tentera dan kati-tangan Kerajaan untuk menekan ra'ayat bagi memilih Parti Perikatan ada-lah satu tuduhan yang tidak benar; satu tuduhan yang liar. Apa-lah erti-nya takutkan kapada tentera, kalau dibandingkan dengan takut masuk neraka dan di-azabkan oleh Tuhan.

Dalam kawasan saya, Hilir Perak, saya telah mengalami bagaimana demokrasi ini berjalan dengan baik, dan kita terima dengan senyum dan ketawa. Telah di-siarkan-lah kapada ra'ayat dengan terang<sup>2</sup> bahawa siapa yang memangkah bulan bintang terselamat-lah mereka dari azab kubur. Orang<sup>2</sup> tua yang dekat<sup>2</sup> hendak mati lebeh senang memangkah bulan bintang, kerana mereka meminta selamat daripada azab kubur, tetapi bagi orang yang berfaham demokrasi, soal kubur ia-lah soal amalan dan ibadat kita kapada Tuhan. Orang<sup>2</sup> PAS juga akan di-tanya lebeh awal dari orang<sup>2</sup> Perikatan daripada apa yang di-buat-nya mengikut apa yang telah di-chakapkan-nya, sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan orang<sup>2</sup> PAS akan di-tanya oleh Tuhan lebeh dahulu, sebab mereka berjanji kapada Tuhan di-hadapan ra'ayat dan di-hadapan Allah bahawa mereka akan menegakkan hukum<sup>2</sup> Islam di-dalam negara Islam. Mereka akan di-tanya lebeh dahulu, sa-takat mana-kah yang telah mereka buat. Sa-belum kita di-tanya oleh Tuhan, mereka akan menerima soalan<sup>2</sup> yang berat daripada Allah. Ini pun demokrasi juga. Tetapi dalam amalan demokrasi Alham dulillah kita tidak menjadi sa-bagai negara<sup>2</sup> yang lain di-mana pertumpahan darah berlaku, di-mana nyawa ra'ayat melayang, tetapi waktu saya pergi ka-Kelantan, tidak-lah melayang nyawa ra'ayat, tetapi kepala ra'ayat telah

di-baling dengan batu oleh orang<sup>2</sup> PAS kerana menghadhiri rapat umum UMNO. Ini demokrasi juga. Membiarkan tangan membalik batu ka-kepala orang, demokrasi juga? Adakah ini tidak menchalitkan arang di-kening demokrasi? Tetapi ini semua-nya kita terima dan agak-nya banyak orang yang mahu melupakan dan banyak orang yang tidak akan mahu melupakan-nya. Ini-lah satu daripada apa yang di-sebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa Uchapan Duli Yang Maha Mulia kepada Kerajaan Perikatan dalam bidang dan kemenangan-nya dalam pilihan raya yang lalu, sebab kemenangan Perikatan dalam pilihan raya ini bukan-lah sa-bagai hasil ugutan kepada ra'ayat, bukan-lah sa-bagai hasil penindasan dan memaksakan kehendak-nya kepada ra'ayat, tetapi Perikatan dengan jelas dan terang menyatakan kepada ra'ayat bahawa hanya dua perkara yang di-perjuangkan, yang mesti di-hadapi oleh bangsa dan negara Malaysia ini.

Yang pertama, masalah confron-tasi Indonesia. Yang kedua, ia-lah masalah pembangunan negara. Dua masalah ini-lah yang menjadi masa-alah pokok. Apa-kah ra'ayat mahu berdiri di-belakang Kerajaan, atau menentang Kerajaan? Apa-kah ra'ayat mahu kepada pembangunan negara, atau keruntohan negara? Kita beri peluang ra'ayat berfikir sa-lama 35 hari supaya ra'ayat boleh memilih mana di-antara satu; mana di-antara dua yang hendak di-pilih oleh ra'ayat.

Keikhlasan Perikatan dalam kem-pen dan dasar-nya yang tegas itu-lah yang telah mendapat undi berlebeh, kerusi bertambah, sa-hingga terpaksa dengan segala dukachita-nya melepas-kan enam orang daripada ahli Socia-list Front meninggalkan Dewan ini, kerana mereka tidak di-pilih lagi oleh ra'ayat. Parti P.P.P. juga telah kehilangan orang<sup>2</sup>-nya dan hendak-lah ini semua-nya di-jadikan satu penga-jaran, terutama kepada kita yang menjadi Ahli Dewan Ra'ayat ini, apa-kah baik-nya bagi kita membangun-kan<sup>2</sup> dan mengapikan<sup>2</sup> semangat per-

lawanan di-antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Ra'ayat Tanah Melayu ini sudah begitu jauh mema-hami demokrasi dan mereka telah menjadi hakim dan hakim mereka itu telah menjatuhkan hukuman-nya, dan hukuman-nya ia-lah mu'tamad bebe-rapa orang terpaksa keluar daripada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua dasar yang di-perjuangkan oleh Perikatan. Kedua<sup>2</sup> dasar ini tersebut dalam Uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah di-sampai-kan-nya dalam Rumah yang bertuah ini. Masaalah yang pertama ia-lah masaalah konferantasi di-antara Indo-nesia dengan kita. Telah berkali<sup>2</sup> kita katakan, bukan sahaja oleh pengikut<sup>2</sup> Perikatan, tetapi telah berkali<sup>2</sup> di-sebutkan oleh Perdana Menteri, oleh Timbalan Perdana Menteri, oleh Menteri<sup>2</sup> dan oleh orang<sup>2</sup> yang ber-ketanggungan dalam mempertahankan maruah dan kedaulatan negara ini bahawa Malaysia sa-lama-nya akan membuka pintu untuk perundingan. Malaysia sedia untuk berunding, tetapi Malaysia tidak mahu di-paksa untuk sujud ka-lutut sa-orang *dictator* di-Asia ini—(An Honourable Member: Hear, hear)—

Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah mengutarakan ucapan-nya yang begitu baik, begitu lemah-lembut dan begitu sedap di-dengar oleh telinga, tetapi hasil daripada ucapan-nya itu sa-akan<sup>2</sup> mengatakan bahawa PAS-lah mula<sup>2</sup>-nya yang telah mengemukakan supaya masaalah konferantasi ini di-selesaikan dengan sa-chara aman. Ini bererti bahawa mengikut faham-nya bahawa Perikatan ingin perang, Perikatan mahu perang dan dia telah menasihatkan kita jangan buat kachau—elok-lah bermeshuarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bukan sahaja dalam masaalah konferantasi ini kita ingin menghadapi masaalah ini dengan damai, tetapi sa-belum daripada itu ia-itu sa-belum daripada ada-nya konferantasi, sa-belum lahir-nya

Malaysia, sa-belum lahir-nya Persekutuan Tanah Melayu dan sa-belum hanchor-nya Malayan Union, UMNO telah mempunyai suatu keyakinan dalam jiwa-nya bahawa sa-suatu masaalah nasional hanya dapat di-selesaikan dengan jalan damai. Kalau tidak-lah kerana semangat ingin damai ini ada dalam UMNO dan dalam Perikatan yang waktu itu UMNO saya rasa negeri ini akan menjadi padang jarak padang terkukor dan akan menjadi negara ini hanchor-lebor, kerana semangat orang Melayu pada waktu itu tidak dapat di-tahan<sup>2</sup> dan tidak dapat di-sabar<sup>2</sup>kan lagi, dan kalau-lah sa-orang yang bernama atau pun sa-orang yang berjiwa sa-umpama Sukarno pada masa itu, maka sampai hari ini revolusi kita belum selesai. (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, tidak usahlah ada orang muda yang hendak mengajar orang tua makan bubor oleh kerana kita faham hendak kamana kita dengan parti politik ini dan bagaimana demokerasi ini kita amal-kan. Kita mengerti bahawa konferantasi Indonesia terhadap kita ini bukan timbol dari kita. Bukan kita yang mulakan konferantasi ini, dan bukan kita yang mula-nya berkonferantasi dengan Sukarno, tetapi Sukarno yang memulakan konferantasi-nya dengan kita. Kalau Sukarno berkata, hendak menentang colonial dan menentang colonialism, kenapa waktu British berkuasa di-Sarawak dan Sabah Sukarno tidak mengistiharkan perang dengan pemerintah colonial di-tempat itu? Kenapa Sukarno tidak menolong orang<sup>2</sup> Sabah menghalau British di-tempat itu? Tetapi kenapa sa-telah ra'ayat Sarawak dan Sabah menentukan nasib sendiri dan merdeka baharulah Sukarno menentang kita. Sabah dan Sarawak telah menyetujui bahawa mereka itu ingin merdeka dan hidup dengan aman damai melalui Malaysia dan sa-telah lahir-nya Malaysia baharu-lah pula Sukarno berkuak<sup>2</sup> hendak berkonferantasi dengan kita? Kenapa orang PAS tidak mahu ajar Sukarno? Kenapa mereka mesti ajar kita? Siapa-kah yang mula-nya membuat konferantasi? Siapa-kah yang mula<sup>2</sup>-nya hendak mengasah pedang?

Siapa-kah yang mulakan hendak melanyak, hendak mengganyang dan hendak mengunyah Malaysia ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita tegas dalam pendirian kita. Kita ingin hidup damai dengan negara mana pun dan kita ingin menghulorkan tangan persahabatan dengan sa-siapa pun. Tetapi kalau kepala kita di-tempeleng apakah kita mesti sujud kelutut orang yang menempeleng kita? Kalau orang PAS faham apa yang di-perjuangkannya, Islam juga tidak suroh berperang, tetapi kalau orang memerangi kita bagaimana-kah Islam menyuroh kita? Islam mengajar kita supaya kita bertindak, ada-kah kita mesti sujud kapada mereka yang memerangi kita dan ada-kah kita mesti sujud kapada orang yang hendak menghanchorkan kita? Islam mengajar kita supaya kita membalas dengan apa yang mereka telah perbuat. Sa-takat hari ini sa-telah Malaysia di-lahirkan pada 16 haribulan September yang lalu sampai hari ini mengikut apa yang saya tahu bahawa Malaysia belum bertindak menyerang, tetapi sa-mata<sup>2</sup> Malaysia bersikap mempertahankan diri. Apakah ini tidak sa-suai dengan ajaran Islam: pertahankan-lah diri kamu itu, tetapi kalau orang telah melampau di atas kamu, melampau pula-lah kamu di atas mereka—"Fa" tadu bimitlhima' tada 'alaikum" bukan-kah ini ayat Kur'an. Jadi, kenapa kita di-suroh "berbuat baik-lah dengan Sukarno, buat-lah chara damai" pada hal, Sukarno tidak mahu, wahai Paduka Tuan Sukarno tidak mahu, melainkan di-lanyak-nya kita baharu dia puas. Chuba tunjukkan kapada kita bagaimana chara hendak membuat penyelesaian dengan Sukarno, chuba pandu pula sa-kali<sup>2</sup> jadi diplomat, bagaimana? Kita di atas pendirian kita, dan mereka di atas pendirian mereka. Pendirian Indonesia melanyak Malaysia. Pendirian kita ia-lah menjaga dan mengawal kehormatan kita.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dalam Dewan ini telah bersumpah, angkat tangan, Tuhan menyaksikan bahawa kita hendak mempertahankan kedaulatan Malaysia, kita hendak mempertahankan Perlembagaan Malaysia ini. Sekarang ada orang yang hendak

menudai-nya. Apa-kah kewajiban kita sekarang? Apa-kah kewajiban kita terhadap sumpah kita itu? Kita akan di-makan sumpah! Dan ada-kah kita bersumpah sa-bagai ra'ayat yang ta'at kapada negeri ini? Kita mesti mempertahankan Malaysia. Mempertahankan Malaysia bukan-lah erti-nya bahawa kita hendak menyerahkan negeri ini kapada orang lain. Bukan itu erti-nya. Tetapi sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat kita mesti menjaga kedaulatan negara kita. Dan siapa yang mati kerana hak-nya itu mati shahid, barangkali Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dari PAS boleh keluarkan petua-nya. Orang yang mempertahankan tanah ayer-nya mati shahid.

Tuan Yang di-Pertua, Indonesia dengan dasar konferantasi-nya sekarang ini sa-lama-nya kita sambut dengan baik. Mogok kaki-tangan pos yang berlaku baharu<sup>2</sup> ini yang telah tamat malam tadi telah di-gunakan oleh orang Indonesia melalui suara muhibbah-nya ka-Tanah Melayu, kata-nya, Tanah Melayu konon-nya aman, ma'amor dan bahagia, tetapi apa yang berlaku ra'ayat dan kaki-tangan-nya di-beri makan pasir. Tuan Yang di-Pertua, begitu sa-kali sikap Indonesia terhadap kita. Benda yang tidak ada sangkut-paut dengan-nya pun dia hendak champor. Jadi masaalah yang penting di-dalam perkara konferantasi yang telah disebutkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-dalam Titah Uchapan bukan kita yang tidak mahu berunding, kita hendak berunding, tetapi negara kita ini jangan-lah di-jejaskan. Apa ma'ana-nya kita berunding, Tuan Yang di-Pertua, kalau negeri kita hendak di-jajah dan hendak di-ganyang? Ini chakap apa nama-nya? Indonesia patut mempelajari daripada apa yang di-alami-nya dahulu bahawa Indonesia waktu revolusi terhadap Belanda, waktu Lingajati Agreement berlaku, Belanda telah menggunakan kekerasan-nya terhadap Indonesia, telah menudai genjatan, senjata dan telah menchabol genjatan senjata. Waktu itu apa Indonesia telah buat? Dia me-mekek<sup>2</sup> kapada dunia minta bantuan, dia minta bantuan ka-India dan minta bantuan kapada ra'ayat Malaya. Bagitu-

lah yang berlaku di-Indonesia. Mereka telah pernah di-nudai oleh Belanda. Genjatan senjata mereka telah pernah di-nudai oleh Belanda. Mereka marah. Tetapi sekarang genjatan senjata telah di-ishtiharkan oleh Sukarno, dalam pada itu Sukarno mengerahkan sukarelawan<sup>2</sup>-nya melanggar tanah ayer kita ini. Apa-kah Sukarno buat terhadap masaalah ini? Dan kita minta-lah pendirian Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, terutama ahli<sup>2</sup> daripada PAS, apa-kah fikiran-nya tentang gurila dan pengganas<sup>2</sup> Indonesia yang berada dalam kawasan kita itu? Apa-kah pendirian PAS halal-kah atau haram, berdusa-kah atau tidak? Jadi, apa lagi yang kita merasa sangsi dalam masaalah ini? Pendirian kita tegas. Baharu<sup>2</sup> ini Mr Lopez pun datang kasini, dan kita katakan kita mahu berunding, sharat-nya Indonesia hendak-lah menarek semua tentera-nya dari tanah ayer kita. Ini satu perkara yang halal yang boleh di-terima oleh akal manusia yang merdeka. Benar, barangkali sa-tengah<sup>2</sup> orang ada berchakap, kata-nya kita-lah yang mengapi<sup>2</sup>kan peperangan. Socialist Front dalam pilehan raya yang telah lalu telah menulis poster dengan bagitu besar, dia kata: perang atau damai. Undi kapada Perikatan, ma'ana-nya perang. Bagitu sa-kali hal-nya, dan baharu<sup>2</sup> ini Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Pasir Puteh telah menggunakan satu falsafah, kata-nya jangan-lah kita sangat mengapi<sup>2</sup>kan semangat peperangan. Kita biar-lah mengapi<sup>2</sup>kan semangat ta'at setia kapada negeri ini. Saya setuju dengan fahaman beliau itu, tetapi lebeh baik ucapan-nya ini di-tujukan-nya kapada Indonesia, kapada Sukarno.

Di-Indonesia, Tuan Yang di-Pertua, tiap<sup>2</sup> hari Sukarno mengapi<sup>2</sup>kan semangat sukarelawan-nya yang sa-ramai 21 juta orang itu, bangun dan berjuang: "Jangan makan nasi, makan jagong dan ganyang Malaysia". Ini bukan semangat perang? Kenapa-kah orang<sup>2</sup> PAS ta' mengutok Sukarno? Kita baharu hendak memperkuat tentera kita. Tentera Wataniah, sedang kita lateh berbaris anak<sup>2</sup> muda kita panggil untuk berkhidmat—tetapi

orang<sup>2</sup> PAS marah kita berbuat demikian. Apa-kah yang patut bagi kita untuk mempertahankan maruah kita?

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah satu benda yang saya ta' faham bagaimana chara-nya Parti<sup>2</sup> Pembangkang menghadapi masaalah Malaysia ini, masaalah yang seperti ini, tetapi mengikut fahaman saya dan begitu-lah agak-nya pendirian Kerajaan Perikatan kita, lebeh baik jadi abu daripada menjadi orang yang di-jajah oleh Sukarno. (*Tepok*). Dunia ini pun ta' lama kita hendak pegang. Kalau kita sudah mati, semua-nya hendak jajah jajah-lah, tetapi sa-lama kita hidup dan sa-lama anak chuchu kita hidup dan sa-lama kita menjadi bangsa yang merdeka kita ada berjuang, kita ta' chari lawan, tetapi kalau datang, kita pantang mengelak.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah satu daripada pokok, kenapa Perikatan menang dalam pilihan raya, oleh kerana dasar-nya yang tetap yang tegas terhadap masaalah konferantasi Indonesia.

Yang kedua, yang menjadi pokok daripada Uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-lah tentang pembangunan negara. Saya menguchapkan tahniah kepada Menteri<sup>2</sup> yang baharu, kepada Kementerian<sup>2</sup> yang baharu, seperti Kementerian Penerangan dan Siaran Radio, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian Tanah dan Galian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sa-umpama-nya, saya menguchapkan tahniah kepada Menteri<sup>2</sup> dan Menteri<sup>2</sup> Muda bahawa dengan ada-nya satu bentok Cabinet yang baharu, atau penyusunan sa-mula, atau penambahan tugas Kerajaan Perikatan ini menunjukkan bahawa tenaga kita pada masa yang akan datang dan kerja kita pada masa yang akan datang merupakan satu tenaga dan satu kerja yang akan menentukan chorak dan bentok bagi negara kita dari dalam. Yang saya maksudkan bentok dan chorak masyarakat kita dari dalam ia-itu chorak bagaimana-kah belia ini patut kita arahkan, bagaimana faedah dan apa-kah yang patut menjadi falsafah ruhani bagi ra'ayat. Bagaimana tanah dan galian dapat di-perbetulkan.

Ini semua-nya tugas yang hendak dilaksanakan oleh sa-buah Kerajaan yang di-beri mandate oleh ra'ayat dalam pilihan raya yang telah di-adakan. Ada pun kesalah fahaman, yang di-timbulkan oleh Pembangkang Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah kita hairankan kalau orang buat benda yang agak baik sedikit, orang pun marah; ta' baik, orang marah; yang elok, lebeh baik pun, orang marah juga; ta' baik apa lagi, orang marah juga. Jadi, ta' apa-lah, oleh kerana Kerajaan Perikatan ini telah memberikan janji-nya kepada ra'ayat dalam pilihan raya bahawa dia hendak menjalankan pembangunan negara, maka kita terima-lah segala kechaman daripada beberapa Parti<sup>2</sup> Pembangkang, dan sa-sudah saya berchakap ini, tentu-lah saya sendiri akan menjadi sasaran daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat daripada Parti<sup>2</sup> Pembangkang, tetapi ta' apa-lah, kawan banyak di-belakang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan negara, ada orang salah faham, kata-nya pembangunan negara itu apa-kah berlainan dengan pembangunan luar bandar? Bukan-kah luar bandar itu termasuk dalam negara? Satu hal yang boleh di-kelirukan dalam penerangan daripada sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Bagi saya masaalah-nya bukan masaalah apa-kah pembangunan negara itu tidak termasuk pembangunan luar bandar, tetapi bagi saya masaalah-nya ia-lah pembangunan. Tetapi kalau hendak di-bahathkan, apa-kah pembangunan negara berlainan dengan ma'ana pembangunan luar bandar. Kalau kita mempelajari ugama, Tuan Yang di-Pertua, tuan guru kata, hendak-lah kamu basoh tangan, sudah basoh muka, basoh tangan sampai kepada siku. Apa-kah ini bukan tangan? Yang lebeh pada siku bukan-kah tangan? Itu ma'ana-nya, kalau kita tanya begitu. Tuan Yang di-Pertua, ma'ana-nya tentu-lah ada sebab-nya itu, basoh muka, sudah basoh muka, basoh tangan—ambil wudzu', ini cherita. Basoh tangan sampai ka-siku, apa-kah lebeh daripada siku itu bukan tangan? Ini masaalah-nya. Jadi, pembangunan negara, pembangunan luar bandar itu, bukan negara? Tuan Yang di-Pertua,

ini barangkali akan menjadi modal dalam kempen pilihan raya di-Bachok nanti. (*Ketawa*). Tetapi, biar-lah kita berterang<sup>2</sup>, pembangunan negara, pembangunan luar bandar. Pembangunan negara meliputi seluruh negara, dan pembangunan luar bandar khusus. Jadi, satu umum, satu khas. Jadi, umum ada, khas ada. Jadi yang khas, yang khusus mengenai kemajuan luar bandar, oleh kerana sa-bahagian besar daripada ra'ayat negeri kita ini duduk di-luar bandar dan kalau kita hendakkan pembangunan negara sahaja, tetapi sekarang kita gunakan khusus ia-itu di-samping kita membangunkan sa-buah negara Malaysia yang adil, ma'amur dan ta' makan jagong, maka kita juga tidak melupakan pembangunan ra'ayat di-luar bandar. Masaalah pembangunan ra'ayat di-luar bandar, pembangunan luar bandar ini menjadi modal dalam pilihan raya yang telah lalu, dan juga dalam pilihan raya sekarang. Pembangunan luar bandar yang saya pernah dengar, Tuan Yang di-Pertua, ada orang berkata, ini semua ta' guna. Orang<sup>2</sup> daripada P.P.P. mithal-nya mereka mengatakan apa guna-nya ini kemajuan luar bandar, ini Kerajaan Perikatan ta' betul, mereka tolong orang<sup>2</sup> Melayu sahaja, orang<sup>2</sup> bukan Melayu mereka tinggal. Itu P.P.P. punya fahaman. PAS punya fahaman, mereka berkata, apa guna-nya ini kemajuan luar bandar, ini membazir, membazir Allah ta'ala ta' suroh. Ini kerja shaitan. Yang membazir ini kerja shaitan. Ini jalan raya buat apa, boleh makan-kah? Ini balai raya, boleh makan-kah? Ini-lah kempen pilihan raya pada masa yang sudah mengenai pembangunan luar bandar, tetapi bagi kita Parti Perikatan, kemajuan luar bandar, atau pembangunan luar bandar bukan-lah dia itu ada noktah dalam perjuangan-nya.

Dalam gerakan ranchangan pembangunan luar bandar tidak ada noktah, tidak ada full stop. Buat jalan raya, koma. Balai raya, koma. Buka hospital, koma. Buka tanah 5,000 ekar, koma; semua-nya koma sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan entah bila dia punya full stop sa-hingga Kerajaan Perikatan ini berkuasa agak-nya 50 tahun, baharu jumpa full stop, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, ta' usah-lah orang<sup>2</sup> terutama-nya Ahli<sup>2</sup> Pembangkang, kawan<sup>2</sup> saya Ahli<sup>2</sup> daripada PAS, koma yang kami jadikan itu mereka hendak jadikan full stop. Itu betul-lah ta' kena. Ada pun kemajuan luar bandar itu buat jalan raya full stop, kami dan Perikatan pun tidak bersetuju, tetapi sa-benar-nya tidak ada full stop, dia koma, sudah koma tambah lagi, balai raya koma, sekolah ra'ayat koma, masjid koma semua koma, koma, koma tidak ada full stop. Ra'ayat telah nampak kerja yang di-buat oleh Perikatan ini mendatangkan faedah kapada ra'ayat, sa-kurang<sup>2</sup>-nya faedah, ini sa-kurang<sup>2</sup> faedah di-dalam kawasan saya Hilir Perak, Tuan Yang di-Pertua.

Orang PAS yang mengatakan balai raya ini tidak berguna, tetapi mereka menampal poster Bulan Bintang di-dinding balai raya, ini sa-kurang<sup>2</sup>-nya ada juga guna-nya bagi menampal Bulan Bintang (*Ketawa*). Kerana tidak ada tempat hendak tampal. Kalau hendak di-tampal kapada pokok<sup>2</sup> getah dan kelapa orang marah. Balai raya ranchangan kemajuan luar bandar mereka tampal Bulan Bintang, itu sa-kurang<sup>2</sup> guna-nya—sa-kurang<sup>2</sup>-nya—sa-banyak<sup>2</sup>-nya banyak lagi, boleh meshuarat, bermuafakat dan macham<sup>2</sup>. Ta' usah-lah, Tuan Yang di-Pertua, perkara itu hendak kita pusingkan fikiran ra'ayat daripada apa yang mereka nikmati sekarang. Mereka berhak menerima, mereka berhak menerima tempat yang baik, layanan yang baik, ayer yang baik, hospital yang baik dan sekolah yang baik, sebab mereka adalah ra'ayat yang membayar chukai dalam negeri ini. Ra'ayat yang ta'at kapada negeri ini. Oleh kerana mereka itu ada-lah ra'ayat yang ta'at dia adalah berhak, maka Kerajaan memberi hak mereka itu sa-bagaimana kita memegang amanah yang kita sampaikan kapada mereka sa-bagai umat yang mempunyai hak.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang saya katakan tadi, terutama sakali dalam Titah Uchapan ini menitekatkan soal<sup>2</sup> pembangunan di-dalam negeri ini. Kalau kita hendak sebutkan pembangunan dalam negeri kita ini, kita ini ada-lah manusia biasa kita ada-lah manusia yang mempunyai akal dan



**Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, mula<sup>2</sup> sa-kali saya ingin menarek perhatian Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi yang menyatakan tidak puas hati-nya, kerana tidak semua orang<sup>2</sup> yang berhak mengundi boleh mengundi. Saya ingin mengingatkan bahawa berdasarkan pengalaman saya dalam pilehan raya yang lepas, kalau-lah semua orang yang berhak mengundi, boleh mengundi, maka margin kemenangan parti lawan tidak-lah besar, tetapi yang sudah pasti besar ia-lah margin kekalahan Parti<sup>2</sup> Pembangkang dalam negeri ini. (*Tepok*). Ini-lah yang patut kita ingat. Jadi, ta' usah-lah di-kesalkan sangat, sebab itu pun sa-bagai satu penyelamat kepada Parti<sup>2</sup> Pembangkang dalam negeri ini.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi juga berkata bahawa kapal layar menyelamatkan kepentingan<sup>2</sup> Inggeris, tetapi saya suka mengingatkan bahawa kalau tidak-lah dengan kapal layar, maka saya takut bahawa Ahli Yang Berhormat itu sendiri tidak akan dapat dudok dalam Dewan ini. Kapal layar-lah yang menyelamatkan kepentingan Parti<sup>2</sup> Pembangkang, termasuk juga Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu sendiri.

Yang ketiga, semenjak daripada saya sa-belum masok ka-Parlimen ini dan sampai pada masa ini, ta' putus<sup>2</sup> saya dengar Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi berkata, hak yang sama bagi semua bangsa, bagi semua keturunan, tetapi patut kita ingatkan keadaan yang kita pusaka<sup>2</sup> pada masa ini ia-lah akibat daripada penjajahan. Akibat daripada penjajahan ini-lah maka bangsa Melayu terchichir dalam banyak lapangan. Jadi, apa yang di-namakan hak istimewa orang<sup>2</sup> Melayu itu yang sa-benar-nya ia-lah satu chara, satu alat untuk membolehkan orang<sup>2</sup> Melayu bertanding di dalam segala lapangan kehidupan di negeri ini, dan bukan-lah erti-nya untuk tidak memberi persamaan kepada bangsa<sup>2</sup> lain daripada Melayu. Jadi, jangan-lah kita keliru apa yang kita nampak sa-kali lalu. Apa yang kita

nampak sa-kali lalu persamaan bagi semua bangsa itu yang sa-benar-nya bukan persamaan bagi semua bangsa, sebab bagaimana-kah orang<sup>2</sup> Melayu hendak berlawan, hendak berlumba dalam lapangan pelajaran, kalau keadaan yang di-akibatkan oleh penjajahan membuat mereka lemah. Jadi, hak istimewa orang<sup>2</sup> Melayu itu yang sa-benar-nya ada-lah sa-bagai satu handicap untuk membolehkan mereka bertanding dan untuk membolehkan ada-nya, ujud-nya persamaan dalam negeri ini, pada masa yang akan datang. Jikalau dapat pada satu masa yang akan datang, maka kita dapat bertanding, berlawan antara semua ra'ayat Malaysia dengan ta' mengira bangsa. Tetapi sa-bagai akibat penjajahan ini, maka terpaksa-lah kita adakan. Kalau-lah ada anggota<sup>2</sup>, atau Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu marah benar tentang perkara ini, maka saya harap arahkan-lah kemarahan-nya itu, bukan kepada Parti Perikatan, bukan kepada Kerajaan Perikatan, tetapi arahkan-lah kepada penjajah yang telah menyebabkan keadaan yang ada sa-bagini. Jadi, ta' usah-lah di-ulang<sup>2</sup>kan lagi berkali<sup>2</sup> soal persamaan ini sama ada dalam Parlimen, atau di-luar, sebab ini akan membosankan dan tidak akan menimbulkan rasa persafahaman tetapi akan melambatkan lagi process pembenaan satu bangsa yang tulin, yang bersatu padu pada masa akan datang.

Soal multi-lingualism ini juga telah berulang<sup>2</sup> kali sejak dari dahulu di-perkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu tadi, tetapi perchaya-lah bahawa multi-lingualism tidak akan dapat di-tegakkan di-negeri ini, sa-lagi ra'ayat maseh terus-menerus ta'at kepada negeri ini, sa-lagi orang<sup>2</sup> Melayu maseh ada dalam negeri ini. (*Tepok*). Itu saya ingatkan! Saya akan menentang habis<sup>2</sup>an, saya akan menentang terus-menerus sa-barang langkah terhadap multi-lingualism, sebab-nya bukan-lah sa-mata<sup>2</sup> kerana perkauman, oleh kerana saya Melayu, saya mahu kan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan. Kita lihat di-tempat<sup>2</sup> lain, kalau apa bangsa sa-kali pun pergi ka-Amerika, terpaksa-lah menerima bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kebangsaan di-sana. Kalau apa bangsa

pun yang pergi ka-India, terpaksa-lah menerima bahasa Hindi sa-bagai bahasa kebangsaan di-sana. Kalau bangsa apa pun hendak pergi ka-Indonesia, terpaksa-lah menerima bahasa Indonesia menjadi bahasa kebangsaan di-sana. Kalau siapa pun pergi ka-Thailand menjadi ra'ayat di-sana, terpaksa-lah menerima bahasa Thai menjadi bahasa kebangsaan, bagitu juga di-negeri Jepon dan negeri<sup>2</sup> lain. Jadi, siapa juga hendak menjadi ra'ayat yang ta'at setia di-negeri ini, mahu tidak mahu terpaksa-lah menerima bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan tidak dengan multi-lingualism. (*Tepok*). Ini-lah sebab yang utama. Bahasa kebangsaan juga menjadi salah satu ukuran kapada ta'at setia sa-tiap ra'ayat di-negeri kita ini. Jadi, kalau-lah Ahli Yang Berhormat itu terus-menerus memainkan lagu multi-lingualism ini, maka saya akan terus-menerus menentang ranchangan multi-lingualism-nya. Ini kali pertama saya masuk di-Parlimen. Ini kali pertama saya berchakap dalam Parlimen, dan ini kali pertama saya mengingatkan di-sini bahawa saya akan terus-menerus menentang multi-lingualism di-negeri ini.

Ahli Yang Berhormat tadi juga telah berkata bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu menipu orang<sup>2</sup> Melayu dan merugikan orang<sup>2</sup> bukan Melayu. Saya ta' faham bagaimana logic Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini menipu orang<sup>2</sup> Melayu dan merugikan kepentingan orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu. Ada-kah pembenaan jalan raya, pembenaan balai raya, pembenaan klinik, itu merugikan orang<sup>2</sup> Melayu. Kalau dahulu orang<sup>2</sup> di-kampung, terutama orang<sup>2</sup> Melayu terpaksa pergi ka-bandar berbatu<sup>2</sup> menghabiskan wang beringgit<sup>2</sup> kerana hendak berubat di-hospital, tetapi sekarang klinik<sup>2</sup> sudah di-adakan di-kampung<sup>2</sup>. Mereka selamat duit tambang, selamat daripada kesusahan berjalan dan lain<sup>2</sup> lagi. Ada-kah ini di-katakan merugikan orang<sup>2</sup> Melayu? Saya pun ta' faham logic Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu merosakkan kepentingan orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu. Saya pun

tidak faham bagaimana logic-nya. Sa-tahu saya dalam menjalankan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini—harus saya nyatakan dahulu: saya tidak perkauman—kebanyakan contractor<sup>2</sup> ada-lah terdiri daripada orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu. Banyak di-buat jalan, banyak di-bena bangunan, banyak contractor dapat untong dan kebanyakan-nya contractor<sup>2</sup> ini terdiri daripada orang<sup>2</sup> bukan Melayu. Bagaimana-kah logic-nya bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini merosakkan kepentingan orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu? Saya ta' faham logic ini.

Dan sekarang saya pergi pula pada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Ahli Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua, chuba mengajar kita tentang erti chinta damai, benchikan peperangan, dan oleh kerana itu, Ahli Yang Berhormat chuba hendak mengajar kita bagaimana hendak menghuraikan masaalah konfrantasi sa-chara aman, sa-chara damai. Patut kita ingatkan bahawa sikap kita sejak dari dahulu, sejak dari kita mencapai kemerdekaan, sudah terang, sudah jelas ia-itu kita chintakan damai dan kita benchi peperangan. Konfrantasi telah di-timbulkan dan telah di-lancarkan oleh pihak Indonesia. Apa yang kita buat, bukan kita hendak berperang dengan Indonesia, bukan kita hendak menyerang dan bukan kita yang belligerent, tetapi apa yang kita buat ia-lah untuk mempertahankan maruah bangsa, mempertahankan maruah negara dan apa yang kita buat ia-lah menjaga keutuhan negara kita. Ada-kah perbuatan mempertahankan bangsa dan negara menjaga maruah ini di-anggap sa-bagai satu perbuatan yang suka berperang, yang ta' sukakan perdamaian? Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak faham logic Ahli Yang Berhormat itu tadi. Parti PAS dalam masaalah konfrantasi ini sentiasa mengkeritik pihak Perikatan dan pihak Kerajaan Perikatan. Kita tahu bahawa yang melancarkan konfrantasi bukan-nya kita, bukan-nya Kerajaan Perikatan, bukan-nya Malaysia, tetapi Indonesia. Belum pernah saya dengar sa-hingga masa ini Parti PAS dan Parti Socialist Front dan juga Parti

Barisan Sosialis menentang konfrantasi dan mengutok konfrantasi. Apakah ini dapat di-ertikan bahawa parti<sup>2</sup> tersebut itu menyebelahi konfrantasi dan menyebelahi negara yang menentang kita?

**Mr Speaker:** Order! Order! The time is up. The meeting is adjourned to 10 o'clock tomorrow.

*Adjourned at 6.30 o'clock p.m.*

## HUJONGAN KHAS

KAPADA

### TITAH UCHAPAN

**Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Dalam Majlis Pembukaan Parlimen Pada Hari Thalatha, 19 Haribulan Mei, 1964**

*Kertas ini ia-lah Hujongan Khas kapada Titah Uchapan yang di-lafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Pembukaan Parlimen pada hari Thalatha, 19 haribulan Mei, 1964, yang mengandongi lain<sup>2</sup> penerangan yang lengkap.*

### JABATAN PERDANA MENTERI

#### (A) 'Am

1. Satu daripada tugas<sup>2</sup> Jabatan Perdana Menteri yang besar dalam tahun dahulu ia-lah tugas yang berkenaan dengan menubuhkan Malaysia. Perundingan<sup>2</sup> telah di-jalankan dengan Kerajaan British, Kerajaan Singapura, Kerajaan Sabah, Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Brunei bagi membicarakan syarat<sup>2</sup> bagi menyatukan Negeri Singapura, Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu.

2. Tiga buah Jawatan-kuasa Antara Kerajaan telah di-lantek untuk merundingkan syarat<sup>2</sup> bagi penyatuan itu, Jawatan-kuasa<sup>2</sup> itu ia-lah Jawatan-kuasa Antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu/Singapura, Jawatan-kuasa Antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu/Sabah dan Sarawak dan Jawatan-kuasa Antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu/Brunei. Pada kesudahan-nya Negeri Singapura, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak telah masuk bersama<sup>2</sup> Persekutuan Tanah Melayu menjadi Malaysia.

3. Indonesia berasa dengki dengan Rancangan Malaysia itu dan telah bersikap bermusuhan<sup>2</sup> dengan Malaysia. Ia telah melancarkan "Konfrantasi" menentang Malaysia sunggoh pun sa-buah Pasokan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu telah menyiasat kemahuan ra'ayat Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dan telah menyatakan bahawa sa-bilangan besar

ra'ayat dua buah Negeri itu menyokong Malaysia.

4. Tugas utama Jabatan Perdana Menteri ia-lah menyatukan dasar<sup>2</sup>, terutama sa-kali berkenaan dengan pembangunan. Ia juga menjaga Jabatan yang bukan-nya betul<sup>2</sup> tanggung-jawab-nya. Jabatan<sup>2</sup> ini ia-lah Istana Negara, Parlimen, Majlis Raja<sup>2</sup>, Odit, Surohanjaya Pilehan Raya, Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam dan Surohanjaya Perkhidmatan Kereta Api.

#### (B) Melawat Sambil Belajar

5. Ada-lah di-chadangkan hendak mengadakan juga lagi lawatan sambil belajar bagi ra'ayat Malaysia. Lawatan<sup>2</sup> itu ia-lah lawatan<sup>2</sup> sambil belajar dalam negeri untuk menggalakkan ra'ayat Malaysia mempelajari lebeh banyak lagi kehidupan dan 'adat resam antara satu sama lain dan lawatan<sup>2</sup> bagi ahli<sup>2</sup> sokan.

6. Pada masa ranchangan melawat sambil belajar itu di-mulakan pada tahun 1961 dahulu, ia ada-lah bagi ra'ayat Tanah Melayu sahaja tetapi sekarang ia ada-lah juga bagi ra'ayat Malaysia seluruh-nya. Orang yang di-pilih bagi membuat lawatan<sup>2</sup> itu termasuk-lah orang<sup>2</sup> yang berbagai<sup>2</sup> pekerjaan dan kechenderongan-nya seperti pekerja<sup>2</sup> sharikat kerjasama, ahli<sup>2</sup> kesatuan sa-kerja, ahli<sup>2</sup> siasah, pekerja<sup>2</sup> kebajikan masharakat dan lain<sup>2</sup>.

7. Mereka di-hantar melawat ka-berbagai<sup>2</sup> negeri untuk melihat dan mengkaji betul<sup>2</sup> chara kehidupan, keadaan ekonomi, masharakat, siasah dan chara<sup>2</sup> pentadbiran di-negeri<sup>2</sup> itu. Dengan jalan ini bertambah banyak-lah orang Malaysia dapat meluaskan fikiran dan pandangan mereka. Dalam tahun 1963 enam rombongan mengandongi 150 orang telah di-hantar ka-luar negeri ia-itu tiga rombongan ka-Thailand, dua ka-India dan satu ka-Pakistan.

8. Ranchangan itu ada-lah juga bagi orang yang di-pilih daripada negara<sup>2</sup> tetangga melawat Malaysia, terutama sa-kali Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia. Dalam tahun 1963 beberapa rombongan daripada negeri<sup>2</sup> lain telah di-jemput untuk membuat lawatan



sambil belajar ka-Malaysia, termasuklah orang<sup>2</sup> dari Negeri India, Negeri Pakistan, Negeri Jepun, Negeri Philipina dan Negeri Thailand.

9. Lawatan Sambil Belajar yang di-buat oleh orang<sup>2</sup> Malaysia ka-wilayah<sup>2</sup> Malaysia telah di-adakan. Orang Sabah dan Sarawak telah di-jemput melawat Tanah Melayu dan orang Tanah Melayu pula telah di-jemput melawat Sabah dan Sarawak; orang Pantai Timor Tanah Melayu telah di-jemput melawat Pantai Barat dan orang Pantai Barat di-jemput melawat Pantai Timor.

#### (C) Ranchangan<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur

10. Pada tahun dahulu beberapa bangunan baharu telah di-siapkan di-Kuala Lumpur. Bangunan<sup>2</sup> itu ia-lah Bangunan Parlimen, Bangunan Muzium Negara dan Bangunan Pusat Latehan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan.

11. Bangunan Parlimen itu telah di-siapkan pada penghujung tahun dahulu dan telah di-gunakan oleh Parlimen pada kali pertama-nya masa Meshuarat Belanjawan. Dan juga pada masa meshuarat ini-lah ahli<sup>2</sup> Parlimen bagi Negeri Singapura, Sabah dan Sarawak menghadziri meshuarat Parlimen pada pertama kali-nya. Bangunan baharu bagi Muzium Negara itu telah di-siapkan pada bulan Ogos, 1963. Beribu<sup>2</sup> orang telah pergi ka-Muzium itu semenjak ia di-buka. Pusat Latehan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan itu telah di-siapkan pada bulan Ogos tahun dahulu juga. Di-Pusat itu akan di-adakan latehan khas berkenaan dengan pertadbiran bagi semua pegawai Kerajaan.

12. Dua ranchangan lagi sudah hampir siap, ia-itu Tugu Peringatan Kebangsaan dan Masjid Negara.

#### (D) Peranchang Ekonomi

13. Perkara melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua bagi negeri<sup>2</sup> di-Tanah Melayu pada masa ini telah mencapai kemajuan yang memuaskan, dan sa-lepas di-buat suatu kajian samula pada tahun 1963 jumlah wang Kerajaan yang hendak di-gunakan diubah menjadi \$2,930,000,000. Ranchangan<sup>2</sup> Kemajuan bagi Sabah, Sarawak dan Singapura di-sediakan berasing<sup>2</sup>an ia-itu tiada di-masokkan dalam Ran-

changan bagi Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu, tetapi semua Ranchangan<sup>2</sup> ini akan di-satukan menjadi Ranchangan Kemajuan Malaysia Yang Pertama (1966 hingga 1970).

14. Kerja menyediakan Ranchangan Malaysia itu sedang di-uruskan oleh kakitangan Bahagian Peranchang Ekonomi sa-telah berunding dengan pegawai<sup>2</sup> lain<sup>2</sup> Kementerian dan Jabatan. Pegawai<sup>2</sup> untuk membuat ranchangan ekonomi dalam sa-tengah<sup>2</sup> Kementerian dan Jabatan telah di-tambah untuk menjalankan kerja<sup>2</sup> yang lebih rumit yang ada kena-mengena dengan membuat ranchangan pembangunan dan melaksanakan ranchangan.

15. Chadangan<sup>2</sup> yang terkandung dalam Penyata Menanam Berbagai<sup>2</sup> Jenis Tanaman sedang di-kaji oleh sa-buah Jawatan-kuasa Kechil bagi Jawatan-kuasa Peranchang Pembangunan Negara. Di-mana patut, langkah<sup>2</sup> yang tegas telah di-jalankan untuk melaksanakan-nya. Kerajaan telah meminta Kerajaan Canada memberi bantuan pakar dan alat teknik di-bawah Ranchangan Colombo supaya Kerajaan dapat membuat suatu penyiasatan mengenai keadaan alam Tanah Melayu daripada udara; beberapa kawasan di-Tanah Melayu yang belum di-sukat hendak di-sukat; menyiasat kawasan<sup>2</sup> pilehan yang hendak di-majukan seperti:

(i) Kawasan Jengka; dan

(ii) Kawasan di-sapanjang jalan raya Timor Barat yang di-chadangkan itu.

16. Jawatan-kuasa Kechil ada-lah juga mengkaji apa-kah kemudahan<sup>2</sup> yang ada bagi penyelidekan pertanian dan teknik supaya dapat di-tentukan satakak mana kemudahan<sup>2</sup> itu patut di-tambah dan di-susun sa-mula. Tujuannya ia-lah supaya kemudahan<sup>2</sup> itu chukup bagi mengadakan kakitangan yang terlateh dalam pertanian untuk menjalankan ranchangan berbagai<sup>2</sup> jenis tanaman.

17. Dengan ada-nya berbagai<sup>2</sup> galakan yang di-beri oleh Kerajaan dan ada-nya keadaan penanaman modal yang baik, ada-lah di-jangkakan bahawa mata-lamat yang di-ranchangkan sa-banyak

\$2,900,000,000 bagi penanaman modal bahagian persaorangan dalam tempoh Rancangan boleh jadi dapat tercapai, jika tidak melebehi. Walau bagaimana pun, ada-lah mustahak di-satukan kerja pertubohan yang menggalakkan dan mengeluarkan belanja perusahaan atau yang mengeluarkan belanja sahaja seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi di-Singapura, Bahagian Pembangunan Perusahaan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Pertubohan Pembangunan Borneo Berhad di-negeri<sup>2</sup> Borneo dan Kewangan Untuk Kemajuan Perusahaan Tanah Melayu, Berhad di-Kuala Lumpur. Sekarang ini langkah<sup>2</sup> sedang di-jalankan untuk menubuhkan satu badan bebas yang di-namakan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan. Lembaga ini akan menyatukan dasar<sup>2</sup> kemajuan perusahaan dengan berasaskan kemajuan bagi seluruh Malaysia dan mengkaji faedah<sup>2</sup> yang boleh di-dapati dari galakan<sup>2</sup> perusahaan tempatan dan luar negeri bagi faedah kawasan ini seluruh-nya.

18. Mas'elah<sup>2</sup> tenaga ra'ayat ada-lah satu perkara yang di-utamakan terutama sa-kali dalam rancangan kemajuan ekonomi dan masharakat boleh di-jalankan dengan lebih baik lagi jika dapat di-adakan peluang<sup>2</sup> kerja dengan mengadakan rancangan<sup>2</sup> latehan, pelajaran bagi faedah tenaga<sup>2</sup> ra'ayat itu dan juga bagi faedah ekonomi.

19. Tidak lama lagi satu Bahagian Tenaga Ra'ayat akan di-tubuhkan di-dalam Bahagian Peranchang Ekonomi. Bahagian ini akan berhubung rapat dengan lain<sup>2</sup> Kementerian dan Jabatan<sup>2</sup> yang berkenaan untuk meranchangkan penggunaan tenaga ra'ayat dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya di-dalam negeri ini. Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi telah juga menjalankan siasatan permulaan berkenaan dengan berapa banyak tenaga ra'ayat yang di-kehendaki dan berapa banyak sekolah<sup>2</sup> latehan yang ada atau yang chukup. Penyiasatan ini membantu Bahagian itu dalam pekerjaan-nya.

20. Kakitangan<sup>2</sup> teknik Bahagian Peranchang Ekonomi akan di-tambah untuk menjalankan tanggung-jawab<sup>2</sup>-nya yang bertambah<sup>2</sup> dengan tertubohnya Malaysia. Pegawai<sup>2</sup> dalam Bahagian

itu akan membantu Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan Kementerian<sup>2</sup> untuk menyediakan bahagian mereka masing<sup>2</sup>.

#### (E) Hal Ehwal Malaysia

21. Sa-buah Bahagian baharu telah dibuka dalam Jabatan Perdana Menteri untuk menguruskan kerja yang berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> mengenai penyatuan Negeri Singapura, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dengan Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa ini Bahagian ini menumpukan perhatian-nya khas kepada menjalankan Perjanjian<sup>2</sup> dan persetujuan<sup>2</sup> antara pihak<sup>2</sup> dalam perundingan menubuhkan Malaysia.

22. Perjanjian Malaysia telah di-tanda tangani di-London pada 9hb Julai, 1963, menyatukan bekas jajahan<sup>2</sup> ta'alok United Kingdom ia-itu Borneo Utara, Sarawak dan Singapura dengan sa-belas buah Negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu dahulu menjadi Malaysia. Borneo Utara di-kenali sa-bagai Sabah dalam Malaysia. Apabila Perjanjian itu di-tanda tangani maka kerja<sup>2</sup> yang tinggal hendak di-selesaikan antara lain<sup>2</sup> ia-lah menggubal undang<sup>2</sup> yang mustahak, menyemak Perlembagaan Negeri<sup>2</sup> baharu itu dan merangka satu perjanjian resmi berkenaan dengan Kerajaan United Kingdom. Kerja<sup>2</sup> ini di-jalankan oleh Jabatan Undang<sup>2</sup> dengan sentiasa berunding dengan Bahagian Hal Ehwal Malaysia dan Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> Persekutuan yang berkenaan.

23. Satu lagi kerja yang sama mustahak-nya ia-lah mengatorkan pentadbiran kementerian dan jabatan supaya sesuai bagi menguruskan semua kerja<sup>2</sup> dan tanggungan<sup>2</sup> Kerajaan mengikut perjanjian yang di-persetujui mengenai Malaysia. Sa-benar-nya perkara berkenaan dengan kewajipan Malaysia ini kebanyakan-nya telah di-susun mengenai Sabah dan Sarawak oleh Jawatan-kuasa Kechil Pertubohan Jabatan dalam Jawatan-kuasa Antara Kerajaan Malaysia. Ahli<sup>2</sup> Jawatan-kuasa ini termasuk wakil<sup>2</sup> daripada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan United Kingdom dan juga Kerajaan<sup>2</sup> Negeri Sabah dan Sarawak. Kerja berkenaan dengan perhubungan

dengan Singapura maseh lagi belum selesai, dan sa-buah Jawatan-kuasa Kerja dengan ahli<sup>2</sup>-nya mengandongi wakil<sup>2</sup> daripada Kerajaan<sup>2</sup> Persekutuan dan Singapura telah di-tubuhkan bagi mengurus hal ini. Jawatan-kuasa ini maseh menjalankan kerja ini.

24. Ada-lah nyata bahawa sa-kira-nya Malaysia hendak di-laksanakan dengan lancar dan tegas mengenai Negeri<sup>2</sup> Borneo itu maka sa-orang Pegawai Persekutuan yang kanan hendak-lah di-tempatkan di-Borneo bukan sahaja untuk menjadi perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dalam Borneo tetapi juga untuk menjalankan kuasa<sup>2</sup> Persekutuan apabila mustahak. Bagi maksud ini Pejabat Setia-usaha Persekutuan dengan ibu pejabat-nya di-Kuching dan sa-buah chawangan-nya di-Jesselton telah di-tubuhkan mulai daripada 16hb September, 1963.

25. Sa-lain daripada kewajipan<sup>2</sup> dan tanggungan<sup>2</sup>-nya Setia-usaha Persekutuan itu juga di-lantek menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa Kerja Keselamatan Wilayah<sup>2</sup> Borneo dan oleh yang demikian ada banyak kenamengena dengan perkara<sup>2</sup> Pertahanan dan Keselamatan di-Borneo.

26. Ada-lah juga di-persetujui dalam Jawatan-kuasa Antara Kerajaan bahawa chawangan<sup>2</sup> Pejabat Perjawatan Persekutuan hendak-lah di-tubuhkan di-Negeri<sup>2</sup> Borneo di-bawah jagaan sa-orang Pegawai Perjawatan Wilayah Persekutuan. Sa-buah Pejabat Perjawatan Wilayah Persekutuan bagi Sabah dan Sarawak dengan ibu pejabat-nya di-Jesselton dan sa-buah chawangan di-Kuching telah di-tubuhkan. Pejabat Perjawatan Wilayah Persekutuan itu bertanggung-jawab mengenai perjawatan, ranchangan<sup>2</sup> bersara kerana sampai had umur bersara, menentukan atoran<sup>2</sup> dan menjalankan dasar<sup>2</sup> mengenai hal<sup>2</sup> perkhidmatan termasuk latihan dan biasiswa dan pentadbiran perhubungan antara kakitangan.

27. Pada masa Malaysia di-tubuhkan pada 16hb September, 1963, Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> Persekutuan yang bertanggung-jawab bagi kerja<sup>2</sup> yang menjadi kerja persekutuan atau yang

menjadi kerja persekutuan tetapi ada syarat<sup>2</sup>-nya mula-lah meluaskan kerja<sup>2</sup>-nya ka-dalam Negeri<sup>2</sup> baharu itu. Bagi menentukan yang sistem Kerajaan Persekutuan dapat berjalan dengan sa-beberapa lancar yang boleh dengan sa-habis sedikit gangguan kapada atoran<sup>2</sup> pentadbiran yang ada sekarang maka Bahagian Hal Ehwal Malaysia dan Setia-usaha Persekutuan dan Timbalan Setia-usaha Persekutuan di-Borneo memberi perhubungan apabila mustahak. Setia-usaha Persekutuan dan Timbalan Setia-usaha Persekutuan dalam pada itu juga membuat kerja sa-bagai wakil<sup>2</sup> Persekutuan apabila pertubuhan Kerajaan yang sama tidak ada sa-belum Malaysia di-tubuhkan dan apabila kuasa<sup>2</sup> dan kerja<sup>2</sup> Persekutuan khas di-beri kapada mereka.

#### (F) Pejabat Perjawatan Persekutuan

28. Ranchangan menggantikan pegawai<sup>2</sup> dagang dengan pegawai<sup>2</sup> Tanah Melayu telah kurang sedikit daripadanya kerana 92.01 peratus daripada jumlah pegawai<sup>2</sup> yang berhak dalam perkhidmatan Kerajaan telah bersara hingga akhir bulan Mach tahun 1964. Bilangan pegawai<sup>2</sup> yang bersara telah bertambah dari 1,314 orang pada akhir tahun 1963 menjadi 1,381 orang pada akhir bulan Mach tahun 1964. Orang<sup>2</sup> yang maseh berkhidmat ia-lah pegawai<sup>2</sup> teknik saperti yang ada dalam Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Tali-kom atau pegawai<sup>2</sup> yang mempunyai pengetahuan khas dan pengalaman saperti yang di-dapati dalam Polis di-Raja Malaysia. Hampir semua tempat yang di-kosongkan oleh pegawai<sup>2</sup> dagang pada masa mereka bersara sedang di-isi oleh pegawai<sup>2</sup> Tanah Melayu. Dalam beberapa jabatan yang tidak ada pegawai<sup>2</sup> Tanah Melayu yang berpengalaman cukup dan mempunyai kelayakan yang mustahak tempat<sup>2</sup> kosong itu sedang di-isi oleh pegawai<sup>2</sup> sa-chara kontrek atau di-pinjamkan oleh Ranchangan Colombo atau Pertubuhan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu.

29. Kerajaan telah terus mengambil bahagian yang bertambah penting sa-bagai sa-buah negeri penderma di-bawah ranchangan kerjasama teknik dalam Ranchangan Colombo. Hingga

1 haribulan Mei tahun 1964 bilangan hadiah<sup>2</sup> latehan dan biasiswa yang di-berikan berjumlah 68. Negeri<sup>2</sup> yang mendapat-nya ia-lah Sabah, Sarawak dan Singapura (sa-belum Malaysia ditubuhkan) dan Burma, Filipina, Indonesia dan Brunai. Jenis<sup>2</sup> latehan yang di-berikan ia-lah belajar di-Universiti dan mengambil kursus<sup>2</sup> latehan masa pendek seperti dalam lapangan talikom, chukai pendapatan, pertanian, haiwan, penanaman getah, kastam, pergajian dan kesihatan luar bandar.

30. Bangunan baharu di-Petaling Jaya untuk Pusat Latehan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan telah di-dirikan dengan bantuan yang dermawan daripada Kerajaan New Zealand dan di-buka dengan resmi-nya dalam bulan September tahun lepas. Pusat Latehan Pegawai<sup>2</sup> di-Port Dickson telah di-pindahkan ka-bangunan baharu itu dan di-sana kursus<sup>2</sup> latehan bagi pegawai<sup>2</sup> yang baharu masok berkhidmat telah pun di-mulakan. Pusat Latehan Pegawai<sup>2</sup> yang baharu itu sekarang bukan sahaja melatoh pegawai<sup>2</sup> dari Negeri<sup>2</sup> di-Tanah Melayu sahaja bahkan juga pegawai<sup>2</sup> dari Negeri<sup>2</sup> Borneo dan Singapura.

#### (G) Jabatan Perangkaan

31. Kakitangan Jabatan Perangkaan ini telah bertambah daripada 192 orang dalam tahun 1962 menjadi 233 orang dalam tahun 1963. Tambahan itu sa-bahagian besar-nya ia-lah pada peringkat kerani. Sunggoh pun jumlah kakitangan sudah cukup akan tetapi oleh kerana kerja baharu dan kerja pembangunan telah bertambah maka mustahak-lah di-tambah lagi bilangan kakitangan yang berkepandaian khas (professional).

32. Jabatan ini telah menamatkan penyelidekan di-seluruh negeri mengenai Perkerajaan, Pengangguran serta kekurangan Pekerjaan dan telah menyampaikan-nya kepada Jema'ah Menteri untuk di-timbangkan. Penyelidekan ini ia-lah suatu usaha bersama yang di-jalankan dengan Jabatan Buroh.

33. Jabatan ini telah juga menerbitkan satu penyata mengenai Kira<sup>2</sup> Kebang-

saan bagi Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu tahun 1955-61 dengan pimpinan pakar sa-orang pegawai OPEX dari Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Sa-lain daripada menyemak sa-mula siri Kira<sup>2</sup> Kebangsaan yang dahulu ia mengandongi beberapa perkara lagi ia-itu jadual masok dan keluar, dan pengasingan sa-mula barang<sup>2</sup> import dengan kegunaan akhir. Ada-lah di-fikirkan bahawa penerangan tambahan sangat-lah mustahak bagi rancangan pembangunan, penyelidekan sharikat<sup>2</sup> yang berhak dan lombong<sup>2</sup>.

34. Penyata tahunan mengenai per-usahaan<sup>2</sup> membuat barang<sup>2</sup> bagi tahun 1961 telah di-terbitkan pada awal tahun 1963. Baki kali yang pertama penerangan-nya termasuk pembelian yang di-buat oleh pembuat barang<sup>2</sup>. Jabatan ini telah juga memulakan kerja persediaan Banchi Tiap<sup>2</sup> Lima Tahun bagi Membuat Barang<sup>2</sup> tahun 1963. Banchi ini ia-lah kerja yang terbesar sa-kali di-jalankan oleh Jabatan ini dan meliputi 14,000 sharikat membuat barang<sup>2</sup>.

35. Jabatan ini telah menjalankan analisa tahunan mengenai Pengasingan Ekonomi dan Pengasingan Resmi Urusan<sup>2</sup> Kerajaan. Ia telah juga melancarkan satu penyiasatan pemandu untuk mengetahui kerja pembinaan di-Negeri<sup>2</sup> Melayu. Penerangan yang demikian sangat-lah mustahak bagi membuat rancangan. Oleh kerana penyiasatan itu sa-mata<sup>2</sup> untuk men-chari keterangan sahaja keputusan-nya tiada di-terbitkan tetapi boleh-lah di-katakan bahawa penerangan yang di-dapati itu telah membantu membuka jalan bagi penyiasatan lengkap bagi pertama kali yang sedang di-jalankan untuk tahun 1963. Hingga masa ini kemajuan dalam penyiasatan yang mula<sup>2</sup> ini sangat-lah menggalakkan.

36. Jabatan ini telah juga menjalankan analisa dengan menggunakan kad belobang mengenai Pengajian Pengangkutan Jalan Raya, dan Pendaftaran Tenaga Manusia, angka orang<sup>2</sup> sakit di-rumah sakit akan di-kumpulkan dengan kad dalam tahun 1964.

37. Dalam tahun 1964, Jabatan ini berharap akan dapat meneruskan usaha mengumpulkan angka<sup>2</sup> yang

mustahak bagi membuat ranchangan<sup>2</sup> pembangunan negara dengan sempurna. Penyiasatan awal sedang di-jalankan untuk mengetahui sama ada patut di-jalankan penyiasatan menggunakan tanah di-Tanah Melayu.

38. Sa-orang Pakar Ranchangan Colombo mengenai Angka<sup>2</sup> Perusahaan telah tiba pada awal bulan Januari tahun 1964, dan di-antara lain<sup>2</sup>-nya ia sedang menyeliakan Penyiasatan yang Pertama mengenai kerja Pembinaan di-Negeri<sup>2</sup> Melayu bagi tahun 1963. Dalam masa ia bertugas di-sini di-harap akan dapat menyusun sa-mula buah fikiran dalam Jabatan ini, dan mengumpulkan angka<sup>2</sup> ekonomi yang lebih lengkap lagi berkenaan dengan Pertanian, Hutan dan Perikanan, Pembuatan Barang<sup>2</sup> dan Lombong. Akan tetapi perkara yang demikian tiada dapat di-jalankan jika tidak ada wang dan kakitangan yang mencukupi. Elok-lah di-ambil ingatan bahawa angka<sup>2</sup> perusahaan ini meliputi kira<sup>2</sup> 60 peratus daripada semua usaha ekonomi dalam Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu.

#### (H) Muzium Negara

39. Semenjak di-buka pada 31hb Ogos tahun lalu, Muzium Negara bukan sahaja tempat menarik hati ra'ayat bahkan juga pelancong<sup>2</sup> dari negeri<sup>2</sup> asing. Sampai pada hari ini 483,826 orang telah datang melawat-nya ia-itu hetong panjang 13,439 orang seminggu. Sa-lain daripada orang<sup>2</sup> dewasa, banyak rombongan murid<sup>2</sup> sekolah telah datang melawat, ada yang daripada sekolah<sup>2</sup> rendah dan ada yang daripada sekolah<sup>2</sup> menengah.

40. Sa-lain daripada barang<sup>2</sup> yang tetap di-pamerkan dalam tiga buah dewan, pameran sementara telah diadakan di-Dewan Tengah-nya. Pameran<sup>2</sup> ini termasuk-lah pameran archa India, pameran barang<sup>2</sup> yang di-dapati oleh Muzium Negara dalam tahun 1963 (banyak daripada-nya ia-lah hadiah daripada orang) dan pameran gambar foto binatang<sup>2</sup> Tanah Melayu.

41. Kakitangan Muzium Negara sebek memperelokkan lagi barang<sup>2</sup> yang tetap di-pamerkan itu dan mengemas-

kan pentadbiran supaya sempurna kerja membuat rekod dan menjaga barang<sup>2</sup> kebangsaan. Usaha ini termasuk-lah menyusun senarai yang lengkap bagi barang<sup>2</sup> Muzium itu ia-itu yang mula<sup>2</sup> sa-kali di-buat semenjak Jabatan Muzium di-buka.

42. Dalam tahun 1964 di-harap bukan sahaja hendak menyiapkan kerja yang penting ini dan membesarkan lagi pameran<sup>2</sup> dalam dewan<sup>2</sup> bahkan juga hendak memulakan beberapa ranchangan<sup>2</sup> baharu termasuk satu perkhidmatan yang di-namakan Perkhidmatan Pinjaman Sekolah. Perkhidmatan ini akan di-mulakan dengan satu ranchangan kecil terlebih dahulu ia-itu di-jalankan bersama<sup>2</sup> dengan Kementerian Pelajaran. Tujuannya ia-lah hendak mengadakan kemudahan<sup>2</sup> yang lebih berfaedah bagi Sekolah<sup>2</sup> menggunakan Muzium itu sa-bagai pusat pelajaran.

43. Dalam tahun 1964 ada-lah juga di-agak kerja membuka sa-buah dewan pameran lagi akan di-mulakan. Dewan ini akan di-khaskan bagi Sejarah Kejadian 'Alam dan di-dalamnya akan di-tunjokkan beberapa banyak lagi contoh<sup>2</sup> burung dan binatang Tanah Melayu bersama<sup>2</sup> dengan keadaan yang biasa di-dapati ada di-sekeliling-nya. Dan akan di-pamerkan juga serangga<sup>2</sup> Tanah Melayu. Dalam tahun ini juga di-harap akan dapat memulakan kerja mengumpulkan benda<sup>2</sup> yang mengenai Negeri<sup>2</sup> Borneo supaya dapat di-adakan pameran bagi menunjukkan keadaan di-kawasan itu. Dengan hal yang demikian barang<sup>2</sup> pameran yang dapat di-lihat dalam Muzium Negara ia-lah barang<sup>2</sup> yang di-dapati di-seluruh Malaysia.

#### (I) Arkib Negara

44. Arkib Negara Malaysia telah ada sa-lama enam tahun dan dalam masa itu kerja dan kakitangan-nya telah bertambah. Maka sangat-lah mustahak di-adakan suatu undang<sup>2</sup> arkib. Dengan tertuboh-nya Malaysia berma'ana-lah kerja jabatan itu akan di-jalankan juga ka-tiga buah Negeri lagi, ia-itu Singapura, Sabah dan Sarawak. Negeri<sup>2</sup> itu belum ada perkhidmatan Arkib dan Rekod yang

sempurna. Oleh itu suatu undang<sup>2</sup> Arkib akan menjadi suatu pedoman yang lengkap bagi menyimpan dengan baik dan mentadbirkan dengan lchin semua rekod dan arkib kerajaan di-seluruh Malaysia. Arkib Negara telah menggubal Rang Undang<sup>2</sup> Arkib.

45. Kerja<sup>2</sup> Arkib Negara ada-lah juga terhalang kerana rekod<sup>2</sup> simpanan-nya tersimpan di-dua tempat sementara di-Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Oleh kerana kedua<sup>2</sup> tempat ini telah di-gunakan dengan sa-penoh-nya menyimpan hampir<sup>2</sup> 6,000 kaki rekod<sup>2</sup> dan arkib kerajaan maka sangat-lah mustahak mengadakan tempat yang lain pula. Urusan sedang di-jalankan untuk mendapat tempat lagi di-Pejabat<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan, Petaling Jaya, untuk di-gunakan sementara menantikan pembenaan bangunan Arkib Negara yang di-chadangkan bagi Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Ketiga. Pusat Urusan Rekod di-jangka siap pada akhir tahun 1964.

46. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju supaya di-tubuhkan sa-buah yayasan yang di-namakan *Arkib dan Pustaka Tunku Abdul Rahman Putra* saperti Perpustakaan<sup>2</sup> Presiden di-Amerika Shariat. Tujuan-nya ia-lah:

- (a) hendak menyimpan kertas<sup>2</sup>, buku<sup>2</sup>, alat<sup>2</sup> mengajar, hadiah<sup>2</sup> orang ramai dan benda<sup>2</sup> lain kepunyaan Perdana Menteri;
- (b) hendak menyenangkan usaha mengkaji dan menyelidek riwayat hidup dan jasa-nya sa-bagai bapa dan Perdana Menteri yang Pertama bagi Tanah Melayu dan Malaysia;
- (c) hendak menubuhkan sa-buah yayasan penyelidekan untuk mengkaji tugas<sup>2</sup> Perdana Menteri dalam sa-buah negara Asia yang berperentahan demokrasi dan pendudok<sup>2</sup>-nya yang terdiri daripada berbagai<sup>2</sup> bangsa;
- (d) menjadi suatu chontoh tauladan kapada lain<sup>2</sup> pemimpin dan negarawan yang terkemuka dalam negeri ini dengan membenarkan

surat<sup>2</sup> mereka dan sa-bagai-nya di-gunakan untuk penyelidekan sejarah; dan

- (e) menggalakkan serta melateh usaha menyimpan rekod dan menulis sejarah negara Malaysia. Yayasan ini akan di-tadbirkan oleh Arkib Negara. Di-harapkan sa-buah bangunan yang sesuai akan di-dirikan daripada kumpulan wang derma orang ramai.

47. Dalam tahun 1963 Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan dan pekerja<sup>2</sup> penyelidek terus menggunakan kemudahan<sup>2</sup> yang di-adakan oleh Arkib Negara sedikit sa-banyak-nya. Sembilan buah Jabatan Kerajaan pada peringkat Negeri dan Persekutuan telah memindahkan rekod<sup>2</sup> lama mereka. Empat puluh delapan orang pekerja<sup>2</sup> penyelidek sa-tengah<sup>2</sup>-nya orang negeri asing telah menggunakan kemudahan<sup>2</sup> penyelidekan yang di-dapati.

#### KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KERJASAMA

48. Chita<sup>2</sup> dan tujuan utama dasar pertanian Kerajaan Malaysia ia-lah (a) menambah lagi makanan yang di-keluarkan hingga tiada payah bergantung kapada negeri<sup>2</sup> luar mengenai makanan<sup>2</sup> yang mustahak, terutama sa-kali beras; (b) menambah lagi barang<sup>2</sup> perusahaan yang di-keluarkan untuk di-hantar ka-luar negeri dan untuk perusahaan dalam negeri dan (c) menambah lagi jenis<sup>2</sup> tanaman dalam negeri sambil mengingat perkara menggunakan dengan betul tenaga yang sedia ada pada negara supaya Malaysia tiada sangat bergantung kapada getah. Ada-lah juga menjadi dasar Kerajaan menambah pendapatan petani<sup>2</sup> termasuk nelayan<sup>2</sup> dengan Gerakan Sharikat Kerjasama dan dengan mengadakan ator<sup>2</sup> pasaran yang memuaskan dan mengadakan kemudahan<sup>2</sup> berhutang supaya mereka mendapat pendapatan yang banyak sa-kali bagi barang<sup>2</sup> keluaran mereka.

#### (A) Bahagian Pertanian

49. Pada menchapai tujuan tiada bergantung kapada negeri<sup>2</sup> luar maka beras yang menjadi makanan utama pendudok<sup>2</sup> ada-lah di-utamakan dalam

usaha negeri ini hendak mengeluarkan makanan lebeh banyak lagi. Kawasan yang di-tanam dengan padi kian bertambah luas dalam masa selepas perang dan luas-nya tanah yang di-tanam dengan padi bendang dan padi huma bagi musim 1962/63 itu ada-lah yang terbesar sa-kali hampir<sup>2</sup> 988,000 ekar dengan jumlah hasil-nya lebeh kurang 624,000 tan beras. Walau bagaimana pun oleh kerana kemarau panjang dalam tahun 1963 maka kawasan yang di-tanam dalam musim 1963/64 tinggal 981,000 ekar. Negeri<sup>2</sup> yang banyak terkena kemarau itu ialah Kedah dan Perlis. Dalam negeri<sup>2</sup> ini 20,000 keluarga petani yang mengerjakan 35,000 ekar tanah terkena kemarau. Dengan kerjasama Negeri<sup>2</sup> yang berkenaan Kerajaan Pusat mengadakan langkah<sup>2</sup> bantuan bagi membantu penanam<sup>2</sup> padi yang terkena kemarau itu.

50. Usaha menambah pengeluaran beras itu sedang di-jalankan dengan berbagai<sup>2</sup> chara saperti menanam banyak kali dalam satu musim, memperbaiki lagi beneh<sup>2</sup> menggunakan baja di-beberapa banyak tempat lagi dan mengadakan perkhidmatan yang lebeh baik. Hasil padi yang di-tanam luar musim kian bertambah banyak sa-ekar dan kawasan yang di-tanam dengan padi di-luar musim pun bertambah luas. Dalam tahun 1963 lebeh kurang 48,000 ekar telah di-tanamkan dengan padi di-luar musim. Oleh kerana terjamin bekalan ayer yang chukup maka kawasan yang di-tanam dua kali dalam satu musim akan makin bertambah. Kemajuan yang baik telah terchapai dalam mendapatkan beneh yang lebeh baik dan pada penghujung tahun 1963 di-tetapkan supaya satu jenis beneh padi yang chepat berbuah dengan banyak-nya dan tiada rosak di-kilang serta banyak zat-nya di-keluarkan bagi musim menanam 1964. Mengikut Scheme Membiak dan Membahagi<sup>2</sup>kan Beneh Padi, Kerajaan menukar beneh<sup>2</sup> yang terpilih dengan beneh<sup>2</sup> tempatan yang di-tanamkan oleh petani<sup>2</sup>. Dengan yang demikian bertambah<sup>2</sup> banyak petani menanam padi dengan beneh<sup>2</sup> yang di-shorkan. Lebeh kurang 90,000 gantang beneh<sup>2</sup> yang terpilih telah di-bahagi<sup>2</sup>kan dalam musim 1963/64 dan

18,000 gantang lagi di-hantar ka-Jabatan Pertanian Sarawak. Scheme Bantuan Baja Padi yang memberi baja kepada petani<sup>2</sup> dengan harga yang murah sa-kali mendapat sambutan yang baik lagi.

51. Pengeluaran kelapa dan bahan<sup>2</sup> kelapa kian berkurangan terutama sa-kali kerana pokok<sup>2</sup> kelapa yang telah tua dan tiada memberi keuntongan lagi. Dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua, \$15,000,000 telah di-untukkan memulehkan semula kebun<sup>2</sup> kelapa kechil. Awal<sup>2</sup> tahun 1963 satu Scheme Menanam Semula dan Pemulehan Kelapa telah di-mulakan dan suatu ranchangan pemandu telah di-mulakan di-kawasan Minyak Beku, Batu Pahat dengan tujuan menanam semula dan memulehkan lebeh kurang 4,000 ekar tanah pekebun<sup>2</sup> kelapa kechil. Sambutan-nya baik. Satu lagi ranchangan pemandu telah di-mulakan dalam bulan Mach tahun ini di-kawasan Bagan Datok, Perak. Lagi satu akan di-mulakan di-Kelantan dalam tahun 1964.

52. Usaha<sup>2</sup> sedang di-jalankan memperbaiki lagi perusahaan buah<sup>2</sup>an negeri. Banyak dusun<sup>2</sup> itu berkehendakkan dipuleh atau di-tanam semula. Mengikut Scheme Menanam Semula dan Pemulehan Buah<sup>2</sup>an yang di-mulakan dalam tahun 1961 untuk membantu pekebun<sup>2</sup> kechil memperbaiki dusun<sup>2</sup> mereka, wang sa-banyak \$220,000 telah dibelanjakan dalam tahun 1963 dan sa-banyak \$340,000 telah di-simpan untuk tahun 1964. Sa-lain daripada itu, Kementerian ini telah mengishtiharkan tahun 1964 sa-bagai suatu Tahun Buah<sup>2</sup>an. Satu gerakan "Tanam-lah Pokok Buah<sup>2</sup>an Lebeh Banyak Lagi" akan di-mulakan dengan resmi pada bulan hadapan. Dalam gerakan itu usaha<sup>2</sup> bagi menggalakkan menanam dan memakan buah<sup>2</sup>an tempatan akan di-jalankan dengan giat-nya.

53. Dalam usaha-nya supaya dapat berhubung dengan lebeh berkesan lagi dengan petani<sup>2</sup> maka Chawangan Luar, Bahagian Pertanian sedang menggunakan pasokan<sup>2</sup> berkereta, pusat<sup>2</sup> latehan luar bandar dan Persatuan<sup>2</sup> Peladang dengan lebeh banyak lagi supaya dapat melaksanakan tujuan Kerajaan hendak

menjalankan atoran yang lebih baik bagi pengeluaran pertanian dan bagi menambah pengeluaran dusun<sup>2</sup> Banyak scheme<sup>2</sup> yang di-tajakan oleh Kerajaan telah di-jalankan dengan jaya-nya dengan bantuan Persatuan<sup>2</sup> Peladang. Pada penghujung tahun 1963 ada tiada kurang daripada 510 buah Persatuan Peladang yang berdaftar dengan ahli<sup>2</sup> sa-banyak 27,550 orang. Dalam bulan Disember 1963 suatu Seminar Kebangsaan Persatuan<sup>2</sup> Peladang telah di-adakan oleh Kementerian ini bersama<sup>2</sup> dengan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Seminar ini di-hadiri oleh wakil<sup>2</sup> daripada semua Negeri dalam Malaysia dan beberapa jabatan Kerajaan yang ada kena-mengena dengan pekerja<sup>2</sup> luar bandar terutama sa-kali petani<sup>2</sup>.

54. Kerajaan juga sedar akan mustahak-nya mempunyai kakitangan<sup>2</sup> Bahagian Pertanian yang berpelajaran dan menerima latehan yang lebih baik supaya petani<sup>2</sup> dapat di-beri pengetahuan dengan lebih sempurna berkenaan dengan segala hal yang berhubung dengan pertanian dan meninggikan lagi pengetahuan pertanian di-kalangan penduduk<sup>2</sup> luar bandar. Bagi menyediakan pegawai<sup>2</sup> baharu dalam Bahagian Pertanian ini supaya dapat membuat kerja<sup>2</sup> khidmat di-kalangan petani<sup>2</sup> dengan lebih lengkap lagi maka Sekolah Pertanian yang ada sekarang ini sedang di-perbesarkan. Kerja membena makmal bagi perkhidmatan mengajar di-Serdang telah di-mulakan dan alat<sup>2</sup> makmal yang mustahak bagi Sekolah itu telah di-beli. Sa-lain daripada itu langkah<sup>2</sup> permulaan telah di-ambil bagi mencheptakan lagi kerja memajukan satu lagi bahagian Sekolah itu di-Bumbong Lima, Province Wellesley.

55. Bagi mentaksir kehendak<sup>2</sup> pertanian dengan sempurna, sa-orang Penasehat Pertubuhan Makanan dan Pertanian telah melawat Malaysia dalam tahun 1963 bagi mengkaji kehendak<sup>2</sup> negeri ini pada masa sekarang dan pada masa hadapan berkenaan dengan pegawai<sup>2</sup> pertanian yang terlateh berasas kepada jawatan<sup>2</sup> sekarang ini dan peluang<sup>2</sup> bekerja dan ranchangan kemajuan di-masa hadapan,

dan membuat shor untuk satu Ranchangan Pelajaran Pertanian dan Latehan Kebangsaan yang akan dapat memenohi kehendak<sup>2</sup> negara dalam masa yang singkat dan juga yang lama kahadapan bagi mendapat kakitangan<sup>2</sup> yang terlateh dengan banyak-nya dan juga yang chekap dengan perbelanjaan yang negara ini mampu. Bagi melaksanakan dasar menanam berbagai<sup>2</sup> jenis tanaman, kerja<sup>2</sup> menyelidik tanam<sup>2</sup>an saperti kelapa sawit, teh, tebu, janggus, buah<sup>2</sup>an dan sayor<sup>2</sup>an sedang giat di-usahakan. Sa-jumlah delapan buah pusat perchubaaan tanam<sup>2</sup>an telah di-buka di-atas berbagai<sup>2</sup> jenis tanah untuk mengetahui tanam<sup>2</sup>an yang sesuai dengan tiap<sup>2</sup> jenis tanah itu.

#### (B) Bahagian Parit dan Tali Ayer

56. Satu daripada kerja<sup>2</sup> utama Kementerian ini ia-lah memberi kemudahan<sup>2</sup> tali ayer dan parit kepada kawasan<sup>2</sup> sawah yang ada sekarang bagi menambah lagi pengeluaran padi dengan chara menanam dua kali sa-musim. Bahagian ini juga bertanggungjawab membuka dan memajukan tanah<sup>2</sup> baharu dengan mengadakan kemudahan<sup>2</sup> supaya tanah<sup>2</sup> itu dapat di-usahakan dengan menguntongkan.

57. Dalam tahun yang pertama hingga tahun yang ketiga Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua itu Bahagian Parit dan Tali Ayer telah melaksanakan 87 scheme membuat tali ayer, 30 daripada scheme<sup>2</sup> itu dilaksanakan dalam tahun 1963. Dalam tahun 1963, 18,586 ekar tanah telah dapat di-tanam dua kali sa-musim kerana ada kemudahan<sup>2</sup> tali ayer, dalam pada itu 4,954 ekar tanah paya telah di-jadikan tanah sawah. 11,400 ekar tanah sawah telah pula di-perbaiki lagi dengan di-beri kemudahan<sup>2</sup> tali ayer.

58. Dalam tahun 1963 sa-banyak tujuh ranchangan parit telah dilaksanakan menjadi jumlah sa-banyak 20 ranchangan yang di-laksanakan semenjak Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua itu di-mulakan. Dalam tahun 1963 usaha memperbaiki parit<sup>2</sup> telah di-laksanakan meliputi satu kawasan luas-nya



40,700 ekar—yang besar sa-kali ia-lah scheme Kanchong Tengah di-Selangor sa-luas 13,500 ekar, scheme Minyak Beku di-Johor sa-luas 5,000 ekar dan scheme Merlimau di-Melaka sa-luas 12,000 ekar.

59. Kerja<sup>2</sup> membela 1,236 batu sungai telah di-jalankan dalam tahun 1963 supaya tiada membanjirkan tanah<sup>2</sup> pertanian yang berhampiran dengan-nya.

**(C) Bahagian Kemajuan Sharikat Kerjasama**

60. Dasar Kerajaan ia-lah menggalak kemajuan Gerakan Sharikat Kerjasama sa-bagai satu jalan bagi meninggikan lagi ekonomi ra'ayat, terutama sa-kali mereka di-luar<sup>2</sup> bandar. Dalam tahun 1963 kebanyakan usaha Bahagian Kemajuan Sharikat Kerjasama di-tujukan kepada mengukuhkan perpaduan persatuan<sup>2</sup> yang sedia ada dan memberi pelajaran kepada ahli<sup>2</sup>-nya. Pada hujung tahun 1963 ada 2,948 buah persatuan sharikat kerjasama yang di-daftarkan dengan ahli<sup>2</sup>-nya sa-banyak 400,000 orang, modal perkongsian sa-banyak \$92,000,000 dan modal dalam perniagaan sa-banyak \$158,000,000. Pinjaman<sup>2</sup> Kerajaan kepada petani<sup>2</sup> dan nelayan<sup>2</sup> melalui persatuan<sup>2</sup> sharikat kerjasama berjumlah \$5,395,000 dalam tahun 1963.

**(D) Bahagian Perikanan**

61. Bagi menjalankan dasar Kerajaan supaya tiada bergantung kepada negeri<sup>2</sup> luar mengenai makanan<sup>2</sup> utama dan menambah lagi pendapatan<sup>2</sup> nelayan yang miskin itu maka Bahagian ini dalam tahun 1963 menumpukan segala usaha-nya kepada ranchangan<sup>2</sup> kemajuan perikanan. Perkara<sup>2</sup> yang lebih di-utamakan ia-lah scheme<sup>2</sup> bantuan kewangan, memajukan sekolah<sup>2</sup> latehan, memperbaiki lagi kemudahan<sup>2</sup> memungkah naik ka-darat dan pasaran, mengusahakan lebih giat lagi menyelidik semua hal<sup>2</sup> berkenaan dengan perikanan laut dan sungai serta darat dan memajukan dengan lebih terator lagi kebolehan<sup>2</sup> yang sedia ada mengenai perikanan di-dalam sungai, tasek, kolam dan sa-bagai-nya.

62. Pinjaman<sup>2</sup> yang di-beri kepada nelayan melalui persatuan<sup>2</sup> sharikat kerjasama berjumlah \$240,000 dalam tahun 1963. Perbelanjaan mengenai kemajuan<sup>2</sup> besar berjumlah \$1,077,000. Delapan buah gudang bilek sejok yang di-dermakan oleh Kerajaan Canada di-bawah Ranchangan Colombo telah di-buka dengan resmi.

63. Usaha memajukan perikanan sungai dan darat lebih giat di-jalankan dalam tahun 1963 dan lebih daripada satu juta anak<sup>2</sup> ikan telah di-bahagi<sup>2</sup>-kan. Dalam tahun 1963 pengeluaran perikanan laut meningkat naik 7.6 peratus lebih daripada banyak-nya dalam tahun 1962 dan luas-nya kawasan kolam<sup>2</sup> yang di-buka untuk memelihara ikan<sup>2</sup> pun bertambah juga.

**(E) Bahagian Perhutanan**

64. Dasar Perhutanan ia-lah memelihara kawasan<sup>2</sup> tanah hutan supaya kayu-kayan yang di-kehendaki oleh negara dapat di-adakan sa-tiap masa. memperbaiki lagi mutu dan baka kayu<sup>2</sup> dalam hutan dan mengusahakan supaya pengeluaran-nya sentiasa bertambah. Usaha penyelidikan lebih di-utamakan dalam tahun 1963. Penyiasatan<sup>2</sup> di-jalankan mengenai hutan<sup>2</sup> yang di-tanam dengan pokok<sup>2</sup> kayu dan hutan<sup>2</sup> yang sedia ada supaya kemajuan<sup>2</sup> dapat di-chapai berkenaan dengan pengeluaran dan mutu kayu-kayan itu. Kajian Tenaga Hutan yang di-utamakan dalam tahun 1963 kian bertambah maju. Kerja<sup>2</sup> menterjemah-gambar dan mengkaji kawasan<sup>2</sup> di-luar pejabat telah di-laksanakan bagi Negeri Pahang. Bagi Negeri Trengganu kerja menterjemah-gambar itu telah siap tetapi kerja mengkaji itu sedang di-jalankan dalam beberapa kawasan. Apabila kerja mengkaji itu siap maka dapat-lah di-bahagi<sup>2</sup>kan tanah mengikut jenis pokok yang sesuai di-tanam di-atas-nya. Dengan yang demikian dapat-lah membantu melaksanakan menanam banyak lagi jenis<sup>2</sup> tanaman. Tanaman<sup>2</sup> Perchubaaan lebih daripada 1,000 ekar telah di-tanam sa-bagai perchubaaan jenis di-atas tanah yang tiada sama tinggi-nya dalam negeri ini. Usaha ini berguna bagi menubuhkan kebun<sup>2</sup> kayu-kayan perniagaan sa-chara besar<sup>2</sup>an.

### (F) Bahagian Perkhidmatan Haiwan

65. Usaha<sup>2</sup> Bahagian ini ada-lah di-tujukan kepada memajukan ternakan supaya negeri ini dapat memenohi kehendak<sup>2</sup>-nya sa-banyak yang terdapat berkenaan dengan daging, susu, ayam itek dan telur supaya dapat penduduk<sup>2</sup> negeri ini memakan banyak lagi zat<sup>2</sup> protein dan lemak. Taksir harga ternakan yang di-keluarkan oleh penternak<sup>2</sup> tempatan ia-lah lebih \$300,000,000 dalam tahun 1963.

66. Beberapa pusat membiak telah di-tubuhkan supaya penternak<sup>2</sup> boleh mendapat binatang<sup>2</sup> dan ayam itek yang chepat besar dan beranak atau bertelur lebih banyak. Hal ini bukan sahaja sudah tentu menambahkan pengeluaran tempatan tetapi juga tentulah menggalakkan orang<sup>2</sup> memakan lebih banyak lagi daging<sup>2</sup> negeri ini.

67. Dalam pada usaha menambahkan lagi pengeluaran jenis binatang<sup>2</sup> kecil itu di-jalankan, usaha juga di-jalankan bagi memperbaiki lagi lembu kerbau. Bagi maksud ini sa-lain daripada memberi baka yang lebih baik kepada Pusat Membela Binatang Bahagian ini juga menubuhkan satu perkhidmatan menyuntik benih yang akan memperbaiki lagi lembu kerbau kerana binatang<sup>2</sup> baka baik susah di-dapati. Awal tahun ini satu pusat menyuntik benih telah di-tubuhkan di-Negeri Sembilan yang akan menjadi pusat utama. Beberapa buah pusat<sup>2</sup> kecil akan di-tubuhkan supaya perkhidmatan menyuntik benih ini dapat di-beri kepada kawasan<sup>2</sup> lain.

68. Kerja Bahagian Perkhidmatan Haiwan yang mustahak sa-kali ia-lah mengawal penyakit<sup>2</sup>. Banyak kerja<sup>2</sup> penyelidekan sedang di-jalankan di-Dewan Penyelidekan Haiwan, Ipoh. Dewan ini juga mengeluarkan ubat vaccines bagi melawan penyakit<sup>2</sup> yang berkehendakkan ubat vaccine. Vaccine ini bertambah<sup>2</sup> banyak di-kehendaki bukan sahaja oleh Negeri<sup>2</sup> dalam Tanah Melayu bahkan oleh Negeri<sup>2</sup> Sabah dan Sarawak.

69. Sa-bagai bantuan tambahan kepada usaha memajukan perusahaan ternakan lebih daripada \$500,000 sedang di-belanjakan untuk membahagi<sup>2</sup>kan lebih

daripada 2,500 ekor lembu jantan dan kerbau kepada orang<sup>2</sup> di-kawasan luar bandar pada tahun ini. Binatang<sup>2</sup> ini di-bahagi<sup>2</sup>kan mengikut chara pawah, terutama sa-kali di-kawasan<sup>2</sup> yang ternakan<sup>2</sup> tiada ada di-pelihara tetapi sesuai bagi memelihara kerbau lembu.

### (G) Bahagian Pemulehan Mata<sup>2</sup> Khas

70. Usaha menjalankan Ranchangan Pemulehan Mata<sup>2</sup> Khas yang di-berhentikan kerja sedang berjalan dengan baik. Hingga hujung tahun 1963, 881 bantuan berjumlah \$660,750 dan pinjaman pemulehan berjumlah \$10,468,375.59 sen telah di-beri kepada mata<sup>2</sup> khas yang di-berhentikan kerja dan termasuk dalam scheme ini. Kerja besar dalam usaha memulehkan itu dengan yang demikian telah di-laksanakannya tetapi masih tinggal lagi kerja yang amat rumit ia-itu mendapat balek pinjaman<sup>2</sup> itu.

### (H) Bahagian Mergastua

71. Usaha<sup>2</sup> Bahagian Mergastua ini terus di-tujukan kepada binatang<sup>2</sup> liar dan memelihara kejadian 'alam. Taman Negara kita sa-bagai satu kawasan yang terpelihara bagi binatang<sup>2</sup> liar dan kejadian 'alam tiada ada tolok bandingnya di-dunia sa-belah sini dan telah mendapat kepujian daripada pelan-chong<sup>2</sup> dunia. Kerja<sup>2</sup> kemajuan di-Taman Negara sedang berjalan. Banyak lagi kemudahan<sup>2</sup> sedang di-tambah sa-bagai usaha menarek pelan-chong<sup>2</sup> melawat Malaysia.

## KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

### (A) Bahagian Barang<sup>2</sup> Dagangan

72. *Getah*. Oleh kerana perusahaan getah tiruan bertambah maju dengan chepat-nya, terutama sa-kali getah tiruan jenis baharu, maka mustahak-lah menambah dan melancharkan lagi usaha<sup>2</sup> hendak menanam sa-mula getah, baik di-ladang<sup>2</sup> mahu pun kebun<sup>2</sup> kecil. Kerajaan telah memberi lagi bantuan wang sa-banyak \$200,000,000 kepada perusahaan getah untuk menolong menanam sa-mula beberapa ekar lagi tanah getah dengan anak<sup>2</sup> getah jenis yang baik dalam tempoh antara

tahun 1962 hingga tahun 1967. Adalah di-jangkakan bahawa dengan adanya bantuan wang daripada Kerajaan ini maka banyak-nya tanaman sa-mula itu akan bertambah lagi.

73. Pada tahun 1963, sa-luas 14,815 ekar tanah getah telah di-tanam sa-mula di-Sabah oleh ladang<sup>2</sup> dan pekebun<sup>2</sup> kecil. Pada masa ini lima puluh peratus daripada kebun getah di-Sabah di-tanam dengan getah dari jenis yang baik, tetapi sedikit sahaja yang sudah boleh di-turis. Kebanyakan getah jenis yang baik ini di-chantum dengan chara mata tunas ia-itu suatu chara yang telah di-mulakan di-Sabah pada tahun 1959.

74. Penyiasatan bagi memperbaiki mutu dan kecekapan perusahaan pengeluaran getah dan menggalakkan penggunaan getah terus di-jalankan di-bawah kawalan dan kelolaan Lembaga Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu. Maksud hendak mengeluarkan satu tan getah sa-tahun bagi tiap<sup>2</sup> ekar tanah memang boleh di-chapai. Kerajaan sedang berusaha menyusun sa-mula Lembaga Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu supaya kerja<sup>2</sup>-nya lebih lancar lagi. Sa-lain daripada kerja<sup>2</sup> penyiasatan, Lembaga ini telah juga memperbaiki dan meluaskan lagi perkhidmatan teknik-nya di-sabatang laut menghubungkan badan<sup>2</sup> penyiasatan Lembaga itu terus dengan pengguna<sup>2</sup> getah asli. Oleh kerana getah tiruan bertambah<sup>2</sup> banyak di-gunakan orang maka Kerajaan berhajat hendak memberi khidmat<sup>2</sup> teknik yang lebih baik lagi dengan kerjasama Lembaga Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu dan Perusahaan itu sendiri.

75. *Bijeh*. Pada tahun yang lalu harga bijeh dalam pasaran dunia telah turun naik dan telah memunchak kapada harga yang tinggi sa-kali yang ditetapkan oleh Majlis Bijeh Timah Antara Bangsa menjadi £965 pada tiap<sup>2</sup> satu tan pada bulan Disember 1963 walau pun Amerika Sharikat ada menjual bijeh simpanan-nya. Pada bulan Disember 1963 Majlis Bijeh Timah Antara Bangsa bagi tujuan Buffer Stock Operations telah menaikkan harga bijeh yang rendah daripada £790 satu tan menjadi £850 satu tan dan harga

yang tinggi sa-kali daripada £965 satu tan menjadi £1,000 satu tan. Hal ini di-perbuat supaya lebih sesuai dengan keadaan pasaran pada masa ini. Perjanjian Bijeh Timah Antara Bangsa sa-kali lagi menunjukkan ia boleh menjadi alat yang penting bagi bahan dagangan itu dalam pasaran antara bangsa dan Kerajaan berchadang hendak berusaha supaya Perjanjian itu di-perbaharui apabila kuatkuasa-nya mansokh pada tahun 1966.

76. Apabila Amerika Sharikat mengishtiharkan suatu ranchangan jangka panjang dan ranchangan satu tahun bagi maksud menjual bijeh dalam simpanan yang di-ishtiharkan oleh Kerajaan Amerika Sharikat itu pada bulan Mach maka beberapa keraguan mengenai masa hadapan bijeh timah itu sudah dapat di-hapuskan. Perishtihaan ini berserta dengan hal harga bijeh timah lebih £1,000 satu tan pada masa ini akan menggalakkan perkembangan perusahaan bijeh timah dalam negeri ini.

77. *Bijeh Besi*. Pada tahun 1963 perusahaan bijeh besi memuaskan hati kerana walau pun Jepun, pembeli yang utama, mengumumkan pada awal<sup>2</sup> tahun itu bahawa ia akan menghadkan impot bijeh besi, dalam pada itu juga pengeluaran dan eksept telah bertambah daripada yang sudah<sup>2</sup>. Pengeluaran telah bertambah menjadi 7,300,000 tan ia-itu 11.6% lebih daripada pengeluaran tahun 1962, manakala eksept pula bertambah menjadi 6,600,000 tan ia-itu 2.2% lebih daripada eksept tahun 1962. Walau pun kemajuan itu memuaskan hati Kerajaan akan meneruskan usaha-nya untuk menggalakkan lagi perusahaan itu dan supaya lebih ramai lagi anak negeri ini sendiri mengambil bahagian dalam perusahaan itu. Kerajaan akan menimbangkan juga chara<sup>2</sup>-nya hendak mengusahakan bijeh<sup>2</sup> besi yang rendah mutu-nya yang banyak dalam negeri ini.

78. *Nenas*. Perusahaan Nenas Tanah Melayu terus berjaya meluaskan jualan nenas<sup>2</sup> dalam tin dalam pasaran luar negeri. Sa-bagai ikhtiar menggalakkan eksept maka perusahaan ini mengadakan wakil<sup>2</sup> perdagangan dalam negeri<sup>2</sup> yang banyak membeli nenas<sup>2</sup> tin itu;

sa-lain daripada itu ada di-buat perjanjian wakil perdagangan bersendirian dengan Wakil<sup>2</sup> dalam negeri<sup>2</sup> yang banyak membeli itu.

79. Dengan tujuan hendak mengukuhkan lagi perusahaan dalam negeri dan menetapkan pengiriman-nya keluar negeri, maka Kerajaan sedang berusaha bersungguh<sup>2</sup> hendak menubuhkan Badan Pasaran Perusahaan Nenas yang telah di-chadangkan terlebih dulu itu.

80. Kilang Perusahaan Mengetin Nenas di-Tanah Melayu yang di-tubuhkan dengan bantuan wang Kerajaan sa-banyak \$5,000,000 hampir siap di-dirikan di-Pekan Nenas di-Johor. Dengan tertubuh-nya kilang Perusahaan Mengetin ini maka pekebun<sup>2</sup> kecil nenas boleh-lah menjualkan nenas<sup>2</sup> mereka dengan tetap kepada-nya. Orang<sup>2</sup> yang tinggal berhampiran yang sa-lama ini menanam nenas sahaja boleh-lah pula bekerja dengan kilang itu.

81. *Kayu Balak.* Kerajaan telah menerima chadangan sa-buah Jawatan-kuasa Kerja yang telah menyiasat kesukaran<sup>2</sup> dan mas'elah bagi mengeksepot kayu balak dan bersetuju supaya di-tubuhkan sa-buah Lembaga Eksepot Kayu Balak Tanah Melayu. Lembaga itu akan menetapkan dan mengawal eksepot kayu balak dengan tujuan supaya perusahaan itu tetap, kukuh dan tersusun kedudukannya supaya pengimpot<sup>2</sup> dari luar negeri akan ada kepercayaan daripada perdagangan itu. Kerajaan sedang membuat undang<sup>2</sup> untuk melaksanakan chadangan itu.

82. *Tebu.* Kerajaan sedang menyelideki kemungkinan<sup>2</sup> menanam tebu untuk mengadakan perusahaan tebu yang disatukan dan juga untuk memberi punca pendapatan yang baharu terutama sa-kali kepada pekebun<sup>2</sup> kecil. Usaha sedang di-jalankan bagi mendapatkan pakar<sup>2</sup> di-bawah Rancangan Colombo untuk membantu menyiasat kawasan<sup>2</sup> yang sesuai untuk di-tanam tebu dan meranchangkan penyiasatan mengenai penanaman tebu.

83. *Ranchangan Kerajaan Menanam Sa-mula Getah.* Getah ia-lah tulang belakang ekonomi Tanah Melayu; kema'amoran negara bergantung kepada kema'amoran perusahaan itu.

84. Pihak Perusahaan Getah sudah lama tahu umur sa-batang pokok getah itu tiada lama sangat. Ladang<sup>2</sup> getah yang besar kebanyakan-nya memang sudah membuat ranchangan menanam sa-mula getah semenjak sa-belum Perang Dunia Kedua lagi dan sa-belum masa Jepun. Perkara menanam sa-mula itu bergantung kepada harga getah dan juga kepada wang yang ada untuk membuat-nya. Keadaan getah pekebun<sup>2</sup> kecil pada 'am-nya sudah tidak menyenangkan hati semenjak belum penaklukan Jepun (bulan Disember 1941). Pekebun<sup>2</sup> kecil boleh di-katakan tiada langsung menanam sa-mula dan kebanyakan kebun<sup>2</sup> yang di-tanam sa-belum Perang Dunia Pertama tiada banyak hasil-nya lagi.

85. Sa-lepas Perang Dunia Yang Kedua perusahaan itu menghadapi mas'elah penempatan sa-mula dalam mana Kerajaan memberi bantuan sa-banyak \$82,000,000 melalui Suruhanjaya Kerosakan Perang Tanah Melayu. Getah tiruan telah bertambah<sup>2</sup> di-gunakan dalam perang itu kerana keadaan memaksa berbuat demikian. Sa-lepas perang ia menjadi bahan yang mengancam getah asli. Dengan tujuan hendak menandingi perusahaan getah tiruan maka mustahak-lah Malaysia dapat mengeluarkan getah asli dengan sa-chukup-nya dengan harga yang berpatutan dan dengan mutu yang di-kehendaki. Oleh yang demikian perusahaan menanam getah pada masa hadapan ini bergantung kepada usaha<sup>2</sup> kita menyegerakan dan meluaskan lagi menggantikan kebun<sup>2</sup> getah lama dengan kebun<sup>2</sup> getah yang baharu yang di-tanam dengan anak<sup>2</sup> getah yang banyak susu.

86. Undang<sup>2</sup> Kumpulan Wang (Menanam Sa-mula) Perusahaan Getah (No. 8 tahun 1952) telah di-kuatkuasakan untuk mengutip satu chukai getah untuk menolong perusahaan itu menanam sa-mula getah. Undang<sup>2</sup> ini di-tambah pula kemudian-nya dengan Undang<sup>2</sup> (Pindaan) Kumpulan Wang (Menanam Sa-mula) Perusahaan Getah tahun 1955 (No. 33 tahun 1955), apabila di-dapati langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil itu tiada memadai untuk di-kenakan bagi mas'elah menanam sa-mula itu. Mengikut pindaan ini

wang sa-banyak \$280,000,000 telah di-untukkan oleh Kerajaan bagi faedah Perusahaan Menanam Getah; wang itu akan di-masokkan ka-dalam kira<sup>2</sup> perbelanjaan 'am Persekutuan Tanah Melayu. Daripada jumlah wang yang akan di-belanjakan dalam tempoh antara tahun 1956 hingga tahun 1967 ini, \$168,000,000 ada-lah bagi estet<sup>2</sup> dan \$112,000,000 bagi pekebun<sup>2</sup> kechil.

**(B) Kemajuan yang di-Chapai Hingga Akhir Tahun 1963**

87. (a) *Ranchangan (Menanam Sa-mula) Perusahaan Getah bagi Estet (L.N. 528 tahun 1955).* Wang yang di-untukkan ia-lah \$168,000,000. Menanam Sa-mula Getah akan di-jalankan dalam tempoh antara tahun 1955 hingga tahun 1962. Ranchangan-nya ia-lah hendak menanam sa-mula 423,808 ekar dengan perbelanjaan \$400 tiap<sup>2</sup> satu ekar. Tanah yang sudah di-tanam sa-mula hingga akhir tahun menanam pada tahun 1962 ia-lah 386,064 ekar. Jumlah ini hendak-lah di-champorkan dengan jumlah yang berikut di-bawah: Menanam sa-mula dalam tahun 1953/54 dengan bantuan yang di-kurangkan, 86,984 ekar; Menanam sa-mula yang lebeh oleh ladang<sup>2</sup> getah yang besar<sup>2</sup> atas usaha mereka sendiri mengikut galakan dalam Ranchangan itu, lebeh kurang 200,000 ekar. Jumlah wang yang di-bayar hingga penghujung tahun 1963 berjumlah \$161,325,406. Nyata-lah daripada angka<sup>2</sup> yang di-beri di-atas bahawa Ranchangan ini telah menunjukkan kejayaan yang chemerlang.

(b) *Ranchangan Perusahaan Getah (Menanam Sa-mula) (Pekebun<sup>2</sup> Kechil) (L.N. 119 tahun 1956).* Ini ia-lah Ranchangan bagi pekebun<sup>2</sup> kechil yang pertama sa-kali yang akan menggunakan wang peruntukkan \$112,000,000 itu. Ranchangan ini akan memakan belanja \$47,500,000 dan di-uruskan melalui Kumpulan Wang "B". Ia di-satukan dengan Ranchangan No. 2 Kumpulan Wang "B" menjadi Ranchangan No. 3 Kumpulan Wang "B" mulai daripada 1hb Januari, 1960. Bantuan Kerajaan kepada Kumpulan Wang "B" habis di-bayar pada tahun 1962.

(c) *Ranchangan Bahan Tanaman Pekebun<sup>2</sup> Kechil Perusahaan Getah tahun 1956 (L.N. 296 tahun 1956).* Suatu kumpulan wang sa-banyak \$5,000,000 telah di-untukkan mengikut Ranchangan yang telah di-lancarkan pada tahun 1956 ini. Dalam Ranchangan ini, anak<sup>2</sup> getah dari jenis yang baik akan di-jualkan kepada pekebun<sup>2</sup> kechil dengan harga yang boleh memberi keuntungan kepada mereka. Hingga penghujung tahun 1963 sa-banyak \$4,500,000 telah di-keluarkan. Pada keseluruhannya Ranchangan ini telah berjalan dengan baik.

(d) *Ranchangan Perusahaan Getah (Persatuan Pekebun<sup>2</sup> Kechil) tahun 1956 (L.N. 306 tahun 1956).* Peruntukkan sa-banyak \$75,000 dan bayaran yang telah di-buat hingga masa ini ia-lah \$70,000 supaya Persatuan Pekebun<sup>2</sup> Kechil Tanah Melayu dapat mengukuhkan persatuan-nya dan dapat mewakili pekebun<sup>2</sup> kechil dalam perusahaan itu dengan lebeh berkesan lagi. Baki sa-banyak \$5,000 tiada di-keluarkan dalam masa tiga tahun yang pertama kerana pertubohan ini tiada berapa berjaya mengukuhkan kedudukan kewangan-nya untuk menjalankan kerja<sup>2</sup>-nya dengan bersungguh<sup>2</sup>.

(e) *Ranchangan Perusahaan Getah (Menanam Baharu bagi Pekebun<sup>2</sup> Kechil) tahun 1957 (L.N. 9 tahun 1958).* Wang yang di-untukkan bagi Ranchangan ini ia-lah \$30,000,000. Tujuannya ia-lah menanam baharu tanah sa-luas 75,000 ekar dalam kawasan<sup>2</sup>, tiap<sup>2</sup> sa-buah kawasan tiada kurang daripada 250 ekar dan dalam lot tiap<sup>2</sup> lot luasnya daripada enam hingga tujuh ekar dengan belanja \$400 tiap<sup>2</sup> ekar. Ranchangan ini di-laksanakan melalui Badan<sup>2</sup> Pengelola yang di-lantek oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri. Sa-banyak 87 buah Ranchangan telah di-daftarkan. Sembilan belas di-kelolakan bersama oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, dan 68 Ranchangan, kebanyakan-nya di-Perak dan di-Pahang, di-kelolakan sendiri oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri. Oleh kerana beberapa sebab banyak daripada Ranchangan yang di-kelolakan sendiri oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri itu, terutama-nya di-Perak dan di-Pahang, tiada berjalan dengan memuaskan hati, tetapi Negeri<sup>2</sup>

yang berkenaan sedang berusaha hendak membaiki usaha<sup>2</sup> mereka itu. Wang yang telah di-bayar hingga penghujung tahun 1963 ia-lah sa-banyak \$14,901,070.

(f) *Ranchangan Bahan Tanaman Perusahaan Getah (Pekebun<sup>2</sup> Kechil) Perbekalan Yang Lebih Baik Tahun 1959 (L.N. 151 Tahun 1959)*. Jumlah wang yang di-untukkan bagi Ranchangan ini ada-lah sa-banyak \$9,000,000. Tujuan Ranchangan itu ia-lah hendak mengadakan tempat<sup>2</sup> semaian bagi yang boleh mengeluarkan beneh<sup>2</sup> yang baik sa-kali bagi faedah pekebun<sup>2</sup> kechil. Lebih kurang 5,000 ekar tanah akan di-tanami di-tiga buah ladang yang terletak-nya di-Johor, Perak dan Pahang. Ladang getah yang tiga itu ia-lah: (i) Ladang Getah, Kampong Awah, Temerloh, Pahang; (ii) Ladang Getah, Kampong Sekijang, Segamat, Johor; dan (iii) Ladang Getah, Kampong Changkat Suleiman, Sungkai, Perak. Ranchangan itu telah di-mulakan dalam tahun 1960. Tanaman perengkat akhir telah selesai di-jalankan di-Johor Property pada tahun itu. Sa-benar-nya sa-jumlah 5,045 ekar telah di-tanami di-tiga buah ladang itu. Ranchangan ini ada-lah sa-rupa dengan Ranchangan (Bahan<sup>2</sup> Tanaman Pekebun<sup>2</sup> Kechil) Perusahaan Getah Tahun 1956 saperti (c) di-atas. Sa-lain daripada kawasan semaian biji getah ada juga di-buat kawasan semaian anak<sup>2</sup> getah dan kawasan semaian untuk mata<sup>2</sup> tunas dalam tahun 1963; Kawasan<sup>2</sup> semaian anak<sup>2</sup> getah 150 ekar; Kawasan<sup>2</sup> semaian anak<sup>2</sup> mata tunas 120 ekar; Jumlah-nya, 270 ekar.

Jumlah wang yang di-keluarkan daripada peruntukan kewangan hingga penghujung tahun 1963 ada-lah sa-banyak \$7,291,600. Kemajuan-nya ada-lah sangat memberi puas hati dan ladang<sup>2</sup> itu ada-lah di-jaga dengan baik-nya sa-panjang tahun itu. Tiada shak lagi bahawa Ranchangan ini akan memberi faedah yang baik kepada pekebun<sup>2</sup> kechil sa-bagai satu penanaman modal yang di-buat bagi pehak mereka walau pun tujuan utama-nya ada-lah hendak mengeluarkan beneh<sup>2</sup> getah yang baik sa-kali. Pokok<sup>2</sup> getah yang banyak susu-nya itu telah di-tanami sa-luas 5,045 ekar dan akan di-

usahakan mengikut sa-bagaimana yang di-buat di-ladang<sup>2</sup> yang moden.

(g) *Ranchangan (Tanaman Sa-mula Pekebun<sup>2</sup> Kechil) Perusahaan Getah No. 2 Tahun 1959 (L.N. 421 Tahun 1959)*. Jumlah wang yang di-untukkan bagi Ranchangan ini ada-lah sa-banyak \$20,000,000. Ranchangan ini sa-rupa dengan Ranchangan \$30,000,000 saperti (e) di-atas. Peruntukan itu chukup bagi ranchangan tanam getah baharu bagi kawasan sa-luas 50,000 ekar yang luas-nya bagi tiap<sup>2</sup> satu kumpulan tidak lebih daripada 100 ekar dan tiap<sup>2</sup> satu lot tiada lebih daripada tujuh ekar dengan belanja-nya sa-banyak \$400 tiap<sup>2</sup> sa-ekar. Lembaga Pentadbiran telah memutuskan tiada akan menjalankan lagi Ranchangan ini kerana chara<sup>2</sup> keadaan-nya sekarang dan mengikut pengalaman<sup>2</sup> yang telah sudah berkenaan dengan mentadbirkan Ranchangan (Tanam Baharu Pekebun<sup>2</sup> Kechil) Perusahaan Getah Tahun 1956 saperti (e) di-atas itu, ada-lah di-fikirkan bahawa tiada akan dapat hendak melaksanakan Ranchangan itu dengan jaya-nya kelak. Satu Ranchangan baharu sa-bagai ganti-nya akan di-laksanakan bersama dengan Wang Kumpulan "B" menerusi pertubuhan mereka, ada-lah sedang di-timbangan.

(h) *Rengkasan Kedudukan Bayaran pada 31hb Disember, 1963.*

	Perunto- kan	Di-bayarkan pada 31-12-63	Baki
	\$	\$	\$
Ranchangan Ladang	168 Juta	161,325,406	6,674,594
Ranchangan untuk Pekebun <sup>2</sup> Kechil ..	112 Juta	74,262,670	37,737,330
Jumlah ..	280 Juta	235,588,076	44,411,924

### (C) Kemajuan Perusahaan

88. Kerajaan Malaysia ada-lah sangat<sup>2</sup> mengambil berat di-atas perkembangan perusahaan bagi mengukuhkan ekonomi negara dan akan bertanggung-jawab di-atas kemajuan perusahaan itu menerusi beberapa pehak berkuasa kawasan dengan jalan memberikan galakan<sup>2</sup> kewangan, kemudahan<sup>2</sup> yang penting dan memberikan lindongan pasaran yang sesuai kepada perusahaan<sup>2</sup> tempatan.

89. Sa-belum Malaysia di-tubuhkan, Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah telah menjalankan sendiri

ranchangan<sup>2</sup> kemajuan perusahaan mereka masing<sup>2</sup>. Masing<sup>2</sup> negeri ini telah membuat Undang<sup>2</sup> Perusahaan Perintis-nya sendiri; Tanah Melayu dan Singapura khusus-nya telah mencapai kemajuan yang besar juga menggalakkan penanaman modal<sup>2</sup> perusahaan dengan memberi peluang keistimewaan daripada chukai di-bawah Undang<sup>2</sup>. Pada masa ini sungguh pun negeri<sup>2</sup> ini di-biarkan menjalankan kemajuan<sup>2</sup> mereka itu sendiri, usaha<sup>2</sup> mereka itu ada-lah di-satukan dengan jalan rundingan<sup>2</sup> dengan pehak Kerajaan Pusat.

90. Hingga hari ini, jumlah sharikat<sup>2</sup> perusahaan yang di-berikan taraf<sup>2</sup> perusahaan perintis di-bawah Undang<sup>2</sup> Perusahaan<sup>2</sup> Perintis yang telah di-perundang<sup>2</sup>kan oleh Kerajaan masing<sup>2</sup> di-dalam Wilayah<sup>2</sup> Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak ada sa-banyak 245 buah sharikat<sup>2</sup> seperti di-bawah ini:

Tanah Melayu	...	...	102
Singapura	...	...	119
Sarawak	...	...	13
Sabah	...	...	12

Tempat perkumpulan perusahaan<sup>2</sup> perintis yang banyak di-tubuhkan di-dalam negeri ini ia-lah di-dalam kawasan<sup>2</sup> seperti di-Petaling Jaya, Johor Bahru, Tasek dan Jurong ia-itu tempat<sup>2</sup> yang mudah bagi pasaran dan juga yang mempunyai kemudahan<sup>2</sup> untuk perkhidmatan bagi faedah perusahaan.

91. Perusahaan<sup>2</sup> yang telah di-berikan taraf<sup>2</sup> perintis termasuk-lah bahan<sup>2</sup> untuk menyediakan makanan, kilang mengilang, kimia, ubat<sup>2</sup>, membuat tayar<sup>2</sup> kenderaan, barang<sup>2</sup> kejuruteraan, besi waja, kain<sup>2</sup>, menapis minyak tanah dan membuat barang<sup>2</sup> pelastik. Kebanyakan daripada barang<sup>2</sup> yang di-keluarkan di-bawah perusahaan ini telah di-istiharkan sa-bagai taraf perintis di-kedua<sup>2</sup> buah negeri di-Tanah Melayu dan di-Singapura. Sa-tengah<sup>2</sup> daripada barang<sup>2</sup> perusahaan seperti "cement" dan biskut yang di-istiharkan sa-bagai barang<sup>2</sup> perusahaan taraf perintis di-Sarawak dan di-Sabah, telah di-keluarkan oleh Sharikat<sup>2</sup> yang tiada di-beri taraf perintis di-Tanah Melayu

dan Singapura oleh kerana Sharikat<sup>2</sup> perusahaan yang sa-umpama itu ada-lah di-sifatkan mengeluarkan barang<sup>2</sup> perusahaan biasa sahaja.

92. Semenjak di-laksanakan ranchan-<sup>2</sup> kemajuan perusahaan oleh pehak<sup>2</sup> berkuasa kawasan<sup>2</sup>, banyak ahli<sup>2</sup> perusahaan dan perniagaan tempatan dan luar negeri telah menyat-akan kechenderongan mereka untuk menanamkan modal di-perusahaan<sup>2</sup> Malaysia. Khusus-nya ahli<sup>2</sup> perusahaan luar negeri sangat<sup>2</sup> tertarik hati dengan ada-nya keadaan siasah dan ekonomi yang kukoh di-dalam negeri ini. Di-dalam Tanah Melayu sahaja per-angkaan berkenaan dengan penanaman modal dalam perusahaan<sup>2</sup> perintis menunjukkan bahawa 102 buah Sharikat<sup>2</sup> yang di-berikan taraf perintis itu telah menanamkan modal tunai-nya sa-jumlah \$157,000,000 dan sa-banyak \$70,000,000 dalam modal pinjaman. Jumlah modal pada nama sahaja bagi Sharikat<sup>2</sup> itu ada-lah sa-banyak \$623,000,000. Modal<sup>2</sup> tunai dari luar negeri ada-lah berjumlah sa-banyak \$49,000,000. Ini datang-nya daripada 14 buah negeri luar.

93. Oleh kerana Kerajaan Malaysia menggalakkan penubuhan perusahaan<sup>2</sup> yang di-usahkan bersama oleh pehak luar negeri dan tempatan, maka kebanyakan daripada Sharikat<sup>2</sup> yang di-beri taraf<sup>2</sup> perintis itu ada-lah Sharikat<sup>2</sup> perusahaan yang di-usahkan bersama. Dengan tertuboh-nya perusahaan<sup>2</sup> yang sa-umpama itu, dapat pula pehak<sup>2</sup> tempatan berpeluang mengambil bahagian bersama<sup>2</sup> dan juga dapat melateh orang<sup>2</sup> tempatan yang bekerja di-dalam perusahaan<sup>2</sup> tersebut. Dengan hal yang demikian dapat-lah di-luaskan lagi latehan meng-uruskan perusahaan, latehan<sup>2</sup> teknikal di-antara buroh perusahaan tempatan.

94. Tapak<sup>2</sup> tempat perusahaan yang ada kemudahan perkhidmatan bagi perusahaan bertambah<sup>2</sup> banyak di-kehendaki, maka Kerajaan Negeri Sembilan, Selangor dan Perak ada-lah berchadang hendak membuka kaw-<sup>2</sup> perusahaan yang baharu yang luas-nya lebih kurang 500 ekar, 700 ekar dan 600 ekar di-negeri<sup>2</sup> tersebut. Kemajuan ini akan di-bantu dengan

wang pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Di-Singapura Lembaga Kemajuan Ekonomi sedang berusaha dengan maju-nya menjayakan 9,000 ekar tanah untuk tapak<sup>2</sup> perusahaan lengkap dengan kemudahan<sup>2</sup> pelabohan ayer dalam-nya sendiri di-Jurong.

95. Bagi mencheptakan kemajuan perusahaan, Kerajaan ada-lah menimbangkan hendak menubuhkan sa-buah Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan yang akan menyelidek hal<sup>2</sup> pasaran dan mengkaji pengurusan ranchangan perusahaan. Kerajaan ada-lah juga menimbangkan hendak membuka sa-buah Jabatan Penyelidikan Sain dan Perusahaan untuk menyelidek mas'elah<sup>2</sup> yang terbit daripada perusahaan<sup>2</sup> tempatan dan boleh tidak-nya bahan<sup>2</sup> mentah tempatan digunakan dengan lebeh banyak lagi dan kawalan mutu dan ketentuan darjah barang<sup>2</sup> keluaran tempatan.

96. Lembaga Penasihat Chukai telah di-tubuhkan pada awal tahun ini. Lembaga itu bertanggung-jawab kepada Kerajaan sa-bagai sa-buah badan penasihat berkenaan dengan perkara menubuhkan Pasar Bersama dan membuat dasar चुकai pendapatan yang sama bagi semua wilayah yang terkandung dalam Malaysia. Ada-lah di-jangka dengan terhapus-nya चुकai<sup>2</sup> yang di-kenakan kepada beberapa banyak perusahaan oleh Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak antara satu dengan lain maka kedudukan perusahaan<sup>2</sup> itu akan beransor<sup>2</sup> menjadi kuat oleh kerana pasaran menjadi lebeh besar dan simpanan bahan<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya akan lebeh banyak di-dapati-nya dan yang demikian menggalakkan kemajuan lain<sup>2</sup> perusahaan yang ada dan yang baharu.

#### (D) Perdagangan

97. Perdagangan luar Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu bersama dengan Singapura dalam tahun 1963 ada-lah bertambah lagi. Yang demikian dapat di-buktikan dengan membandingkan jumlah perdagangan tahun 1962 dengan perdagangan tahun 1963 ia-itu \$9,183,400,000 dalam tahun 1962 dan \$9,455,900,000 dalam tahun 1963. Eksepot dan Impot telah bertambah nilai-nya dan pengim-

banagan perdagangan ada-lah 45 peratus lebeh banyak sunggoh pun Indonesia menjalankan konfrantasi ekonomi.

98. Perdagangan antara bangsa banyak membantu untuk mema'amorkan negara ini. Ia telah menjadi asas dan akan terus menjadi asas kekuatan ekonomi dan kewangan kita. Kerajaan telah mengambil berat tentang perkara membesarkan perdagangan dengan negeri<sup>2</sup> sa-berang laut dan perkara menegohkan tali persahabatan dengan negeri<sup>2</sup> yang menjalankan perdagangan dengan negara kita. Tujuan<sup>2</sup> besar dasar perdagangan Kerajaan ia-lah hendak menggalakkan perdagangan dengan negeri<sup>2</sup> sa-berang laut dan mengekalkan simpanan wang di-luar negeri. Kerajaan akan terus berusaha untuk menchapai tujuan ini dengan menggunakan dasar perdagangan yang sa-habis patut hingga perdagangan mengalir dengan sa-bebas<sup>2</sup>-nya.

99. Dengan tertuboh-nya Malaysia maka lebeh rapat-lah perhubungan ekonomi antara Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dengan Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu dan Negeri Singapura. Oleh hal yang demikian barang<sup>2</sup> buatan kilang<sup>2</sup> perusahaan kita yang baharu mungkin dapat di-jual dalam pasaran yang lebeh luas lagi. Sekarang langkah<sup>2</sup> sudah siap sedia bagi melaksanakan Pasaran Bersama Malaysia yang di-chadangkan itu.

100. Kerajaan berchadang hendak berusaha dengan bersunggoh<sup>2</sup> menjadikan Malaysia sa-buah daripada negara yang sa-habis baik di-dunia sa-belah sini untuk menjalankan perdagangan. Kerajaan akan terus menggalakkan perdagangan dengan usaha pehak<sup>2</sup> perniagaan dan dengan mengenakan kawalan sa-berapa kurang yang boleh—Dasar<sup>2</sup> perdagangan akan dibuat menurut sa-suatu yang perlu bagi ekonomi kita. Sekatan<sup>2</sup> impot akan dikurangkan dengan sa-boleh<sup>2</sup>-nya. Ada-lah juga tujuan Kerajaan hendak menjalankan segala ikhtiar menchari lagi pasaran<sup>2</sup> bagi barang<sup>2</sup> utama kita dan juga barang<sup>2</sup> yang sa-paroh siap dan yang di-buat di-negara ini. Kerajaan bukan sahaja akan menchari jalan yang lebeh banyak lagi membawa barang<sup>2</sup> kita ka-pasaran<sup>2</sup> negeri<sup>2</sup> yang maju bahkan juga akan menchari



peluang<sup>2</sup> baharu bagi menggalakkan perdagangan antara kawasan. Bagi mencapai maksud ini Kerajaan akan mengadakan pameran barang<sup>2</sup> Malaysia dalam Pemeran<sup>2</sup> Perdagangan Antara Bangsa dan juga menghantar Rombongan Perdagangan dan Muhibbah ka-luar negeri.

#### (E) Perbekalan Letrik

101. Ranchangan kuasa letrik haidero Lembaga Letrik Pusat yang baharu di-Cameron Highlands telah di-buka dengan rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bulan Mei 1963. Ranchangan yang besar ini sedang membekalkan kuasa letrik kepada Rangkaian Lembaga itu bagi memenuhi kehendak<sup>2</sup> mendapat perbekalan kuasa letrik yang sa-makin bertambah di-Tanah Melayu Tengah.

102. Dalam pada itu kerja mengenai kontrek<sup>2</sup> yang tertentu bagi peringkat kedua Ranchangan Letrik Haidero Cameron Highlands itu—Ranchangan Batang Padang—telah di-mulakan. Rumah kuasa letrik haidero yang kedua ini, sa-bagaimana yang pertama-juga di-bawah tanah, akan mempunyai kekuatan yang boleh mengeluarkan kuasa 100,000 K.W. dan di-jadualkan akan berjalan dalam tahun 1968.

103. Dalam pada itu Lembaga itu telah membuat ranchangan bagi memajukan tenaga<sup>2</sup> letrik haidero yang sedia ada dalam negeri ini supaya dapat memenuhi kehendak<sup>2</sup> mendapat kuasa letrik. Penyelidekan sedang di-jalankan di-ulu Sungai Perak oleh Jurutera<sup>2</sup> yang di-pinjamkan kepada Lembaga itu oleh Kerajaan Canada di-bawah Ranchangan Colombo. Penyelidekan permulaan sedang di-jalankan bagi membena sa-buah Pusat Kuasa thermal di-Port Dickson dengan kekuatan yang boleh mengeluarkan kuasa 120,000 K.W. pada permulaannya hingga sampai 480,000 K.W. pada akhir-nya.

104. Dalam bulan November 1963 sa-buah lagi pusat kuasa Lembaga Letrik Pusat itu, sa-buah pusat thermal, telah di-buka dengan rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Negeri Johor dan di-namakan mengikut nama

Baginda. Sunggoh pun Pusat Kuasa ini di-chadangkan akan dapat mengeluarkan kuasa 150,000 K.W. pada akhir-nya tetapi kekuatan permulaannya dapat mengeluarkan kuasa 30,000 K.W. yang cukup untuk memenuhi kehendak<sup>2</sup> mendapat kuasa letrik di-kawasan Johor Bahru.

105. Di-sabelah Utara pula kerja membena sa-buah lagi pusat kuasa thermal sedang di-jalankan di-Prai. Pusat kuasa ini di-chadangkan dapat mengeluarkan kuasa 270,000 K.W. pada akhir-nya tetapi boleh mengeluarkan kuasa 60,000 K.W. pada mula-nya. Pusat itu di-jadual akan siap dalam tahun 1966. Sa-lepas itu pembekalan kuasa letrik akan di-perluaskan ka-Alor Star dan Perlis di-sabelah utara dan Taiping di-sabelah selatan.

106. Bersama<sup>2</sup> dengan Ranchangan Letrik Haidero Batang Padang dan pusat thermal di-Prai itu lebih kurang 150 batu panjang-nya 132,000 kawat tali-api V sedang di-bena yang bukan sahaja akan menyambung kedua<sup>2</sup> pusat ini tetapi juga akan meluaskan lagi sistem menyambung perbekalan kuasa letrik negara daripada Kedah di-Utara sampai ka-Muar dalam Negeri Johor dan lama kelamaan ka-Johor Bahru.

107. Dalam tahun 1963 Lembaga terus menjalankan kerja<sup>2</sup>-nya dalam ranchangan pembangunan luar bandar Kerajaan dan sa-jumlah 78 buah kampung telah di-bekalkan dengan kuasa letrik. Banyak kemajuan lagi sedang di-chapai dalam tahun ini dan ada-lah di-harapkan pada penghujung tahun 1964 sa-jumlah 107 buah kampung akan mendapat perbekalan kuasa letrik.

108. Pada 1hb Mach, 1964, Lembaga Letrik Pusat telah mengambil alih daripada Messrs Huttenbachs kerja membekalkan letrik di-Alor Star, Sungai Patani, Kulim dan Padang Serai dalam Kedah; Telok Anson dan Langkap di-Hilir Perak; dan Kuala Pilah dan Tampin dalam Negri Sembilan dengan harga di-taksirkan lebih \$6,000,000.

#### (F) Penyertaan Orang<sup>2</sup> Melayu Dalam Perdagangan dan Perusahaan

109. Ada-lah menjadi dasar Kerajaan bagi menggalak dan memudahkan lagi

penyertaan orang<sup>2</sup> Melayu dalam perdagangan dan perusahaan. Langkah<sup>2</sup> telah pun di-ambil bagi memberi kemudahan<sup>2</sup> supaya banyak lagi orang<sup>2</sup> Melayu membeli saham<sup>2</sup> dan juga menyertai terus dalam perdagangan dan perusahaan. Sharikat<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan di-galakkan supaya memberi peluang bekerja dengan lebih banyak lagi kepada orang<sup>2</sup> Melayu supaya bilangan orang<sup>2</sup> Melayu yang bekerja dalam perdagangan dan perusahaan dapat di-tambahkan.

110. Dalam usaha menjalankan dasar ini yang di-utamakan ia-lah kerja menggalakkan ahli<sup>2</sup> perniagaan kechil orang<sup>2</sup> Melayu untuk berkumpul menjadi kumpulan<sup>2</sup> yang lebih besar supaya dengan menyatukan tenaga yang sedia ada pada mereka bukan sahaja dapat mereka mengukuhkan lagi kedudukan mereka bahkan meluaskan lagi lapangan yang mereka sertai dalam sa-suatu perniagaan atau perusahaan kepada peringkat<sup>2</sup> pergerakan yang sa-belum daripada itu mereka tiada boleh hendak menyertai. Mereka boleh juga berkongsi dengan sharikat<sup>2</sup> bukan kepunyaan orang Melayu dan dengan yang demikian mereka boleh mendapat pengalaman dan pelajaran. Dengan jalan ini lebih banyak kemudahan dan bertambah banyak peluang terbuka kepada orang<sup>2</sup> Melayu yang baharu hendak masuk dan juga kepada orang<sup>2</sup> Melayu yang sedang dalam sa-suatu lapangan perdagangan dan perusahaan dan dengan yang demikian orang<sup>2</sup> Melayu dapatlah menyertai dengan lebih tegas lagi khas dalam lapangan itu. Usaha<sup>2</sup> mengumpul menjadi kumpulan<sup>2</sup> yang lebih besar telah di-jalankan dalam perusahaan pembangunan dan kayu-kayan. Satu ranchangan bagi mengukoh dan meluaskan lagi, dengan chara yang seperti itu juga penyertaan orang<sup>2</sup> Melayu dalam perniagaan menjadi wakil sedang di-kaji. Dengan tiada menyentoh usaha menggalakkan ahli<sup>2</sup> perniagaan kechil orang<sup>2</sup> Melayu untuk berkumpul menjadi kumpulan<sup>2</sup> yang lebih besar, bantuan<sup>2</sup> dan kemudahan<sup>2</sup> ada-lah juga di-berikan kepada ahli<sup>2</sup> perniagaan persaorangan bagi memaju dan meluaskan lagi perniagaan mereka.

111. Orang<sup>2</sup> Melayu pada persaorangan-nya mempunyai sedikit sahaja modal untuk di-perniagakan. Tetapi kalau berkumpul modal-nya untuk berniaga tentu-lah memuaskan. Oleh hal yang demikian Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah menaja penubuhan Sharikat Permodalan Kebangsaan untuk memberi kemudahan kepada orang<sup>2</sup> Melayu yang ada modal, walau bagaimana sedikit pun supaya dapat menanam modal mereka. Banyak sharikat yang bukan kepunyaan orang Melayu telah menguntokkan sa-bahagian daripada saham<sup>2</sup> mereka bagi di-beli oleh orang<sup>2</sup> Melayu.

112. Kepandaian dan pengalaman adalah mustahak bagi melaksanakan sa-suatu perniagaan dengan jaya-nya. Kerajaan sedang berusaha memberi kemudahan kepada ahli<sup>2</sup> perniagaan orang<sup>2</sup> Melayu mendapat-nya. Kursus<sup>2</sup> Teknik bagi pemborong<sup>2</sup> orang Melayu di-adakan tahun ini. Dalam kursus<sup>2</sup> ini pemborong<sup>2</sup> kechil orang<sup>2</sup> Melayu akan dapat belajar pelajaran teknik yang utama dalam perniagaan mereka. Perkongsian<sup>2</sup> dengan sharikat<sup>2</sup> bukan kepunyaan orang Melayu yang sudah mashhor dapat juga memberi kemudahan<sup>2</sup> bagi orang<sup>2</sup> Melayu mendapat pelajaran dan pengalaman.

113. Bagi menentukan yang dasar Kerajaan dapat di-jalankan dengan tegas-nya maka satu Jawatan-kuasa Kerja Kebangsaan mengenai Penyertaan orang<sup>2</sup> Melayu telah di-tubuhkan dengan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Pengerusi, dan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama serta Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan sa-bagai ahli. Kerja Jawatan-kuasa Kerja Kebangsaan itu ia-lah membuat ranchangan, menyatu dan memberi arahan mengenai tindakan dan langkah bagi menentukan yang orang<sup>2</sup> Melayu dapat menyertai dengan lebih tegas lagi dalam perdagangan dan perusahaan.

114. Oleh kerana dasar Kerajaan itu maka bertambah banyak lagi orang<sup>2</sup> Melayu menyertai dalam berbagai<sup>2</sup> lapangan perdagangan dan perusahaan. Walau bagaimana pun ada lagi banyak usaha<sup>2</sup> yang hendak di-jalankan. Adalah di-harapkan bertambah banyak

lagi orang<sup>2</sup> Melayu yang mempunyai daya utama dan keazaman akan tampil kahadapan mengambil kemudahan<sup>2</sup> dan peluang<sup>2</sup> menyertai perdagangan dan perusahaan yang di-beri oleh Kerajaan. Bagitu juga di-harapkan yang orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu dalam perdagangan dan perusahaan akan bekerjasama menolong orang<sup>2</sup> Melayu mendapat tempat dalam perdagangan dan perusahaan dalam negeri ini.

#### (G) Pelanchong

115. Kerajaan akan terus berusaha memajukan lagi perusahaan pelanchong dan menambahkan lagi pendapatan pertukaran wang luar negeri negara melalui perusahaan pelanchong ini. Satu kumpulan rumah<sup>2</sup> tumpangan akan di-bena di-Kuala Trengganu dan sa-buah Rumah Tumpangan akan di-bena di-Rantau Abang. Dungun dalam tahun ini bagi kegunaan pelanchong<sup>2</sup> dari luar negeri dan juga dalam negeri. Penerangan<sup>2</sup>, ilan<sup>2</sup> dan penyebaran keterangan<sup>2</sup> dalam pasaran luar negeri bagi menggalakkan pelanchong<sup>2</sup> melawat negeri ini sedang di-jalankan bersungguh<sup>2</sup>. Kerajaan juga menggalakkan penubuhan Persatuan<sup>2</sup> Pelanchong Negeri. Kerajaan<sup>2</sup> Negeri telah di-minta bekerja dengan rapat dengan Persatuan<sup>2</sup> Pelanchong ini supaya tempat<sup>2</sup> lawatan pelanchong dan perkhidmatan<sup>2</sup> pelanchong dapat di-majukan.

116. Usaha<sup>2</sup> dari sa-tahun ka-satahun ini telah mendatangkan kemajuan yang memuaskan hati kapada perusahaan pelanchong negara dan juga kapada khazanah negara. Pertukaran wang luar negeri yang di-dapati dalam tahun 1963 ada-lah lebih sa-banyak 25.5 peratus daripada yang di-dapati dalam tahun 1962. Sa-bagai satu langkah lagi dan dengan tujuan mengemaskan lagi usaha<sup>2</sup> yang telah di-jalankan sa-buah Jawatan-kuasa Kerja telah di-tubuhkan bagi membuat shor<sup>2</sup> kapada Kerajaan untuk memajukan perusahaan pelanchong itu mengikut rancangan.

### KEMENTERIAN PERTAHANAN

#### (A) Tentera Biasa

117. Di-utara Malaya, gerakan<sup>2</sup> keselamatan ada-lah di-jalankan terus

terhadap saki-baki Pertubohan Pengganas Kominis. Gerakan<sup>2</sup> bersama dengan Thai di-Selatan Negeri Thai ada-lah di-jalankan juga dari sa-masa ka-sa-masa. Supaya kerjasama dan gerakan<sup>2</sup> bersama di-dalam kawasan ini berjalan dengan lebih berkesan, Kerajaan berchadang hendak membuat satu perjanjian dengan Kerajaan Thai atas perkara<sup>2</sup> itu.

118. Ada pun Tentera Darat akan bersedia pada setiap masa membantu Polis di-Raja Malaysia dalam perkara Keselamatan Dalam Negeri dan gerakan<sup>2</sup> melawan pengkhianat<sup>2</sup> di-Malaya dan Singapura.

119. Gerakan<sup>2</sup> yang besar melawan pasokan<sup>2</sup> pengganas daripada Indonesia ada-lah berjalan di-Borneo dengan bantuan Angkatan Tentera British. Tujuan Kerajaan ia-lah hendak meneruskan gerakan ini dengan sa-beberapa daya upaya hingga pengganas yang akhir dapat di-hapuskan daripada bumi Malaysia. Ada pun pekerjaan menempatkan Angkatan Tentera Malaysia dalam kawasan<sup>2</sup> ini telah selesai dan di-anggap memadai untuk gerakan itu. Walau bagaimana pun, jika pasokan<sup>2</sup> tentera mustahak di-tambah lagi, pasokan<sup>2</sup> itu akan di-sediakan.

120. Ada pun pekerjaan membesarkan lagi Tentera Darat itu akan terus di-jalankan dalam tahun yang akan datang dan hingga bulan Disember ini akan menjadi dua kali ganda bilangan<sup>2</sup>-nya dari tahun 1960. Pada 'am-nya, pembesaran tentera ini akan mengandungi satu lagi Pasokan Meriam dan dua batalion Infenteri akan di-ambil masok berkhidmat di-Sabah dan Sarawak tetapi di-lengkap dan di-lateh di-Sungei Petani oleh British untuk kita. Satu Sekuadron yang Keempat akan di-tubuhkan dan sumbar<sup>2</sup> kelengkapan, perbekalan, membaiki dan semboyan akan di-perbesarkan lagi.

121. Dalam tahun ini, jenis<sup>2</sup> senjata baharu ada-lah di-gunakan. Maka senjata<sup>2</sup> ini akan menguatkan tembakan bagi Pasokan<sup>2</sup> Infenteri dan Peninjau kita.

#### (B) Askar Wataniah

122. Pembesaran Askar Wataniah sa-bagai pasokan simpanan Tentera kita yang berhasil telah hampir selesai.

Pasokan Sukarela Singapura telah disatukan dengan Askar Wataniah dan akan di-atorkan sa-mula pada awal tahun 1965. Pasokan Pertahanan Tempatan di-Malaya telah di-perbesarkan jua hingga mengandongi 24,000 orang meliputi seluroh Semenanjung. Kebenaran telah di-beri untuk memanggil berkhidmat ahli<sup>2</sup> Askar Wataniah termasuk Pasokan Pertahanan Tempatan. Ada pun panggilan ini akan di-jalankan bila<sup>2</sup> sahaja di-fikirkan mustahak untuk mempertahankan keselamatan negara.

#### (C) Perkhidmatan Negara

123. Sa-bahagian pemuda<sup>2</sup> Negara akan di-panggil supaya mendapat latihan tentera.

#### (D) Angkatan Tentera Laut di-Raja Malaysia

124. Tentera Laut di-Raja Malaysia telah di-perbesarkan pada tahun yang lalu. 6 buah Kapal Peronda moden dan 3 buah kapal Penyapu Periokapi yang berat-nya 450 tan telah menjadi sa-bahagian daripada Angkatan Laut. Pengkalan<sup>2</sup> telah di-bena di-Labuan dan Tawau, dan Pengkalan Besar di-Singapura telah di-perbesarkan lagi supaya semua kapal<sup>2</sup> melainkan kapal<sup>2</sup> perang yang besar boleh di-perbaiki di-sana. Bilangan anggota di-dalam Tentera Laut Biasa telah di-tambah dengan 40 orang pegawai dan 300 orang lashkar; dengan kemasokkan Pasokan Simpanan Bahagian Singapura ka-dalam Tentera Laut di-Raja Malaysia maka Pasokan Sukarela Tentera Laut di-Raja Malaysia telah bertambah dengan 70 orang pegawai dan 450 orang lashkar. Kebanyakan daripada ahli<sup>2</sup> Pasokan Sukarela Angkatan Tentera Laut di-Raja Malaysia itu ada-lah sekarang ini berkhidmat sa-penoh masa sama dengan anggota biasa Tentera Laut.

125. Dalam tahun ini, Tentera Laut di-Raja akan di-perbesarkan lagi dan akan mempunyai satu kapal perang jenis frigate (KD HANG TUAH), 4 buah lagi kapal peronda dan satu kapal pengangkut. Pada awal tahun 1965, Tentera Laut di-Raja akan mendapat beberapa buah kapal untuk membantu Tentera Darat untuk berkhidmat di-Sungai<sup>2</sup> di-Wilayah<sup>2</sup> Borneo.

#### (E) Angkatan Tentera Udara di-Raja

126. Angkatan Tentera Udara di-Raja Malaysia telah di-perbesarkan pada tahun yang lalu. Semenjak pertengahan tahun 1963, Angkatan Tentera Udara telah di-lengkapkan dengan kapal<sup>2</sup> untuk pengangkutan jarak penengahan dan perhubungan dekat dan satu sekua-deron helikopter. Dengan tambahan ini dapat-lah Tentera Udara di-Raja memberi sokongan yang lebih giat lagi di-dalam lapangan lojistik dan perhubungan kepada gerakan tentera kita di-Malaysia. Sa-buah Sekolah Latehan Teknik telah di-adakan di-Kinrara supaya dapat Tentera Udara memberi latihan kepada pekerja<sup>2</sup> teknik yang mustahak untuk menjaga beberapa jenis kapal terbang.

127. Oleh kerana kemajuan Tentera Udara telah di-chapai dengan chepat-nya, maka mustahak-lah Angkatan Tentera itu mengembangkan lagi perkhidmatan<sup>2</sup>-nya kepada kawasan<sup>2</sup> lain. Maka dengan ini, lapangan kapal terbang dan kemudahan<sup>2</sup> di-Alor Star sedang di-sediakan sa-bagai satu pengkalan yang kekal untuk Sekolah Latehan Penerbangan. Satu pengkalan untuk kapal terbang kita di-wilayah<sup>2</sup> Borneo itu sedang di-adakan di-Labuan, berserta dengan kemudahan<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> lain untuk memberi bantuan kepada kapal<sup>2</sup> terbang. Satu Depoh Kelengkapan sedang di-buat di-Kuala Lumpur. Apabila siap, depoh ini akan dapat menyimpan barang<sup>2</sup> yang di-gunakan oleh kapal terbang.

128. Ada pun Bahagian Pertahanan Pengkalan, Pasokan Udara Sukarela di-Raja Malaysia sedang di-panggil berkhidmat untuk membantu dalam pekerjaan mempertahankan lapangan<sup>2</sup> terbang daripada gerakan<sup>2</sup> pengkhianat.

129. Bilangan pemandu<sup>2</sup> kapal terbang dan pegawai<sup>2</sup> teknik yang di-lateh adalah bertambah banyak. Pada masa ini pemandu<sup>2</sup> yang di-lateh termasuk-lah untuk kapal terbang bagi pengangkutan jarak penengahan dan helikopter. Pegawai teknik sedang di-lateh dalam semua lapangan teknik untuk memperbaiki dan menjaga kapal terbang.

130. Dalam baki tahun 1964 ini, 4 lagi kapal terbang untuk pengangkutan

jarak penengahan akan di-terima untuk menchukupi Sekuaderon Pengangkutan. Sekuaderon helikopter yang kedua akan di-mulakan dalam suku tahun penghujung tahun ini dengan 4 helikopter dan akan penoh kelengkapannya pada awal tahun 1965. 6 kapal terbang latehan akan di-perolehi dalam masa 3 bulan ini. Kapal<sup>2</sup> terbang pengangkutan itu dan helikopter<sup>2</sup> itu akan memperluaskan kebolehan gerakan kita dan kapal<sup>2</sup> latehan itu akan membantu menambahkan bilangan pemandu<sup>2</sup> daripada Sekolah Latehan Penerbangan.

131. Ranchangan<sup>2</sup> sedang di-buat untuk membesarkan lagi Tentera Udara di-Raja Malaysia dalam beberapa tahun yang akan datang untuk menguatkan lagi kebolehan-nya itu bagi mempertahankan negara kita.

#### (F) Bantuan Pertahanan

132. Kerajaan menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kasih atas bantuan wang dan bantuan ketenteraan yang telah di-beri oleh Kerajaan<sup>2</sup> United Kingdom, Australia dan New Zealand kerana membantu kita dalam memperbesarkan angkatan<sup>2</sup> tentera kita dan menolong melawan anchaman konferantasi.

#### KEMENTERIAN PELAJARAN

133. Sunggoh pun dalam Perlembagaan Negara Pelajaran ia-lah perkara Persekutuan tetapi telah di-tentukan bagi Singapura mempunyai kuasa penoh atas pelajaran-nya dan bagi Sabah dan Sarawak menjalankan terus sistem pelajaran-nya yang ada sekarang ini hingga sampai masa-nya Kerajaan<sup>2</sup> Negeri tersebut memikirkan sistem pelajaran masing<sup>2</sup> patut di-ubah mengikut sistem pelajaran bagi seluroh Malaysia. Di-harap tiada lama lagi akan sampai-lah masa-nya ketiga<sup>2</sup> Kerajaan itu memikirkan elok untuk faedah-nya sendiri bersetuju memakai sistem kebangsaan dalam negeri masing<sup>2</sup>. Maka di-harap demikian kerana hanya dengan jalan ini sahaja baharu dapat di-satukan semua keturunan ra'ayat negara ini menjadi bangsa Malaysia.

134. Dalam Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu, semenjak Majlis Meshuarat Undangan

Persekutuan yang dahulu meluluskan Penyata yang di-buat oleh Jawatan-kuasa Pelajaran dalam tahun 1956, Kerajaan Pusat telah menjalankan satu dasar pelajaran kebangsaan. Dasar ini ada-lah khas di-buat bagi menggalakkan bangsa<sup>2</sup> yang ramai di-Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu bersatu padu dan mempunyai sama tujuan dan dalam pada itu Kerajaan Pusat ingat kepada isi<sup>2</sup> kandungan Perlembagaan hendak menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan negara dan hendak menyediakan segala yang mustahak bagi sa-buah negara yang maju dengan chepat-nya oleh kerana hendak menjadikan negara ini layak berganding bahu dengan negara<sup>2</sup> lain. Dasar ini telah di-kaji sa-mula dalam tahun 1960 oleh Jawatan-kuasa Pengkaji Sa-mula. Oleh kerana shor<sup>2</sup> yang di-buat oleh Jawatan-kuasa itu dalam Penyata-nya, dasar itu telah di-ubah<sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-fikirkan mustahak memandang kepada hal<sup>2</sup> yang berlaku semenjak Penyata yang pertama itu di-siarkan dalam tahun 1956 dan memandang kepada pengalaman yang di-dapati dalam masa dasar itu di-jalankan.

135. Jika penyata<sup>2</sup> pelajaran itu di-timbangkan kedua<sup>2</sup>-nya sa-kali maka akan nampak-lah yang kemajuan pelajaran telah banyak di-chapai dan asas bagi menjadikan masyarakat Malaysia suatu masyarakat yang bersatu padu dan ma'amor telah di-tempa dengan kokoh-nya. Maka tiada-lah salah jika di-katakan Kerajaan telah berjaya dalam usaha-nya hendak menyatu padukan berbagai<sup>2</sup> keturunan bangsa di-negara kita dengan menggunakan dasar pelajaran-nya dan hendak membanyakkan lagi ra'ayat yang tahu menulis dan membacha.

136. Pada fikiran Kerajaan sudah-lah sampai masa-nya patut di-ambil satu lagi langkah yang besar bagi kemajuan pelajaran di-Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu. Langkah yang besar ini ia-lah memulakan satu sistem pelajaran baharu yang di-sebut Sistem Sekolah Yang Lengkap. Rengkas-nya, dengan chara sistem baharu itu, semua kanak<sup>2</sup> akan dapat bersekolah darjah permulaan sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-lama sembilan tahun

ia-itu enam tahun di-sekolah rendah yang ada sekarang ini dan tiga tahun di-sekolah menengah peringkat rendah. Murid<sup>2</sup> naik darjah dalam masa sembilan tahun dengan tiada payah masuk perseksa dan oleh kerana itu Peperiksaan Masok Sekolah Menengah Tanah Melayu akan tidak di-adakan lagi mulai daripada tahun ini. Dan juga Sekolah<sup>2</sup> Lanjutan yang mula di-buka dalam tahun 1961 untuk memberi pelajaran lepasan rendah kepada murid<sup>2</sup> yang tiada dapat masuk sekolah<sup>2</sup> rendah akademik akan tidak di-adakan lagi oleh kerana sa-lepas itu semua murid akan terus bersekolah sa-hingga sampai sembilan tahun bersekolah. Akan tetapi murid<sup>2</sup> yang hendak tukar sekolah dari sekolah yang menggunakan sa-suatu bahasa pengantaran ka-sekolah yang menggunakan bahasa pengantaran yang lain, sa-telah sampai enam tahun bersekolah kena-lah mereka masuk Remove Class sa-lama sa-tahun sa-belum belajar menyambong pelajaran permulaan-nya di-sekolah yang baharu itu.

137. Sa-telah bersekolah sembilan tahun semua murid<sup>2</sup> akan masuk peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Kemudian daripada itu, menurut yang di-dapati mereka bagi satu<sup>2</sup> mata pelajaran, boleh-lah mereka masuk sekolah<sup>2</sup> lepasan permulaan yang memberi pelajaran yang berlainan<sup>2</sup> seperti sekolah menengah tingkatan atas, sekolah perdagangan atau sekolah teknik, sekolah pertukangan atau kelas pelatehan atau kelas pelajaran lanjutan. Semua murid<sup>2</sup> yang umpama ini akan di-beri pelajaran untuk memasoki Peperiksaan Sijil Persekolahan Malaysia atau peperiksaan bagi lain<sup>2</sup> sijil yang mengenai kursus<sup>2</sup> pengajian mereka masing<sup>2</sup> yang akan di-adakan sa-lepas dua tahun atau lebih. Sa-lepas itu, boleh-lah mereka masuk belajar dalam kelas Sijil Persekolahan Tinggi untuk bersedia masuk ka-Universiti atau boleh-lah mereka meminta masuk ka-lain<sup>2</sup> sekolah yang memberi 'ilmu pengetahuan tinggi seperti maktab latehan guru atau maktab teknik atau menchari pekerjaan.

138. Tujuan besar sistem baharu ini ia-lah hendak memberi kepada sa-saorang murid pelajaran yang ber-

padanan dengan kebolehan dan kepan-daian-nya. Chara-nya ia-lah memberi murid<sup>2</sup> itu pelajaran umum serta memerhatikan dan memandu mereka sa-telah mereka bersekolah enam tahun untuk menchari pekerjaan yang sesuai sa-kali dengan mereka mengikut kechenderongan mereka. Semua murid yang hendak menyambong pelajaran-nya sa-telah sembilan tahun bersekolah dan sa-telah di-timbangan markah yang di-dapati-nya bagi satu<sup>2</sup> mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah, akan di-ajar oleh guru<sup>2</sup> yang pakar dalam mata<sup>2</sup> pelajaran yang di-dapati amat sesuai bagi mereka. Dengan yang demikian dapat-lah mereka menggunakan dengan sempurna-nya bakat yang ada pada mereka dan dapat-lah mereka menjadi warga negara yang bertanggung-jawab dan berguna dan lengkap dengan pengetahuan untuk berkhidmat kepada masharakat tempat tinggal-nya dan kepada negara 'am-nya. Pendek-nya tiap<sup>2</sup> orang murid yang telah bersekolah mengikut sistem ini akan dapat hidup sesuai dengan masharakat.

139. Sudah tentu-lah ibu bapa mempunyai kewajipan<sup>2</sup> yang penting dalam sistem yang baharu ini, satu daripadanya ia-lah mengubah sikap mereka tentang pelajaran dan pekerjaan kechuali sikap menchari 'ilmu pengetahuan. Memakai sistem baharu ini ada-lah sesuai dengan perkembangan dalam lapangan pelajaran yang baharu sa-kali di-dapati di-negeri<sup>2</sup> yang lebih maju di-dalam dunia ini. Oleh itu boleh-lah di-katakan bahawa Malaysia maju benar dalam lapangan pelajaran dan sistem pelajaran-nya boleh-lah di-tandingkan dengan mana<sup>2</sup> sistem yang terbaik dalam dunia ini.

140. Dengan memakai Sistem Persekolahan yang Lengkap ini siap-lah usaha Kerajaan membuat ranchangan pelajaran yang lengkap bagi peringkat rendah hingga kepada peringkat lepasan menengah. Oleh sebab itu pada masa ini Kerajaan ada-lah menimbangan sa-dalam<sup>2</sup> nya perkara meranchang dan memajukan pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi ia-itu lebih tinggi daripada peringkat lepasan menengah. Sa-buah Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi

yang di-tubuhkan dengan Menteri Pelajaran menjadi Pengerusi-nya, sekarang ini sedang mengkaji mas'elah ini dengan tujuan hendak membuat satu penyata untuk timbangan Kerajaan. Apabila penyata ini di-sampaikan kepada Kerajaan dan di-timbangkan serta di-luluskan oleh Kerajaan untuk di-jalankan shor<sup>2</sup>-nya maka pada masa itu sudah-lah di-ranchangkan sistem pelajaran di-negara kita ini bagi semua peringkat pelajaran ia-itu daripada pelajaran permulaan hingga pelajaran universiti dan lepasan universiti.

141. Barangkali elok-lah juga di-sebut bahawa tahun 1967 ada-lah termasuk di-dalam masa Kerajaan yang baharu di-pileh itu akan berkuasa dan pada tahun itu telah di-tetapkan bagi memulakan Bahasa Melayu menjadi bahasa resmi yang tunggal bagi negara ini. Sistem pelajaran negara ini telah pun di-susun dengan tujuan supaya dasar hendak menjadikan Bahasa Melayu bahasa resmi bukan sahaja dengan sebutan bahkan dengan perbuatan akan terlaksana.

142. Kerajaan chukup sedar bahawa dengan berubah-nya dasar pelajaran-nya sa-bagaimana yang telah di-bicarakan tadi perbelanjaan akan bertambah banyak, perbelanjaan pokok mahu pun perbelanjaan yang berulang<sup>2</sup> dan guru<sup>2</sup> mesti-lah bertambah banyak lagi di-lateh dalam masa yang singkat sahaja. Hal<sup>2</sup> ini ia-lah mas'e-lah<sup>2</sup> yang besar tetapi memandangkan betapa mustahak-nya di-adakan kemudahan<sup>2</sup> pelajaran yang lebeh baik bagi perengkat muda kita maka Kerajaan bersedia menjalankan segala ikhtiar untuk menchari wang lagi dan juga memulakan ranchangan<sup>2</sup> kilat, di-mana<sup>2</sup> yang mustahak dan dapat di-mulakan bagi melateh guru<sup>2</sup> sa-banyak yang menchukupi.

143. Kita yakin bahawa memberi pelajaran yang sesuai kepada peringkat muda kita ada-lah sa-baik<sup>2</sup> jaminan bagi kebajikan dan kema'amoran negara ini. Oleh yang demikian Kerajaan bermaksud hendak mendahulukan perkara memberi pelajaran yang sa-habis baik sa-kadar yang terdaya, kepada mereka yang akan menjadi warga negara negeri ini.

## KEMENTERIAN LUAR NEGERI

144. Dalam perkara perhubungan dengan negara<sup>2</sup> luar Kerajaan akan terus berpegang kepada dasar<sup>2</sup> Piagam Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, tetapi dalam pada itu juga menjalankan dasar luar negeri yang chergas dan bebas.

145. Kerajaan akan terus memelihara perhubungan yang baik dengan semua negeri yang ingin berbaik<sup>2</sup> dengan kita. Kerajaan akan berusaha untuk merapatkan kerjasama antara kawasan. Negara Commonwealth ada tanda<sup>2</sup> akan menjadi bertambah kuat dengan masok-nya negara<sup>2</sup> yang baharu merdeka yang kita sambut dengan baik bersama<sup>2</sup> dengan negara<sup>2</sup> anggota yang lain ka-dalam keluarga bangsa<sup>2</sup> ini.

146. Dalam masa sa-tahun yang lalu kita telah menchapai suatu kejayaan yang penting dalam sejarah negara kita. Pada 16 haribulan September, 1963 negeri<sup>2</sup> Singapura, Sarawak dan Sabah dan negeri<sup>2</sup> di-Tanah Melayu telah bersatu untuk menubuhkan Persekutuan Malaysia. Walau pun perkara ini menamatkan penjajahan dalam kawasan ini, sayang-nya usaha<sup>2</sup> kita untuk menubuhkan-nya itu telah menjadi susah bukan kerana kita sendiri.

147. Sa-belum Malaysia di-tubuhkan Kerajaan dan Kerajaan Baginda Queen di-United Kingdom telah bersunggo<sup>2</sup> menjalankan semua perkara yang bersangkutan dengan kehendak<sup>2</sup> perlembagaan dan mengikut lunas<sup>2</sup> demokrasi untuk menubuhkan-nya. Sa-lain daripada itu Jawatan-kuasa Antara Kerajaan telah mengadakan beberapa pertemuan untuk menjamin supaya terpelihara kepentingan<sup>2</sup> negeri<sup>2</sup> Sabah, Sarawak dan Singapura dan juga Brunei.

148. Ada-lah di-kesalkan bahawa Brunei telah memutuskan kemudian tiada mahu masok Malaysia, tetapi, sementara hal ini menunujukkan bahawa perkara memilih itu terserah kepada orang yang kena-mengena dengan chadangan ini, Brunei maseh boleh diterima masok Malaysia sa-kira-nya ia mahu menimbangkan sa-mula dasar negeri-nya kemudian kelak.

149. Sa-patut-nya menghapuskan penjajahan di-terima baik oleh semua

negara, dua daripada negara<sup>2</sup> tetangga kita nampak-nya menentang dengan keras pula akan perkara ini. Barangkali belum pernah lagi berlaku dalam sejarah negara<sup>2</sup> yang mencapai kemerdekaan-nya seperti yang berlaku kepada penubohan Malaysia yang telah di-tunda untuk memberi tempoh kepada Indonesia dan Filipina menyambut baik penubohan Malaysia itu. Malang-nya, walau pun wakil<sup>2</sup> Setia-usaha Agong telah menjalankan siasatan untuk mengetahui kehendak<sup>2</sup> penduduk<sup>2</sup> Sabah dan Sarawak mengenai Malaysia dan telah mengeluarkan penyata mengatakan bahawa kebanyakan daripada penduduk<sup>2</sup> negeri itu terang<sup>2</sup> menyokong Malaysia, itu pun kedua<sup>2</sup> buah negara tetangga kita tiada mahu perchaya kepada hasil penyiasatan itu dan kedua<sup>2</sup>-nya telah enggan mengakui Persekutuan ini, dan dengan berbuat demikian, mereka telah mungkir dengan perjanjian yang telah di-buat dalam Meshuarat Kemunchak yang telah di-adakan di-Manila bulan Julai tahun lalu. Perkara ini menjadi sebab terputus-nya perhubungan diplomat antara kita dengan kedua<sup>2</sup> buat negara itu.

150. Semenjak itu Indonesia telah memperhebat dasar penentangan-nya terhadap negara ini, termasuk gerakan sabversif, pengkhianatan dan menembak dan membunuh orang<sup>2</sup> Malaysia dengan tiada memoleh dan masuk sa-chara haram ka-dalam kawasan negara kita. Oleh kerana Kerajaan kita sentiasa mengambil berat tentang betapa penting-nya memelihara keamanan dan keselamatan dalam kawasan ini maka Kerajaan kita telah berkali<sup>2</sup> bersetuju dan telah pun menghadziri meshuarat<sup>2</sup> peringkat pegawai<sup>2</sup>, peringkat Menteri<sup>2</sup> dan peringkat Kemunchak dengan Filipina dan Indonesia sa-belum Hari Malaysia dan pada peringkat pegawai dan Menteri di-Bangkok, sa-lepas Hari itu. Dalam pertemuan<sup>2</sup> itu telah di-binchangkan perkara<sup>2</sup> berhenti tembak menembak dan mengundorkan pasokan<sup>2</sup> bersenjata Indonesia yang tetap dan yang tiada tetap daripada kawasan Malaysia. Kerajaan Indonesia tiada mahu bersetuju dengan tuntutan kita supaya askar<sup>2</sup> mereka di-undorkan

daripada negara kita yang berdaulat dan dengan itu mana<sup>2</sup> perjanjian berhenti tembak menembak tiada-lah dapat di-jalankan dengan sempurna.

151. Kerajaan tiada pernah terkeluar daripada dasar negara hendak menyelesaikan pertikaian dengan chara damai. Orang Indonesia telah menimbulkan kemarahan kita dengan perbuatan mereka selalu masuk ka-negara kita sa-chara haram dan menyerang warga negara kita, baik orang<sup>2</sup> awam mahu pun pasokan<sup>2</sup> bersenjata dan juga anggota pasokan<sup>2</sup> bersenjata negara<sup>2</sup> Commonwealth yang telah datang menolong kita mempertahankan negara kita. Tetapi kita tetap bersabar dan kita akan berusaha terus mencari apa jua jalan yang patut untuk menyelesaikan pertikaian itu dengan jalan damai. Ada chadangan<sup>2</sup> supaya mengadakan lagi Meshuarat Kemunchak antara ketiga<sup>2</sup> negara. Perdana Menteri bukan-lah tiada suka meshuarat seperti itu di-adakan tetapi nyata tidak ada Perdana Menteri yang tahu akan harga diri-nya boleh bersetuju duduk bermeshuarat dengan Presiden sa-buah negara dan berbinchang<sup>2</sup> mengenai keamanan apabila askar<sup>2</sup> negara itu terus menerus menchemarkan kedaulatan negara-nya. Tambahan pula adalah mustahak supaya ada jaminan bahawa tiap<sup>2</sup> perjanjian yang di-chapai dalam meshuarat itu hendak-lah dipatohi kerana pada masa yang sudah<sup>2</sup> tiada berapa lama sa-sudah di-buat perjanjian, syarat<sup>2</sup> perjanjian itu dilanggar pula. Perdana Menteri memang betul<sup>2</sup> berkehendakkan keamanan yang kekal bukan keamanan sementara yang syarat-nya boleh dilanggar oleh pihak lawan ikut suka hati-nya sahaja.

152. Bagaimana pun kita berasa lapang kerana banyak negara<sup>2</sup> sahabat terutama sa-kali negara<sup>2</sup> Commonwealth, Amerika Sharikat dan negara<sup>2</sup> lain lagi telah menunjukkan bukti bahawa mereka menyokong kita dan berharap kita akan berjaya. Dalam masa negara kita menghadapi ketika yang genting walau pun kebolehan<sup>2</sup> kita tersekat. Kerajaan ber'azam hendak merapatkan lagi perhubungan dengan negara<sup>2</sup> Afrika-Asia, bersama<sup>2</sup> itu juga berusaha lebih kuat lagi supaya Malaysia dan



dasar-nya akan betul<sup>2</sup> di-ketahuī di-luar negeri.

153. Keputusan pilehan raya umum baharu<sup>2</sup> ini menunjukkan kepada penduduk<sup>2</sup> negara ini sendiri dan kepada dunia tentang perpaduan ra'ayat dan kesediaan mereka memberi keperchayaan penoh kepada Kerajaan dalam menjalankan dasar yang ada sekarang bagi memelihara maruah dan ke-dauletan negara pada ketika negara tetangga yang kuat mengancham hendak "mengganyang kita".

154. Pada ketika awan mendong sedang menyelaputi suasana politik tanah ayer kita sa-buah bintang gemerlapan di-langit membawa harapan bagi masa yang akan datang. Sa-bagai hasil daripada perundingan antara Perdana Menteri dan Presiden Macapagal daripada Filipina pada 2 haribulan Februari di-Phnom Penh, kedua<sup>2</sup> buah negara ini telah menubuhkan Konsol masing<sup>2</sup> di-ibu kota kedua<sup>2</sup> buah negara yang di-harap akan membuka jalan bagi membaiki sa-mula perhubungan antara Malaysia dan Filipina.

155. Semenjak perhubungan diplomat dengan Filipina terputus tidak ada apa<sup>2</sup> yang di-perbuat untuk mengisi perjanjian ASA. Bagaimana pun perhubungan kebudayaan terutama antara Thailand dan Malaysia telah di-jalankan dengan tidak ada apa<sup>2</sup> gendala walau pun ada-nya keadaan yang muram ini. Ada-lah menjadi harapan kita tiada lama lagi segala-nya yang telah di-persetujui dalam Perjanjian ASA akan dapat di-jalankan sa-mula dan akan mendatangkan kerjasama yang lebih erat antara ketiga<sup>2</sup> negara yang bersahabat ini.

156. Dalam tahun ini juga sa-kali lagi kita telah menunjukkan dengan jelas keinginan kita untuk mengeratkan perhubungan dengan sahabat<sup>2</sup> dan jiran<sup>2</sup> kita. Pada bulan Februari atas undangan Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Raja dan Permaisuri Thailand, Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah mengadakan lawatan negara ka-negara tetangga kita yang dekat sa-kali itu. Sambutan yang mesra Duli<sup>2</sup> Raja dan Permaisuri

Thailand dan ra'ayat Negeri Thai akan tetap menjadi kenangan sa-lama<sup>2</sup>-nya.

157. Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong akan mengadakan lawatan Negara ka-Jepun mulai daripada 16 hingga 25 Jun, 1964. Ada-lah di-harapkan lawatan itu kelak dapat membuka jalan bagi perasaan persefahaman yang lebih erat antara ra'ayat Jepun dengan ra'ayat Malaysia.

158. Mengenai perkara perhubungan dengan negara<sup>2</sup> dalam kawasan ini pula, bukti kita bersungguh<sup>2</sup> hendak mengeratkan perhubungan itu ia-lah pada tahun ini kita telah menubuhkan dua lagi perwakilan kita, sa-buah di-Burma dan sa-buah lagi di-Korea Selatan, dan Kedutaan kita di-Juddah pada masa ini ada sa-orang Duta Tetap.

#### KEMENTERIAN KEWANGAN

159. Kerajaan akan mengadakan pin-daan<sup>2</sup> kepada Jadual Pertama Undang<sup>2</sup> Kumpulan Wang Pekerja<sup>2</sup> supaya pekerja<sup>2</sup> yang termasuk dalam kumpulan<sup>2</sup> di-bawah ini akan berhak mendapat faedah daripada Kumpulan Wang itu:

- (a) pekerja<sup>2</sup> estet itu kurang 25 ekar luas-nya;
- (b) orang<sup>2</sup> yang bekerja dengan majikan kalau orang<sup>2</sup> yang bekerja dengan majikan itu kurang daripada tiga orang.

Sa-lain daripada itu orang<sup>2</sup> gaji akan boleh juga membayar kepada kumpulan wang itu jika mereka suka. Wang itu boleh-lah di-bayar pada akhir tahun ini atau awal tahun 1965 apabila alat<sup>2</sup> dan mesen<sup>2</sup> tambahan yang di-kehendaki telah di-adakan oleh Lembaga.

160. Kerajaan telah memulakan perundingan<sup>2</sup> dengan Kerajaan Brunei untuk memberhentikan perjalanan Lembaga Surohanjaya Mata Wang dan memindahkan kira<sup>2</sup> harta dan hutang piutang kepada Bank Negara Malaysia supaya Bank itu boleh bertanggungjawab menerbitkan mata wang Malaysia. Jika perundingan<sup>2</sup> ini tiada berjaya Kerajaan berchadang hendak mendapatkan persetujuan Dewan ini untuk

mengeluarkan suatu surat notis memberitahu perkara hendak memberhentikan kuat kuasa Perjanjian Mata Wang, 1960 supaya apabila habis tempoh notis itu Bank Negara boleh bertanggung-jawab bagi menerbitkan mata wang.

161. Dengan tertuboh-nya Malaysia maka mustahak-lah mengadakan beberapa perubahan dan pindaan<sup>2</sup> dalam undang<sup>2</sup> yang berjalan kuat kuasa sebelum Hari Malaysia dalam negeri<sup>2</sup> di-Malaysia ini. Perintah<sup>2</sup> Pindaan telah di-keluarkan dari sa-masa ka-samasa bagi tujuan ini, tetapi dalam beberapa perkara mustahak-lah mengadakan undang<sup>2</sup> yang sama bagi seluroh Malaysia dan dengan hal yang demikian Kerajaan berchadang hendak mengadakan undang<sup>2</sup> untuk tujuan ini. Rang Undang<sup>2</sup> bagi meminda undang<sup>2</sup> yang berkaitan dengan Bank Negara dan urusan bank dan meluaskan urusan<sup>2</sup> bank itu ka-seluroh Malaysia akan di-bentangkan dalam Parlimen tiada lama lagi.

162. Kerajaan sedar bahawa sa-tengah<sup>2</sup> sharikat merasa gelisah tentang betapa lambat-nya di-tubuhkan Pasaran Bersama Malaysia. Lembaga Penasihat Chukai Perdagangan telah di-tubuhkan tetapi walau pun sudah puas di-chari di-seluroh dunia tiada juga dapat orang yang betul<sup>2</sup> layak memegang jawatan itu yang di-setujui oleh kedua<sup>2</sup> buah Kerajaan ia-itu Kerajaan Pusat dan Kerajaan Singapura. Kerajaan berharap akan dapat mencari chalu yang layak tiada lama lagi. Perkara hendak menubuhkan pasaran bersama ada-lah perkara yang berjalan sa-chara beransor<sup>2</sup> kerana menimbangkan keadaan<sup>2</sup> yang berbeza<sup>2</sup> yang di-dapati sekarang di-negeri<sup>2</sup> dalam Malaysia dan peratoran hasil yang sulit yang telah dipersetujui dalam Undang<sup>2</sup> Malaysia. Dalam pada itu pun ada-lah menjadi dasar Kerajaan hendak berusaha terus menubuhkan Pasaran Bersama dengan tujuan supaya dapat memajukan ekonomi Malaysia seluroh-nya. Perkara ini memerlukan di-adakan pindaan<sup>2</sup> kepada Chukai Perdagangan dan kepada undang<sup>2</sup> yang berkenaan dengan Kastam dan Eksais.

163. Berkenaan dengan perkara undang<sup>2</sup> chukai pendapatan Malaysia,

tujuan-nya ia-lah hendak menyusun suatu Undang<sup>2</sup> Chukai Pendapatan yang di-satukan dengan sa-beberapa segera yang boleh untuk menggantikan empat Undang<sup>2</sup> Chukai Pendapatan yang berasingan yang sedang berjalan kuat kuasa-nya di-dalam negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah. Dengan memandang kepada perbezaan Undang<sup>2</sup> Chukai Pendapatan yang ada sekarang ini di-Malaysia, boleh jadi lama lagi baharu dapat hendak di-keluarkan suatu Undang<sup>2</sup> yang di-satukan sa-umpama itu. Dalam pada itu, suatu langkah yang mudah telah pun di-susun berkenaan dengan sharikat<sup>2</sup> yang menjalankan perusahaannya di-Malaysia dengan jalan mengadakan nilai<sup>2</sup> pendapatan yang di-satukan sa-bagaimana yang ada berjalan kuat kuasa-nya pada masa ini di-dalam negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu dan Singapura.

164. Berkenaan dengan chukai<sup>2</sup> dalam lapangan antara Bangsa perundingan telah di-adakan dengan tujuan hendak mengadakan perjanjian<sup>2</sup> untuk mengelakkan mengenakan chukai dua kali dan menchegeh daripada membayar chukai<sup>2</sup> pendapatan. Perundingan<sup>2</sup> itu telah di-adakan di-Negeri Jepun, Britain, Norway, Denmark, Amerika Sharikat dan di-Persekutuan Republic Jerman beberapa bulan yang lalu. Sunggoh pun rundingan<sup>2</sup> belum lagi di-mulakan dengan beberapa buah negeri lain yang chenderong kepada perkara ini, maka Kerajaan ada-lah berchadang dengan sa-beberapa yang boleh mengadakan perjanjian chukai yang sa-umpama itu dengan semua negeri<sup>2</sup> sahabat yang Malaysia ada mempunyai hubungan<sup>2</sup> ekonomi. Dengan ini dapat-lah di-perkuatkan lagi hubungan persahabatan itu bagi faedah kedua<sup>2</sup> pehak yang berkenaan.

#### KEMENTERIAN KESIHATAN

165. Kesihatan ra'ayat sa-makin bertambah baik lagi. Semenjak tahun 1957 orang mati telah kurang 25 peratus banyak-nya dan dalam tahun 1962 pada tiap<sup>2</sup> 10,000 orang penduduk yang mati 93 orang. Demikian juga semenjak tahun 1957 kanak<sup>2</sup> mati telah kurang 20 peratus ia-itu pada tiap<sup>2</sup>

sa-ribu orang yang selamat di-lahirkan 59 orang mati.

166. Wabak ta'un di-Johor dan Melaka yang mula berlaku dalam bulan Mei tahun dahulu telah dapat di-kawal pada bulan Ogos tahun itu juga. Pada bulan Disember 1963 wabak ta'un telah berlaku di-Kedah dan Melaka. Langkah<sup>2</sup> yang mustahak telah di-ambil mengawal-nya di-kawasan<sup>2</sup> yang berlaku penyakit itu. Oleh kerana telah di-jalankan ikhtiar dengan bersungguh<sup>2</sup> maka tiada-lah sampai lain<sup>2</sup> penyakit menjangkit yang merbahaya, seperti penyakit ketumbohan, hawa dan sa-bagai-nya.

167. Usaha mengadakan Perkhidmatan<sup>2</sup> Perubatan dan Kesihatan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar telah banyak di-jayakan. Enam puluh dua peratus daripada perbelanjaan yang hendak di-belanjakan bagi Ranchangan Kesihatan Luar Bandar telah di-belanjakan sa-telah tiga tahun di-jalankan Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua menjadikan dapat-lah di-siapkan 503 buah bangunan daripada 602 buah yang di-chadangkan. Bangunan<sup>2</sup> yang telah siap itu ia-lah 27 buah Pusat Kesihatan Besar, 31 buah Pusat Kesihatan Kechil dan 385 buah klinik<sup>2</sup> Bidan yang ada bahagian untok tempat bidan<sup>2</sup> tinggal. Bangunan<sup>2</sup> yang 99 buah lagi itu sudah hampir siap dan akan di-siapkan dalam tahun 1964. Lebih 52 peratus daripada perbelanjaan yang hendak di-belanjakan bagi mengelokkan lagi rumah<sup>2</sup> sakit telah di-belanjakan dalam masa tiga tahun itu.

168. Faedah<sup>2</sup> yang di-dapati daripada usaha memperbesarkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan itu ada-lah nampak nyata kerana orang yang pergi ka-klinik<sup>2</sup> dan rumah<sup>2</sup> sakit telah bertambah banyak. Dalam tahun 1963 lebih 11,000,000 orang telah pergi ka-Jabatan orang sakit yang tiada masuk rumah sakit, ka-gedong<sup>2</sup> ubat, ka-kereta<sup>2</sup> ubat dan ka-klinik<sup>2</sup> kesihatan ia-itu bertambah 55 peratus banyak-nya daripada tahun 1957. Sa-telah katil<sup>2</sup> di-rumah<sup>2</sup> sakit di-tambah hampir<sup>2</sup> 5,000 buah banyak-nya semenjak tahun 1957 bilangan orang masuk rumah sakit pada tiap<sup>2</sup> tahun telah bertambah hampir<sup>2</sup> 40 peratus.

Dalam tahun 1963, 377,000 orang sakit telah di-masokkan dalam rumah sakit. Oleh kerana klinik<sup>2</sup> gigi telah bertambah daripada 96 buah dalam 1957 ka-dua ratus empat puluh lima buah pada tahun 1963 maka orang yang datang ka-klinik gigi telah bertambah pula. Dalam tahun 1963, sa-banyak 850,000 orang telah datang ka-klinik gigi ia-itu 73 peratus lebih banyak daripada tahun 1957.

169. Belum pernah ada usaha melateh kakitangan teknik sa-besar yang di-buat sekarang ini. Pada masa ini ada lebih 1,000 orang belajar menjadi jururawat, hampir<sup>2</sup> 500 orang belajar menjadi penolong<sup>2</sup> jururawat dan lebih 250 orang belajar menjadi bidan.

170. Jabatan Perubatan di-Universiti Malaya yang di-buka dalam bulan Mei tahun dahulu tatkala 40 orang penuntut masuk belajar kursus perubatan permulaan, akan mengambil 40 orang penuntut lagi pada tahun ini. Enam puluh empat orang penuntut, ia-itu 40 orang yang belajar kursus perubatan permulaan dalam tahun dahulu dan 24 orang yang tiada belajar kursus perubatan permulaan itu, akan belajar kursus perubatan tahun yang pertama.

171. Ada kira<sup>2</sup> 40 orang pegawai perubatan dan doktor gigi sedang belajar kerja dan kursus lepasan Universiti di-sabatang laut. Pada masa ini ada 94 orang Tanah Melayu yang mempunyai kelulusan pakar dalam berbagai<sup>2</sup> bahagian perubatan, bahagian belah mem-belah, bahagian gigi dan bahagian penyelidekan.

172. Pada hujung bulan Mei, 1964 pada jangka-nya akan siap-lah Makmal dan Setor Membuat Ubat di-Petaling Jaya yang memakan belanja \$5,400,000 itu dan demikian juga akan siap-lah Sekolah Latehan Jururawat di-Johor Bahru yang memakan belanja \$366,000 itu. Sekolah Latehan Jururawat Gigi di-Pulau Pinang yang memakan belanja \$895,000 itu di-jangka akan siap pada penghujung tahun ini.

173. Oleh kerana di-utamakan kesihatan 'awam dan ubat<sup>2</sup> menchegeh penyakit, maka Kementerian Kesihatan telah membuka bahagian<sup>2</sup> baharu bagi mengawal Penyakit<sup>2</sup> Menjangkit Melalui

Udara, Pelajaran Kesihatan, Kesihatan Perempuan Mengandung dan Kanak<sup>2</sup>, Latehan, Rekod Perubatan dan Perangkaan Kesihatan.

174. Gerakan Mengawal Tibi Kebangsaan ada-lah sedang berjalan dengan jaya-nya. Semenjak di-lancarkan pada tahun 1961 tiada kurang daripada 600 orang kakitangan rawatan dan kesihatan, tukang X-ray, pembantu makmal telah di-latih atau sedang di-latih dalam berbagai<sup>2</sup> hal kerja mengawal tibi. Lebeh sa-tengah juta orang kanak<sup>2</sup> dan budak<sup>2</sup> telah di-chuchok dengan B.C.G. supaya tidak kena tibi dan lebeh 400,000 orang telah di-X-ray.

175. Rancangan Permulaan Menghapuskan Penyakit Demam Kepialu yang telah di-jalankan sa-lama tiga tahun itu sekarang ini hampir tamat dan chara<sup>2</sup> yang di-gunakan dan kejayaan yang di-chapai sedang di-kaji. Dengan membuat kajian ini senang-lah dapat menentukan rancangan bagi masa yang akan datang untuk mengawal dan menghapuskan penyakit demam kepialu.

176. Gerakan Mengawal Penyakit Puru dan penyakit Untut ada-lah berjalan dengan jaya-nya dan penyakit<sup>2</sup> ini ada-lah sedang di-kawal dengan chara<sup>2</sup> yang terator di-tempat yang ada penyakit<sup>2</sup> itu.

177. Undang<sup>2</sup> kesihatan 'awam Tanah Melayu sedang di-ubah dan di-kemas-lagi supaya sesuai dengan kemas-juan ubat<sup>2</sup> menchegeh penyakit.

178. Negara ini patut-lah menerima kaseh atas bantuan<sup>2</sup> teknik yang berupa pakar<sup>2</sup>, kelengkapan<sup>2</sup> dan biasiswa yang di-berikan oleh berbagai<sup>2</sup> pertubohan<sup>2</sup> antara bangsa dan Kerajaan negeri<sup>2</sup> asing seperti Pertubohan Kesihatan Sadtania, Pertubohan Kumpulan Wang Kanak<sup>2</sup> Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, Lembaga Bantuan Teknik Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, Kerajaan<sup>2</sup> Australia, Canada, India dan United Kingdom melalui Colombo Plan, Kerajaan Republik Jerman, Peace Corps Amerika Sharikat, Care-Medico, Kumpulan Penyelidek Tentera Amerika Sharikat, Hooper Foundation Universiti California, Majlis Penyelidek United Kingdom dan lain<sup>2</sup>-nya.

## KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

### (A) Jabatan Radio

179. Satu daripada chita<sup>2</sup> Kerajaan Perikatan ia-lah mengadakan satu perkhidmatan radio yang baik bagi memberi hiburan, penerangan dan pelajaran kepada ra'ayat—siaran radio yang baik, bukan sahaja dalam hal warta berita dan ranchangan<sup>2</sup>, bahkan terang siaran-nya dan perkhidmatan<sup>2</sup> yang lain lagi. Oleh yang demikian ada-lah mustahak mengadakan kemudahan<sup>2</sup> yang lebeh banyak dan lebeh baik supaya kakitangan<sup>2</sup> dalam bahagian warta berita, ranchangan dan kejuruteraan boleh membuat kerja yang di-tugaskan pada mereka dan juga supaya hasil perkhidmatan mereka hari<sup>2</sup> akan memberi puas hati kepada pendengar<sup>2</sup>. Oleh hal yang demikian ada-lah penting supaya dapat meluaskan siaran<sup>2</sup> kepada kawasan<sup>2</sup> dan isi siaran-nya di-tambah untuk berbagai ragam kehendak.

180. Satu daripada chara<sup>2</sup> hendak men-chapai tujuan ini ia-lah membena beberapa buah steshen radio di-beberapa buah tempat yang sesuai diseluruh negeri ini. Steshen<sup>2</sup> radio ini boleh di-jadikan steshen pemancar gelombang sederhana yang terang siaran-nya (saperti di-Kuantan) atau sa-bagai steshen yang mengadakan siaran-nya sendiri (saperti di-Pulau Pinang dan Kota Bharu) yang boleh menjadi steshen pemancar dan boleh juga mengadakan ranchangan<sup>2</sup>-nya sendiri.

181. Rancangan ini termasuk perkara membena sa-buah steshen pemancar yang kuat di-Kuantan yang memakai dua pesawat 10 kilowatt. Wang sa-banyak \$500,000 telah di-luluskan bagi tahun 1964 untuk menyiapkan ranchangan ini. Satu Steshen Radio Kawasan yang lengkap akan di-siapkan tahun ini di-Melaka dan sa-buah lagi di-Kota Bharu. Bagi tahun 1964 wang sa-banyak \$463,530 di-untukkan bagi menyiapkan pembenaan sa-buah steshen kawasan di-Ipoh. Steshen ini memakai tiga pesawat pemancar gelombang sederhana 10 kilowatt.

182. Wang sa-banyak \$34,000 telah di-luluskan bagi tahun 1964 untuk menyiapkan sa-buah bangunan steshen dan studio-nya sa-kali di-Johor Bahru tetapi ranchangan itu tiada menyebut fasal alat kelengkapan studio. Pada mula-nya di-fikirkan lebeh elok tiada menjadikan Johor Bahru steshen yang ada ranchangan sendiri tetapi menjadikan ia sa-bagai steshen pemancar sahaja. Tetapi oleh kerana Kerajaan Negeri Johor berkehendakkan juga maka nyata-lah mustahak mengadakan peruntukan untuk membeli alat studio bagi mengadakan siaran ranchangan. Johor Bahru telah pun menjadi steshen pemancar yang menggunakan tiga pesawat semenjak 7 haribulan November, 1963.

183. Wang permulaan sa-banyak \$500,000 telah di-luluskan bagi perbelanjaan membena sa-buah steshen radio kawasan di-Kuala Trengganu pada tahun 1964 ini, dan wang sa-banyak \$50,000 lagi telah di-luluskan untuk menyiapkan ranchangan "Perkhidmatan<sup>2</sup> Malaysia Kajang". Ranchangan kedua ini sederhana sahaja dan ada-lah di-maksudkan untuk Negeri<sup>2</sup> di-Borneo. Steshen ini menggunakan satu pesawat pemancar sederhana 50 kilowatt.

184. Ada-lah di-aku<sup>2</sup> di-serata dunia bahawa tiap<sup>2</sup> negeri patut memberi penerangan kepada negeri<sup>2</sup> lain tentang dasar dan chita<sup>2</sup>-nya, kejayaan-nya dan peranan yang di-lakukan atau yang ia berharap dapat melakukan-nya dalam dunia antara bangsa. Semua perkara ini boleh ia melakukan-nya melalui siaran<sup>2</sup> radio, dengan menggunakan beberapa steshen pemancar yang kuat di-beberapa frequency untuk mengurangkan kachau<sup>2</sup> dalam siaran yang sengaja di-lakukan atau pun yang tiada sengaja. Dalam masa<sup>2</sup> ketegangan yang di-hadapi negara siaran<sup>2</sup> keluar negeri menjadi sa-perkara yang amat penting dan alat yang mustahak untuk mengukuhkan kedudokan negara. Ranchangan ini termasuk perkara membena sa-buah pusat pemancar yang baharu yang memakai pesawat 100 kilowatt yang kuat, sistem aerial yang berkenaan dengan-nya dan lain<sup>2</sup> alat. Sa-banyak \$1,960,000 wang telah di-luluskan bagi tahun 1964 untuk

perbelanjaan ranchangan itu sa-terusnya.

185. Bangunan Penyiaran yang di-chadangkan hendak di-bena di-Lembah Pantai ia-lah sa-buah projek yang betul<sup>2</sup> baharu. Kerana banyak perkara telah bertambah semenjak Merdeka pada tahun 1957, maka Radio Malaysia di-Kuala Lumpur tiada lagi tempat kosong bagi pejabat dan kemudahan<sup>2</sup> studio, hingga pada masa ini ia terpaksa memakai empat tempat dalam bandar raya ini saja. Pejabat dan studio di-Bangunan Persekutuan sudah penoh tiada tempat kosong lagi. Oleh kerana banyak perkara lain yang di-kehendaki Jabatan ini membuat-nya, siaran radio ka-sekolah<sup>2</sup>, siaran radio dalam dan keluar negeri yang bertambah maka sangat<sup>2</sup>-lah mustahak mengadakan sa-buah Bangunan Penyiaran yang baharu. Apabila bangunan ini siap kelak, Radio Malaysia akan keluar daripada pejabat<sup>2</sup> yang di-gunakan-nya sekarang supaya pejabat<sup>2</sup> lain dapat menggunakan-nya pula. Bagi tahun 1964 sa-banyak \$750,000 telah di-untokkan untuk memulakan ranchangan itu.

186. Suatu perkara lagi ia-lah tertuboh-nya Pusat Menyunting Berita. Ranchangan ini memakan belanja \$960,000 dan ada-lah di-maksudkan bagi kegunaan bukan sahaja Jabatan Radio, Talivishen dan Penerangan, bahkan Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> lain yang berkehendakkan penyata<sup>2</sup> dan rangkaian<sup>2</sup> berita siaran radio asing yang mustahak bagi kerja-nya. Satu daripada tugas<sup>2</sup>-nya ia-lah memereksa perubahan<sup>2</sup> frequency dan kekachauan<sup>2</sup> dalam siaran<sup>2</sup> radio.

187. Satu perkara lagi yang di-kehendaki oleh Radio Malaysia dalam ranchangan kemajuan-nya ia-lah peruntukan membeli pesawat pemancar 50 kilowatt, sistem aerial khas dan alat<sup>2</sup> lain yang hendak di-pasang di-tempat yang sesuai bagi memancarkan siaran ranchangan<sup>2</sup> dalam negeri ka-Sabah dan Sarawak. Pada masa ini pesawat<sup>2</sup> pemancar kita chuma 10 kilowatt saja dan radio steshen di-Sarawak dan Sabah tiada berapa dapat memancarkan sa-mula siaran<sup>2</sup> warta berita dan ranchangan<sup>2</sup>

itu kepada pendengar<sup>2</sup> di-kawasan itu. Sa-banyak \$1,200,000 telah di-luluskan untuk memulakan ranchangan pada tahun 1964 dan di-jangka siap pada pertengahan tahun 1965.

#### (B) Jabatan Talivishen

188. Talivishen mula di-adakan di-Kuala Lumpur pada bulan Disember 1963. Ini ada-lah satu langkah kemajuan bagi mana<sup>2</sup> negeri yang sedang membangun, yang boleh memberi penerangan, pelajaran dan hiburan kepada penduduk<sup>2</sup> negeri ini.

189. Perkhidmatan talivishen itu ada-lah satu projek permulaan yang di-pancharkan dari studio dan pejabat<sup>2</sup> sementara di-Dewan Tunku Abdul Rahman, menggunakan pesawat pemancar yang kecil di-Bukit Besi, dan ia menggunakan empat bahasa dalam satu saloran. Dalam bulan April perkhidmatan itu telah di-luaskan ka-lpoh dan Melaka.

190. Ada pun ranchangan hendak mendirikan studio dan pejabat tetap di-suatu kawasan yang baharu diperolehi di-Lembah Pantai sedang di-selenggarakan dan tiada lama lagi di-harapkan bangunan tersebut akan di-dirikan. Ada ranchangan hendak menggunakan pesawat pemancar yang lebih kuat untuk meluaskan lagi perkhidmatan itu dan menyiarkan ranchangan dalam dua saloran.

191. Peruntukan wang untuk membina bangunan dan pesawat pemancar di-Pantai Barat telah pun di-luluskan. Apabila siap kelak dapat-lah semua bandar di-Pantai Barat daripada Kangar di-bahagian utara hingga ka-Johor Bahru, termasuk Singapura, di-bahagian Selatan, menikmati siaran talivishen. Ranchangan ini di-jangka siap sa-belum akhir tahun ini. Kawasan<sup>2</sup> yang telah di-pileh kebanyakannya kawasan<sup>2</sup> yang termasuk dalam ranchangan kemajuan di-tempat Jabatan Talikom ada pesawat perkhidmatan microwave-nya. Dengan berbuat demikian dapat-lah menyelamatkan wang untuk ranchangan<sup>2</sup> kemajuan dan juga untuk mengecilkan perbelanjaan menguruskan steshen itu.

192. Ranchangan<sup>2</sup> hendak meluaskan siaran bagi penduduk<sup>2</sup> di-Pantai Timor

sedang di-kaji dengan bersungguh<sup>2</sup>. Tujuan Kerajaan ia-lah hendak meluaskan siaran hingga akhir-nya dapat-lah kira<sup>2</sup> 75 peratus daripada penduduk<sup>2</sup> negeri ini melihat siaran talivishen jika tiap<sup>2</sup> rumah ada peti talivishen. Kerajaan ada-lah menggalakkan orang ramai memiliki peti talivishen mereka sendiri dengan chara mengenakan lesen yang murah dan pembuat<sup>2</sup> peti talivishen di-galakkan supaya membuka kilang<sup>2</sup> membuat peti talivishen di-Malaysia supaya orang ramai dapat membeli peti<sup>2</sup> talivishen dengan harga yang murah. Pembuat<sup>2</sup> peti talivishen menyambut baik ranchangan Kerajaan itu dan mereka telah memohon lesen untuk mendirikan kilang<sup>2</sup> tersebut mengikut ranchangan perusahaan perintis.

193. Kerajaan berchita<sup>2</sup> supaya orang ramai jangan pula terpaksa menanggung perbelanjaan kerana kemudahan talivishen ini dan oleh hal yang demikian Kerajaan berchadang hendak mengadakan siaran talivishen perdagangan supaya hasil yang di-perolehi dengan chara itu kelak dapat-lah menutup perbelanjaan mengadakan siaran tersebut.

194. Talivishen bukan-lah lagi satu perkara untuk orang senang<sup>2</sup> saja; ia ada-lah satu perkara yang perlu dalam dunia moden dan maju ini. Ada pun tujuan Kerajaan ia-lah supaya orang ramai dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan selesa lagi dan terutama-nya supaya orang ramai tahu dan faham perkara<sup>2</sup> yang berlaku dalam negara ini dan dalam dunia umum-nya.

#### (C) Jabatan Penerangan

195. Jabatan Penerangan telah menjalankan kewajipan-nya dengan memuaskannya dengan mengambil bahagian yang chergas dalam semua gerakan<sup>2</sup> Kerajaan di-seluruh negara ini dan di-segala peringkat. Perkara<sup>2</sup> yang penting dalam gerakan<sup>2</sup> ini ia-lah memberi penerangan mengenai negara Malaysia dan perayaan<sup>2</sup> Hari Malaysia pada bulan September 1963, dan mengenai Pilihan Raya di-Tanah Melayu pada bulan April 1964 yang baharu lalu. Tenaga<sup>2</sup> Jabatan itu telah

di-gunakan sa-penoh-nya dan hasil-nya amat memuaskan hati.

196. Dengan tertuboh-nya Malaysia maka kerja<sup>2</sup> Jabatan itu dan perkara<sup>2</sup> yang termasuk dalam tugas kewajipan-nya telah bertambah pula. Jabatan itu pada masa ini sedang di-susun sa-mula supaya ia dapat melaksanakan kerja yang bertambah<sup>2</sup> itu.

197. Penerangan keluar negeri—ia-itu memberi penerangan tentang negara Malaysia di-luar negeri—pada masa ini ada-lah satu kewajipan yang mustahak bagi Jabatan ini. Tiga orang Pegawai Penerangan telah di-tugaskan bekerja dalam Pejabat<sup>2</sup> Perwakilan kita di-luar negeri sa-bagai Atashe Penerangan. Kakitangan Bahagian Penerangan Luar di-Ibu Pejabat sedang di-tambah untuk menyusun lebeh banyak lagi bahan<sup>2</sup> penerangan yang amat<sup>2</sup> di-kehendaki.

198. Tugas Jabatan itu di-dalam negeri ia-lah menjalankan usaha memupok kesedaran kebangsaan, ta'at setia kapada negara dan perpaduan ra'ayat. Pada masa hadapan lebeh banyak lagi kursus tata ra'ayat, lawatan sambil belajar dan perkara<sup>2</sup> yang sa-umpamanya akan di-adakan.

199. Setia-usaha Kementerian ini telah mengunjongi Timor Malaysia untuk membinchangkan chadangan<sup>2</sup> bagi tujuan merapatkan hubungan antara pertadbiran Ibu Pejabat dengan Jabatan<sup>2</sup> Penerangan di-Sabah dan Sarawak dan juga bagi usaha<sup>2</sup> menyatukan Jabatan itu kelak.

200. Rancangan hendak membena Pusat Tata ra'ayat yang di-taksirkan berharga \$750,000 telah di-tangguhkan hingga sa-lepas tahun 1965 ia-itu di-bawah Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga. Tanah tapak bangunan itu sudah di-perolehi.

201. Filem Negara Malaysia berharap akan dapat berpindah ka-bangunan yang baharu sa-belum ulangtahun Hari Malaysia dalam tahun 1964. Apabila Filem Negara berpindah ka-sabuah bangunan yang tetap maka akan dapat-lah di-baiki lagi mutu filem-nya dan di-tambah pengeluaran-nya.

#### (D) Penerangan dan Penyiaran (Sabah)

202. Perkara yang besar sa-kali ia-lah memajukan dan meluaskan lagi siaran Radio Sabah yang akan memakan belanja \$1,239,372 semua-nya; sa-banyak \$866,000 telah pun di-luluskan bagi tahun 1964. Rancangan ini di-susun meliputi perkara meluaskan lagi kemudahan siaran radio di-beberapa buah kawasan di-Sabah. Rancangan<sup>2</sup>-nya di-susun tiada lama dahulu dan mula-nya perbelanjaan-nya di-tanggung dengan bantuan wang Pembangunan Tanah<sup>2</sup> Jajahan dan di-luluskan baharu<sup>2</sup> ini oleh Kerajaan Pusat.

203. Rancangan ini di-buat dua peringkat. Wang peruntokan bagi tahun 1964 ada-lah bagi Peringkat I. Dalam Peringkat ini rancangan-nya ia-lah hendak membena Steshen Pemancar V.H.F. di-Gunong Kinabalu dengan mengadakan steshen pemancar Gelombang Sederhana dan pusat<sup>2</sup> transmitter di-Sandakan, Jesselton dan Tawau. Dalam Peringkat II kemudahan<sup>2</sup> siaran radio saperti itu juga akan di-luaskan lagi hingga ka-Lahad Datu, Semenanjung Kudat dan Tenom.

204. Kemudahan<sup>2</sup> alat pemancar yang ada sekarang yang meliputi satu alat pemancar gelombang pendek 5 KW yang di-rancangan meliputi seluruh Negeri dan pemancar gelombang sederhana  $\frac{1}{2}$  KW yang meliputi Jesselton tiada-lah menchukupi bagi kehendak seluruh negeri dan bagi suatu perkhidmatan berbilang bangsa.

205. Steshen Pemancar di-Gunong Kinabalu di-jangka akan dapat di-dengar dengan memberi puas hati penduduk<sup>2</sup> kawasan<sup>2</sup> yang ramai penduduk-nya dalam Negeri itu. Signal pesawat V.H.F. ini boleh di-dapati dan di-pancharkan kapada pesawat pemancar gelombang sederhana untuk mengadakan perkhidmatan radio yang baik bagi semua bandar<sup>2</sup> besar. Rancangan ini memerlukan dua rangkaian bagi siaran serentak bukannya satu saperti yang ada sekarang. Sa-buah Pusat Studio untuk membuat rancangan<sup>2</sup> sendiri akan di-adakan juga di-Sandakan tetapi pusat kawalan rangkaian akan tetap di-Jesselton.

206. Wang peruntokan bagi membeli alat kelengkapan Pusat Studio baharu di-Jesselton telah juga di-luluskan, terutama untuk mendirikan sa-buah Studio Penyambong yang kedua untuk mengadakan lebih banyak lagi kemudahan<sup>2</sup> ranchangan dan juga untuk menubuhkan sa-buah steshen penerima yang kecil di-Jesselton supaya ranchangan<sup>2</sup> Radio Malaysia dan ranchangan steshen<sup>2</sup> radio lain dapat di-pancharkan kepada pendengar<sup>2</sup> dengan memuaskan hati.

#### (E) Penyiaran (Sarawak)

207. Kerajaan telah menguntokkan wang untuk menyiapkan ranchangan mengadakan sa-buah steshen pemancar yang baharu di-Kuching yang telah di-mulakan tiada lama dahulu dengan bantuan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Tanah<sup>2</sup> Jajahan. Mengikut ranchangan ini tiga pesawat pemancar gelombang pendek 20-KW akan di-pasang supaya siaran<sup>2</sup> dapat di-pancharkan ka-seluruh cherok rantau Negeri itu daripada bandar Kuching.

208. Oleh kerana pengangkutan jalan raya dan kemudahan perhubungan yang lain di-Sarawak masih belum menchukupi, tiada-lah dapat hendak menubuhkan steshen gelombang sederhana berpusat di-kawasan<sup>2</sup> yang ramai penduduk<sup>2</sup>-nya seperti Sibu, Miri, dan lain<sup>2</sup>-nya. Oleh yang demikian chara yang baik sa-kali menyelesaikan-nya ia-lah dengan mengadakan pemancar gelombang pendek yang kuat yang di-tujukan kepada kawasan<sup>2</sup> ini daripada Kuching.

### KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

#### (A) Konferantasi

209. Dasar dan sikap Kerajaan berkenaan dengan komiunis dan sabversif tiada berubah. Kerajaan ada-lah ber'azam hendak menghapuskan Keganasan Komiunis dan anasir<sup>2</sup> sabversif dalam negeri ini.

210. Hari ini, keselamatan negara kita Malaysia ada-lah di-ancham dari satu bahagian ia-itu konferantasi dari Indonesia. Ada pun dasar konferantasi terhadap Malaysia itu ada-lah ber-

thabit dengan dasar meluaskan kawasan-nya oleh Indonesia dan bukan-lah berthabit dengan penubuhan Malaysia dan ini ada-lah alasan daleh Indonesia sahaja untuk melancharkan gerakan pencherobohan-nya sekarang ini. Ada-lah menjadi tujuan Indonesia hendak menakloki Malaysia dan lain<sup>2</sup> bahagian Tenggara Asia untuk menubuhkan Indonesia Raya. Berkenaan dengan hal ini Kerajaan Beta baharu<sup>2</sup> ini telah mengeluarkan satu risalah yang bertajok "NIAT INDONESIA TERHADAP MALAYSIA" yang menceritakan champor tangan penjajah Indonesia dan perchubuan penjajahan bentok baharu-nya sa-lama sembilan belas tahun untuk menghalang Tanah Melayu meni'mati kebebasan yang kita berhak mempesaka-nya.

211. Untuk menchapai maksud-nya itu dasar konferantasi Indonesia yang bermula dalam bidang kebudayaan, ekonomi dan siasah telah pun di-serta pula dengan gerakan tentera dan anasir<sup>2</sup> sabversif. Ada pun bidang konferantasi tentera-nya itu terletak kepada pencherobohan tentera-nya ka-dalam wilayah<sup>2</sup> Sarawak dan Sabah dan dalam bidang sabversif-nya pun ada-lah terletak kepada penyeludupan pengkhianat<sup>2</sup> Indonesia yang terlateh masuk ka-Singapura dan Tanah Melayu untuk menjalankan gerakan<sup>2</sup> Sayap Kelima dan gerakan<sup>2</sup> pengkhianatan dan untuk menubuhkan kawasan<sup>2</sup> pencherobohan tentera-nya di-dalam kawasan<sup>2</sup> ini.

212. Dengan gerakan<sup>2</sup> ini Indonesia berharap akan dapat menggulingkan Kerajaan Malaysia yang di-pilih sekarang ini dan menggantikan-nya dengan Kerajaan yang menyokong Indonesia dan dengan itu dapat-lah Malaysia di-jadikan negeri ta'alok Indonesia. Dalam usaha<sup>2</sup>-nya itu Indonesia ada-lah sunggoh<sup>2</sup> di-sokong oleh Pertubohan<sup>2</sup> Sulit Komiunis (CCO) Sarawak, Partai Komiunis Indonesia (PKI) dan Pertubohan Pengganas<sup>2</sup> Komiunis yang ada di-Sempadan Negeri Thai/Tanah Melayu.

213. Di-Sabah dan Sarawak pengganas<sup>2</sup> Indonesia yang bersenjata dan ahli<sup>2</sup> Pertubohan Sulit Komiunis telah menjalankan pencherobohan<sup>2</sup> senjata



dan juga menjalankan gerakan<sup>2</sup> gerila. Di-Singapura dan di-Tanah Melayu penyeludop<sup>2</sup> dan pengkhianat<sup>2</sup> Indonesia yang terlateh telah di-hantarkan untuk menjalankan kerja<sup>2</sup> mengkhianat dan lain<sup>2</sup> gerakan sabversif. Penyeludop<sup>2</sup> dan pengkhianat<sup>2</sup> ini telah diberikan senjata<sup>2</sup> api dan ubat<sup>2</sup> bedil oleh Indonesia supaya mereka itu boleh menjalankan gerakan<sup>2</sup> khianat dengan memusnahkan pesawat<sup>2</sup> dan alat<sup>2</sup> penting kegunaan orang ramai seperti rumah<sup>2</sup> letrik<sup>2</sup>, jambatan<sup>2</sup>, perbekalan ayer, paip<sup>2</sup> bekalan ayer, kebel<sup>2</sup> letrik dan sa-bagai-nya. Tujuan mereka berbuat demikian ia-lah kerana hendak melumpuhkan ekonomi negeri ini dan menimbulkan kachau bilau dan purak puranda.

214. Sa-telah tiada berjaya menjalankan pengkhianatan oleh kerana adanya gerakan<sup>2</sup> penchegah yang chekap di-jalankan oleh Kerajaan, mereka berchadang menjalankan gerakan<sup>2</sup> pengkhianatan yang kechil pula seperti yang telah berlaku di-Singapura baharu<sup>2</sup> ini. Gerakan<sup>2</sup> ini ada-lah bertujuan hendak menakut<sup>2</sup>kan penduduk<sup>2</sup> dalam negeri ini supaya orang ramai berasa di-dalam kechemasan, bimbang dan ragu. Oleh kerana adanya gerakan<sup>2</sup> penchegah yang chekap di-jalankan menentang-nya maka kerosakan yang di-lakukan oleh pengkhianat<sup>2</sup> itu hanya sedikit sahaja. Walau bagaimana pun kita tiada boleh hendak berpuas hati di-dalam hal ini oleh kerana Indonesia mungkin akan memperhebatkan lagi serangan<sup>2</sup> pencerobohan-nya ka-atas Malaysia di-Sabah dan Sarawak dan juga menghantar banyak lagi penyeludop<sup>2</sup> dan pengkhianat<sup>2</sup> ka-Tanah Melayu dan Singapura. Dengan hal yang demikian kita tiada boleh hendak mengechil<sup>2</sup>kan musuh kita dan kita hendak-lah berjaga<sup>2</sup> dengan bersunggo<sup>2</sup> hati pada sa-tiap masa. Ada-lah di-nyatakan bahawa perhubungan hendak menimbulkan ketakutan telah tiada berjaya oleh kerana ra'ayat ada-lah orang<sup>2</sup> yang nekad dan tabah telah dapat mempertahankan perbuatan<sup>2</sup> penakut yang mengkhianat dan sengaja membunuh orang<sup>2</sup> yang tiada berdosa. Ada-lah di-harap ra'ayat negeri ini akan sentiasa tenang akan tetapi berjaga<sup>2</sup> dan sen-

tiasa bekerjasama dengan pihak yang berkuasa untuk mengintip pengkhianat<sup>2</sup> dan penyeludop<sup>2</sup> yang telah di-lateh di-Indonesia itu di-kalangan kita.

215. Kerajaan chukup sedar tentang ada-nya anchaman<sup>2</sup> kapada keamanan dan keselamatan negeri ini dan Kerajaan telah pun menjalankan sa-berapa ikhtiar menentang anchaman<sup>2</sup> ini. Pasokan<sup>2</sup> Besenjata dan Pasokan Polis Hutan dengan di-bantu oleh Tentera<sup>2</sup> British sedang menjalankan gerakan<sup>2</sup> di-Sabah dan Sarawak menentang pengganas<sup>2</sup> Indonesia dan Komunis dan Kerajaan berchita<sup>2</sup> hendak meneruskan gerakan ini dengan sa-berapa lanchar-nya hingga saki baki pengganas Indonesia itu di-hapuskan dari bumi Malaysia. Sa-lain daripada gerakan<sup>2</sup> tentera Kerajaan telah juga menjalankan ikhtiar lain untuk menentang dan mengawasi anchaman<sup>2</sup> yang di-lakukan pengkhianat<sup>2</sup> yang di-lateh oleh Indonesia. Kerajaan telah menetapkan beberapa Tempat<sup>2</sup> Penting dalam negeri ini mengishtiarkan-nya sa-bagai KAWASAN<sup>2</sup> LARANGAN ATAU TEMPAT<sup>2</sup> LARANGAN dengan tujuan supaya di-jalankan langkah<sup>2</sup> khas untuk memerhatikan tingkah laku dan gerak geri orang<sup>2</sup> yang ada dalam kawasan<sup>2</sup> dan tempat<sup>2</sup> ini. Kerajaan sedang menimbangkan juga langkah yang keras hendak mengadakan undang<sup>2</sup> supaya dapat dikenakan hukuman yang lebeh berat lagi bagi kesalahan<sup>2</sup> membawa dan memileki senjata<sup>2</sup> api, peluru dan ubat<sup>2</sup> bedil sa-chara haram.

216. Walau pun menentang konferansi Indonesia ada-lah perkara yang utama, Kerajaan maseh lagi menjalankan tindakan menghapuskan saki baki Pertubohan Pengganas Komunis di-Utara Tanah Melayu. Pasokan<sup>2</sup> Keselamatan telah menjalankan gerakan bersama<sup>2</sup> dengan Pasokan<sup>2</sup> Thai dari sa-masa ka-samasa di-Selatan Negeri Thai. Dengan tujuan supaya kerjasama dan gerakan<sup>2</sup> bersama ini betul<sup>2</sup> berjaya maka Kerajaan berchadang hendak berunding dengan Kerajaan Thai tentang perkara mengadakan suatu perjanjian mengenai peratoran<sup>2</sup> dan kerjasama di-sempadan.

217. Kerajaan memang sedar bahawa Kongsi<sup>2</sup> Gelap dan samseng<sup>2</sup> mengancham keselamatan orang ramai. Walau pun kurang berlaku jenayah<sup>2</sup> besar pada tahun 1963 tetapi maseh banyak lagi yang patut di-perbuat jika hendak menghapuskan anchaman kapada musharakat ini. Memang amat di-banggakan tentang bertambahnya kerjasama orang ramai dengan Polis dan ada-lah di-harapkan bahawa perkara ini akan di-teruskan. Jika orang ramai enggan bekerjasama maka sukar hendak menghapuskan gerakan Kongsi<sup>2</sup> Gelap dan samseng<sup>2</sup>.

218. Dasar Kerajaan mengenai perkara rasuah tetap tiada berubah. Walau pun tiada banyak berlaku perbuatan<sup>2</sup> rasuah itu, Kerajaan ber'azam hendak menghapuskan juga perkara yang terkutok ini, kerana jika tiada di-hapuskan maka keperchayaan orang ramai terhadap pegawai<sup>2</sup> Kerajaan akan hilang. Chawangan Jenayah Khas Polis dan Jabatan Menchegah Rasuah telah menjalankan usaha<sup>2</sup> bagi menghapuskan rasuah tetapi semua usaha<sup>2</sup> ini tentu-lah akan sesia sahaja jika orang ramai tiada hendak bekerjasama. Oleh yang demikian Kerajaan berseru kapada ra'ayat sakalian bekerjasama-lah dengan pehak<sup>2</sup> yang berkenaan supaya rasuah dapat dihapuskan sama sa-kali.

219. Mula<sup>2</sup> daripada Hari Malaysia Pasokan<sup>2</sup> Polis Negeri Sabah, Sarawak, Singapura dan Tanah Melayu telah disatukan menjadi Pasokan Polis di-Raja Malaysia dengan di-ketuai oleh Merinyu Besar. Penyatuan yang penting ini di-laksanakan mengikut sa-buah Undang<sup>2</sup> Parlimen Undang<sup>2</sup> Polis di-Raja Malaysia tahun 1963. Merinyu Besar Polis bertugas di-sabuah Ibu Pejabat bersama<sup>2</sup> dengan pegawai<sup>2</sup> staff supaya ia dapat mengelolakan semua kerja dan mengawal gerakan<sup>2</sup> polis. Pertubohan Polis ini ada-lah baharu tetapi ada-lah di-fikirkan bahawa dengan ada-nya pegawai<sup>2</sup> yang berpengalaman maka Polis di-Raja Malaysia dapat melaksanakan tugas<sup>2</sup> mereka dengan jaya-nya terhadap chabaran<sup>2</sup> dan anchaman<sup>2</sup> yang di-hadapi oleh negara yang baharu ini.

220. Pada masa yang sudah<sup>2</sup> Kerajaan memberi perhatian yang khas mengenai kebajikan anggota<sup>2</sup> Pasokan Polis terutama sa-kali anggota<sup>2</sup> polis biasa dan anggota<sup>2</sup> Pasokan Polis di-Raja Malaysia ini akan di-beri layanan yang sama. Kerajaan akan terus berusaha membaiki lagi keadaan<sup>2</sup> hidup dan chara<sup>2</sup> bekerja anggota<sup>2</sup> Polis. Pada tahun yang lalu ada-lah di-nyatakan bahawa Kerajaan tatkala itu sedang menimbangkan perkara menaikkan gaji anggota<sup>2</sup> polis biasa dan pada hari ini boleh-lah di-katakan bahawa perkara itu sudah selesai dan semua gaji kebelakangan sudah pun di-bayar. Pada masa ini pula Kerajaan sedang mengkaji perkara hendak menyusun susunan gaji yang sama bagi Pasokan Polis di-Raja Malaysia.

221. Dalam perkara rumah<sup>2</sup> polis, rumah<sup>2</sup> mereka di-bena mengikut Ranchangan Kemajuan Polis. Hingga pada masa ini sa-banyak 969 buah rumah<sup>2</sup> polis telah di-bena dan 276 buah lagi di-jangka akan siap di-bena pada akhir tahun 1964. Sa-lain daripada itu sa-buah pusat khas bagi Pasokan Polis Hutan sedang di-bena di-Tanjong Rambutan; apabila siap pusat tersebut ada bangunan<sup>2</sup> tadbiran, kemudahan<sup>2</sup> latehan dan tempat tinggal yang moden bagi kira<sup>2</sup> 2,650 orang anggota Polis Hutan.

## KEMENTERIAN DALAM NEGERI

### (A) Jabatan Orang Asli

222. Jabatan Orang Asli telah terus menggalakkan kebajikan musharakat dan ekonomi Orang Asli. Dalam lapangan Pembangunan Luar Bandar, sa-belas buah Kampong telah di-buka di-beberapa Negeri, dalam tiap<sup>2</sup> sa-buah kampong itu terdiri rumah<sup>2</sup> baharu, balai raya, jalan<sup>2</sup> keluar masuk serta kemudahan<sup>2</sup> yang lain. Sa-lain daripada itu beberapa ranchangan pertanian yang kechil<sup>2</sup> telah di-jalankan termasuk menyediakan binatang<sup>2</sup> ternak dan menggali kolam<sup>2</sup> tempat menghidup ikan.

223. Kemudahan<sup>2</sup> perubatan bagi Orang<sup>2</sup> Asli telah di-tambah banyaknya. Ada dua puluh tujuh buah tempat berubat di-dalam hutan dan empat puluh tempat pemindahan di-dalam

hutan. Ini terdiri daripada suatu perkhidmatan "doktor dengan menggunakan kapal terbang" yang tiada tolok banding-nya di-Asia Tenggara. Rumah sakit di-Gombak telah di-perbesarkan dan sekarang boleh di-gunakan oleh lebih kurang 250 orang asli yang sakit.

224. Kemajuan telah juga di-chapai dalam lapangan pelajaran. Ada enam puluh satu buah sekolah khas bagi orang<sup>2</sup> asli dan sekolah<sup>2</sup> ini bersama<sup>2</sup> dengan sekolah<sup>2</sup> Melayu dan Inggeris yang biasa, mengajar kira<sup>2</sup> 3,000 orang kanak<sup>2</sup>. Sa-lain daripada itu 2,500 orang asli sedang belajar dalam kelas<sup>2</sup> pelajaran dewasa.

225. Tujuan Kerajaan pada masa hadapan ia-lah hendak menggalakkan lagi kebajikan Orang Asli terutama dalam lapangan pelajaran, kesihatan, dan pembangunan luar bandar supaya mereka boleh memasokkan diri ka-dalam musharakat warga negara yang lain<sup>2</sup> di-negeri ini.

#### (B) Jabatan Kimia

226. Jabatan Kimia ia-lah sa-buah Jabatan yang menjalankan kerja menganalisa dan menduga bagi lain<sup>2</sup> Jabatan Kerajaan yang tiada mempunyai kemudahan<sup>2</sup> itu. Jabatan<sup>2</sup> itu termasuk Kementerian Kesihatan, Polis di-Raja Malaysia, Kastam di-Raja Malaysia, Pasokan<sup>2</sup> Bersenjata Persekutuan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Chetak dan Pejabat Pos.

227. Jabatan ini berchadang hendak membahagi-bahagikan pekerjaan-nya dengan menubuhkan makmal<sup>2</sup> kawasan. Dengan langkah ini dapat-lah di-adakan kemudahan<sup>2</sup> menganalisa dalam kawasan<sup>2</sup> yang tidak ada kemudahan tersebut pada masa ini. Maka telah di-fikirkan bahawa mustahak-lah di-tubuhkan makmal<sup>2</sup> di-Johor Tengah dan di-Pantai Timor.

228. Ada-lah di-harapkan bahawa Rancangan Menggantikan Pegawai<sup>2</sup> Dagang dengan Pegawai<sup>2</sup> Tempatan dalam Jabatan ini akan dapat di-jalankan dengan sempurna-nya dalam bulan Jun tahun 1965 kerana kedua<sup>2</sup> jawatan kosong yang ada sekarang ini dalam Bahagian I di-jangka akan di-isi pada awal tahun 1964.

#### (C) Perkhidmatan<sup>2</sup> Bomba

229. Tugas<sup>2</sup> utama Perkhidmatan Bomba ia-lah memadamkan api dan menchegeh kebakaran. Perkhidmatan ini sedang memberikan perhatian yang berat kepada usaha-nya menchegeh kebakaran kerana memandang betapa maju-nya perusahaan di-Malaysia. Kerajaan Pusat sedang menyediakan kemudahan<sup>2</sup> latehan yang baik bagi kakitangan bomba. Kemudahan<sup>2</sup> latehan ini dapat di-gunakan oleh semua Kerajaan Negeri dan Majlis<sup>2</sup> Meshuarat Bandar Raya dan Perbandaran yang menjalankan Perkhidmatan Bomba. Pusat latehan yang telah di-tubuhkan di-Kuala Lumpur menjadikan kakitangan perkhidmatan bomba suatu pasokan yang tiada tolok banding-nya dan mereka akan dapat menghadapi sa-barang kebakaran yang berlaku walau bagaimana besar-nya dan juga menchegeh kebakaran dengan chekap dan sempurna.

#### (D) Pejabat<sup>2</sup> Chetak Kerajaan

230. Kerja memperbesarkan lagi Chawangan<sup>2</sup> Jabatan Chetak di-Johor dan Trengganu telah siap tahun lalu. Bersama<sup>2</sup> dengan Chawangan Jabatan Chetak di-Kedah, kedua<sup>2</sup> jabatan chetak yang telah di-perbesarkan itu sam-enjak siap telah mengambil alih daripada Ibu Pejabat Jabatan Chetak kerja menchetak Warta Kerajaan beberapa buah Negeri. Oleh hal yang demikian Ibu Pejabat Jabatan Chetak sekarang ini dapat menjalankan dasar Jabatan Chetak ia-itu membuat semua kerja chetak-menchetak yang dahulunya di-berikan kepada penchetak<sup>2</sup> persaorangan dengan kontrek. Supaya kerja ini dapat di-jalankan dengan lebih sempurna maka di-chadangkan Ibu Pejabat Jabatan Chetak itu di-perbesarkan lagi. Chawangan Jabatan Chetak di-Ipoh yang mula-nya di-bena pada penghujung tahun 1963 sekarang ini hampir<sup>2</sup> siap dengan memakan belanja lebih kurang \$738,500.

231. Mengikut Rancangan Mengganti Pegawai<sup>2</sup> Dagang dengan Pegawai<sup>2</sup> Malaysia, dua orang pelajar telah pulang dari United Kingdom dalam tahun 1963 dan sa-orang pelajar telah di-hantar ka-Negeri Jepun untuk mengambil satu kursus sa-lama 6

bulan. Latehan sambil bekerja telah diberi oleh Ibu Pejabat Jabatan Chetak kepada sa-orang pegawai dari Sarawak dan sa-orang pegawai dari Sabah pada tahun lalu.

#### (E) Penjara

232. Oleh kerana pegawai dagang yang penghabisan sa-kali telah berhenti kerja pada bulan Disember 1963 maka semua pegawai<sup>2</sup> dalam Jabatan Penjara di-Negeri<sup>2</sup> dalam Tanah Melayu sekarang ini ada-lah orang<sup>2</sup> Tanah Melayu belaka.

233. Mengikut Rancangan Colombo dan Hadiah<sup>2</sup> Pelajaran Latehan sa-jumlah lima orang Pegawai Penjara telah mengambil kursus latehan selama 3 bulan di-Pusat Bangsa<sup>2</sup> Bersatu Benua Asia dan Timor Jauh bagi Menchegah Kesalahan Jenayah dan Layanan Orang<sup>2</sup> Salah, Fuchu, Tokyo, Jepun dalam tahun 1963.

234. Satu rancangan membuka satu kebun Tanam<sup>2</sup>an untuk memberi pelajaran dan latehan dalam perusahaan<sup>2</sup> Pertanian kepada budak<sup>2</sup> yang layak dari Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka telah di-adakan dalam 1960 tetapi oleh kerana satu kawasan yang sesuai belum di-dapati maka rancangan itu tiada dapat di-jalankan hingga sekarang ini walau pun Kementerian telah berusaha menchari satu kawasan yang lain bagi mengganti kawasan yang di-chadangkan kerana kawasan itu di-katakan tiada sesuai.

235. Sa-telah Malaysia di-tubuhkan Pesuruhjaya Penjara bertanggungjawab mengenai pentadbiran penjara<sup>2</sup> dalam Negeri<sup>2</sup> Sarawak dan Sabah. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan kerjasama kedua<sup>2</sup> Negeri ini penjara<sup>2</sup> itu dapat di-majukan ka-peringkat yang di-kehendaki mengikut pentadbiran penjara sekarang ini.

#### (F) Pendaftaran

236. Undang<sup>2</sup> Pendaftaran Negara tahun 1959 telah di-laksanakan dalam tahun 1963 dan kebanyakan mas'elah yang timbul daripada melaksanakannya telah di-selesaikan. Perkhidmatan pendaftaran biasa telah dapat di-beri kepada orang ramai seluruh negeri dengan tertuboh-nya pejabat<sup>2</sup> kecil Pendaftaran dalam semua Daerah<sup>2</sup> Pen-

tadbiran dan Pusat<sup>2</sup> Pendaftaran Bergerak di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar.

237. Sa-buah Pusat Pendaftaran Negara bagi Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu telah di-tubuhkan di-Petaling Jaya. Pusat ini sedang memberi perkhidmatan yang chekap bagi semua tujuan termasuk keselamatan negara. Banyak-nya kad<sup>2</sup> pengenalan yang telah di-keluarkan hingga 31hb Disember, 1963 itu berjumlah 4,722,736. Dalam tahun 1963, 98,566 orang telah di-beri kewargaan negara. Dicapada jumlah ini 76,284 orang atau 77 peratus ada-lah kanak<sup>2</sup>, anak kepada warga negara yang di-daftarkan mengikut isi<sup>2</sup> kandungan Perkara 15 (2) dalam Perlembagaan.

238. Kerja Jabatan Pendaftaran mengenai Pendaftaran, Kewargaan Negara dan Beranak dan Mati akan bertambah banyak dan kawasan jagaan-nya akan bertambah luas apabila tiga buah Negeri<sup>2</sup> dalam Malaysia itu ia-itu Singapura, Sarawak dan Sabah dimasukkan ka-dalam jagaan-nya supaya pentadbiran undang<sup>2</sup> dapat di-jalankan dengan tiada perbezaan dan perkhidmatan yang sempurna dapat di-berikan kepada orang ramai. Usaha<sup>2</sup> sedang giat di-jalankan bagi mencapai tujuan ini dan ada-lah di-harapkan kemajuan<sup>2</sup> akan chepat tercapai dalam sedikit masa lagi.

#### (G) Peranchang Bandar dan Kampong

239. Tahun lalu ada-lah tahun yang istimewa bagi Peranchang Bandar dan Kampong dalam negeri<sup>2</sup> di-Tanah Melayu. Bagi pertama kali-nya dalam sejarah negeri ini perkhidmatan peranchang bandar dan kampong telah dapat di-jayakan di-seluruh negara kita ini dengan tertuboh-nya satu jabatan negeri bersama di-Kota Bharu bagi Kelantan dan Trengganu. Pejabat bersama negeri bagi Negeri Sembilan dan Melaka yang telah di-uruskan bersama dengan Negeri Selangor di-Kuala Lumpur itu telah berpindah ka-Seremban ka-pejabat-nya yang berasingan. Hanya dalam tahun 1963 telah di-beri kelulusan menambahkan lagi tanggungjawab<sup>2</sup> Jabatan itu dan menambahkan lagi bilangan<sup>2</sup> kakitangan<sup>2</sup>-nya di-Ibu Pejabat supaya dapat melaksanakan peranan baharu-nya dalam bidang kemajuan negeri ini.

240. Mengikut bagaimana tanggungan baharu-nya sekarang ini Jabatan itu akan dapat menyediakan ranchangan perancang bandar dan kampung bagi semua bahagian negeri ini, akan tetapi bagi permulaan ranchangan-nya hanya kawasan<sup>2</sup> yang berkehendakkan keutamaan sahaja yang akan diselenggarakan dahulu. Persediaan ranchangan<sup>2</sup> wilayah bagi kawasan<sup>2</sup> yang lebih mustahak di-negeri ini ada-lah langkah<sup>2</sup> yang pertama bagi mengeluarkan akhir-nya satu Ranchangan Besar Penggunaan Tanah Negara.

241. Di-Kuala Lumpur yang mas'elah lalu-lintas-nya ada-lah besar satu siasatan lalu-lintas yang lengkap akan selesai di-siapkan tidak lama lagi. Peratoran<sup>2</sup> "*plot ratio*" dan "*plinth area control*" yang baharu sahaja di-jalankan itu sedang di-pereksa perjalanannya dengan teliti dan beberapa ranchangan yang dapat di-samakan keadaan-nya dengan keadaan Ibu Negara yang moden bagi masa hadapan ada-lah juga di-chadangkan. Pada tahun yang akan datang ini ada-lah di-harap menhadangkan dasar<sup>2</sup> kemajuan kawasan pusat bagi Ibu Kota Persekutuan dan juga menyiasat kemungkinan menyatukan perusahaan persaorangan dengan pehak berkuasa awam dalam gerakan bersama menjayakan kemajuan<sup>2</sup> yang lebih lengkap.

242. Menyatukan dasar<sup>2</sup> kemajuan di-kawasan di-antara Kuala Lumpur dengan Port Swettenham—Lembah Klang ada-lah satu kawasan yang mustahak sa-kali di-seluruh negeri ini—Kerajaan ada-lah menubuhkan Jawatan-kuasa Kawasan Lembah Klang dan Kuala Lumpur dan ahli Jawatan-kuasa itu ada-lah terdiri dari pegawai<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan dan pegawai<sup>2</sup> Kerajaan Negeri. Ranchangan<sup>2</sup> besar ada-lah sedang di-timbangkan oleh Jawatan-kuasa ini untuk menyediakan kemajuan<sup>2</sup> lebih besar yang boleh di-jayakan di-Lembah Klang itu.

243. Sukat menyukat dan membuat pelan<sup>2</sup> ada-lah sedang di-sediakan di-bawah panduan sa-orang pegawai Ranchangan Colombo bagi satu kawasan mustahak yang lain—bagi menyatukan kawasan<sup>2</sup> bandar Pulau Pinang dan Butterworth sekarang ini, Kerajaan

sedang memulakan kemajuan pelabohan<sup>2</sup> kapal yang dalam.

244. Ranchangan luar bandar bagi perengkat satu<sup>2</sup> kawasan ada-lah sedang di-selenggarakan bagi kali yang pertama-nya di-Hutan Jengka dalam negeri Pahang, dan berkenaan dengan ranchangan Hutan Jengka ini nasihat<sup>2</sup> ada-lah di-minta daripada beberapa jabatan<sup>2</sup> teknikal yang berkenaan bagi membuat satu ranchangan yang boleh di-sesuaikan dengan kawasan<sup>2</sup> disa-keliling kawasan kemajuan Hutan Jengka itu dan dapat menentukan kemajuan-nya dengan kawasan<sup>2</sup> di-luar dan sesuai pula dengan ranchangan besar penggunaan tanah. Sa-lain daripada itu bantuan<sup>2</sup> maseh di-berikan juga kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan untuk membuat pelan<sup>2</sup> bagi beberapa ranchangan-nya di-seluruh negeri ini.

#### (H) Ranchangan Perumahan

245. Tahun 1964 awal<sup>2</sup> lagi memberi tanda yang baik sa-panjang yang mengenai ranchangan membena rumah<sup>2</sup> murah. Dalam masa beberapa bulan awal tahun ini sa-banyak 126 buah rumah<sup>2</sup> murah dan 520 buah rumah<sup>2</sup> pangsa telah di-bena sementara ranchangan<sup>2</sup> lain di-jalankan di-beberapa buah negeri, termasuk perkara membena 619 buah rumah berserta 503 rumah<sup>2</sup> pangsa. Di-Ibu Kota ada 2 ranchangan hendak memulakan membena 396 buah rumah kembar dua (semi-detached) dan 240 buah rumah<sup>2</sup> pangsa tiada lama lagi. Apabila ranchangan<sup>2</sup> yang telah di-luluskan bagi tahun ini siap dan memandangkan betapa lanchar-nya ranchangan<sup>2</sup> kemajuan yang sedang di-jalankan sekarang maka ada-lah di-jangkakan pada akhir tahun 1964 ini kira<sup>2</sup> 7,100 buah rumah<sup>2</sup> murah siap di-bena ia-itu semenjak Kerajaan mula melaksanakan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun. Mungkin kejayaan Kerajaan membena rumah<sup>2</sup> murah ini tiada-lah boleh dimegahkan sangat, tetapi kalau di-kaji pula bahawa perkara membena rumah<sup>2</sup> ini baharu di-chuba beberapa tahun sahaja dahulu maka kejayaan Kerajaan itu boleh-lah di-katakan menarek hati juga.

246. Sa-perkara yang jelas kepada kita dalam rancangan Kerajaan Negeri ini membena rumah<sup>2</sup> murah ia-lah rancangan Kerajaan itu meliputi kawasan bandar dan kawasan luar bandar di-seluruh pelusok Semenanjung ini. Rancangan membena rumah<sup>2</sup> murah ada di-serata<sup>2</sup> tempat mulai dari Alor Star di-bahagian utara hingga ka-Johor Baharu di-bahagian barat. Di-Pantai Timor pula Kerajaan sedang membena rumah<sup>2</sup> murah di-Kuantan. Bangunan<sup>2</sup> yang di-bena itu tiada sama bentuk-nya atau jenis-nya. Di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar mudah di-dapati tanah lapang maka Kerajaan membena rumah<sup>2</sup> papan bentok rumah<sup>2</sup> orang Melayu; di-kawasan<sup>2</sup> bandar pula banyak di-bena rumah<sup>2</sup> pangsa bertingkat<sup>2</sup>. Di-bandar<sup>2</sup> besar pula banyak di-bena rumah<sup>2</sup> kembar dua (semi-detached) dan rumah<sup>2</sup> panjang berpintu<sup>2</sup> (terraced). Pendek-nya Badan Perumahan itu ada-lah bertanggung-jawab bagi mengator rancangan dan menguruskan kerja bagi membena rumah<sup>2</sup> murah di-seluruh negeri ini. Sa-lain daripada membena rumah<sup>2</sup> murah, Kerajaan ada juga membantu Badan Perumahan membena rumah<sup>2</sup> untuk di-jualkan kepada orang<sup>2</sup> yang sederhana pendapatan-nya.

247. Kerajaan sunggoh<sup>2</sup> sedar betapa penting-nya membena rumah<sup>2</sup> murah bagi memperbaiki lagi keadaan ekonomi dan masyarakat dalam negeri ini. Rancangan perumahan yang telah di-jalankan sa-lama ini memberi Kerajaan kesempatan untuk mengkaji apa yang di-kehendaki oleh penduduk<sup>2</sup> negeri ini dan Kerajaan berchadang hendak membena banyak lagi rumah<sup>2</sup> murah pada tahun<sup>2</sup> yang akan datang. Kerajaan berchita<sup>2</sup> hendak menyusun dasar yang lebih berkesan bagi membena rumah<sup>2</sup> murah. Oleh yang demikian ada rancangan Kerajaan hendak menyusun sa-mula Badan Perumahan supaya Badan itu boleh menjadi alat yang lebih berkesan untuk melaksanakan rancangan Kerajaan membena rumah<sup>2</sup> murah. Rancangan perumahan ini kerap kali tergendala kerana kekurangan wang. Bagaimana pun baharu<sup>2</sup> ini Kerajaan memberi izin kepada Ibu Kota untuk meminjam wang dari orang ramai sa-banyak

\$10,000,000 untuk perbelanjaan bagi membena lebih banyak lagi rumah<sup>2</sup> murah di-Ibu Kota. Dengan berbuat demikian Kerajaan menunjukkan chara baharu bagaimana mengumpulkan wang bagi perbelanjaan rancangan membena rumah<sup>2</sup> murah dan dengan ini juga dapat-lah wang Kerajaan di-gunakan bagi perbelanjaan rancangan<sup>2</sup> kemajuan yang lain. Wang yang di-pinjam dari orang ramai itu telah di-belanjakan dan tiada lama lagi beberapa buah rumah<sup>2</sup> pangsa akan siap di-bena di-Kuala Lumpur ini. Barangkali memang kena pada tempat-nya kalau di-katakan di-sini ia-itu satu<sup>2</sup>-nya daya Kerajaan menggalakkan pegawai<sup>2</sup> Kerajaan memileki rumah sendiri ia-lah mendapatkan sa-luas kira<sup>2</sup> 700 ekar tanah Wardieburn Estate bagi tujuan membena rumah<sup>2</sup> yang akan di-jual kepada pegawai<sup>2</sup> Kerajaan. Rancangan ini akan merintis jalan bagi menjalankan rancangan<sup>2</sup> yang sa-umpama-nya di-tempat<sup>2</sup> lain pula.

248. Rancangan membena rumah<sup>2</sup> murah ada-lah satu<sup>2</sup>-nya rancangan kemajuan yang besar yang sedang di-jalankan di-seluruh negeri ini, dan sa-lain daripada rancangan membena rumah<sup>2</sup> murah ini Kerajaan sedang berusaha bersunggoh<sup>2</sup> hendak menchapai tujuan-nya membentok suatu demokrasi dalam negeri ini, yang dengan-nya ra'ayat boleh memileki harta benda.

#### KEMENTERIAN KE'ADILAN

249. Dalam lapangan undang<sup>2</sup> dan ke'adilan tugas menyemak sa-mula undang<sup>2</sup> sedang di-jalankan oleh sa-orang pakar penggubal undang<sup>2</sup> yang di-adakan mengikut anjoran Rancangan Colombo. Keadaan undang<sup>2</sup> yang rumit dan mengelirukan bertambah menjadi rumit manakala terbentok-nya Malaysia dan oleh kerana ke-sebakan mengubah undang<sup>2</sup> Malaysia supaya berbetulan dengan perlembagaan maka pekerjaan menyemak sa-mula undang<sup>2</sup> yang tengah di-perbuat itu terpaksa-lah di-tanggohkan bagi sementara. Tetapi sunggoh pun di-tugas menyemak sa-mula undang<sup>2</sup> itu akan mengambil masa yang panjang harap jilid<sup>2</sup> akan dapat di-keluarkan dari masa kesemasa.

250. Satu rang undang<sup>2</sup> Tanah Kebangsaan yang telah siap di-akhir tahun yang lepas telah di-edarkan kepada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri untuk mendapat buah fikiran-nya. Sunggoh pun ada banyak pindaan ada-lah di-harap bahawa undang<sup>2</sup> ini akan dapat di-bawa ka-Parlimen di-dalam tahun ini juga.

251. Terjemahan undang<sup>2</sup> kapada Bahasa Kebangsaan telah di-mulai oleh chawangan penterjemahan di-pejabat Peguam Negara yang di-ketuai oleh sa-orang pakar yang mahir di-dalam Bahasa Melayu. Terjemahan yang di-perbuat akan di-halusi lagi oleh satu jawatan-kuasa pakar sa-belum di-terbitkan.

252. Oleh sebab Negara ini mengambil peranan yang bertambah<sup>2</sup> di-antara bangsa maka di-fikirkan patut di-adakan satu chawangan di-Pejabat Peguam Negara yang di-kelolakan oleh pegawai yang mahir di-dalam undang<sup>2</sup> antara bangsa untuk menyemak perkara ini.

253. Hadiah<sup>2</sup> Pelajaran akan terus diberi kapada pegawai<sup>2</sup> supaya banyak lagi pegawai<sup>2</sup> yang boleh mendapat kelulusan dalam ilmu undang<sup>2</sup>. Pada tahun yang lalu empat orang pegawai yang sedang berkhidmat telah di-hantar ka-United Kingdom sementara dua orang lagi yang telah di-hantar terlebih dahulu telah lulus peperiksaan undang<sup>2</sup> dan telah balek ka-Tanah Melayu. Pada masa ini ada urusan hendak menghantar sa-orang pegawai ka-England kerana mempelajari Undang<sup>2</sup> Antara Bangsa untuk mendapat degree dan sa-orang pegawai lagi untuk mempelajari di-lapangan penggubal undang<sup>2</sup>.

254. Mahkamah Persekutuan Malaysia telah di-buka dengan rasmi-nya di-bangunan Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur pada 1hb Oktober, 1963. Mahkamah itu ada-lah mengandongi Maha Hakim, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di-Tanah Melayu, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di-Singapura dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di-Wilayah Borneo.

255. Di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ada tiga Mahkamah yang akan di-bena pada tahun ini yaitu di-Klang, di-Kuala Trengganu dan di-

Kuala Selangor. Mahkamah baharu akan di-bena di-Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1965 dengan anggaran belanja lebih daripada sa-tengah juta ringgit.

256. Banyak lagi mahkamah yang akan di-bena di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Ketiga tetapi pada tahun yang lepas hanya-lah satu Mahkamah sahaja yang telah siap di-bena yaitu di-Kuala Brang. Mahkamah ini di-tempatkan dalam Bangunan Pejabat Daerah dan telah di-bena oleh Kerajaan Trengganu. Belanja-nya akan di-bayar balek oleh Kerajaan Persekutuan.

257. Pejabat Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Muflis telah di-satu dan di-tadbirkan oleh sa-orang pegawai yang di-namakan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Muflis. Pegawai ini juga bertugas sa-bagai Pegawai Pentadbir Pesaka. Pejabat ini di-jangka akan meluaskan lagi perkhidmatan-nya dengan jalan sharahan<sup>2</sup> untuk menerangkan tugas-nya kapada orang<sup>2</sup> 'awam dan pada masa ini mereka<sup>2</sup> itu telah pun mengetahui bahawa pejabat ini boleh memberi pertolongan perchuma kapada orang<sup>2</sup> yang miskin dan orang<sup>2</sup> yang tidak berupaya hendak menggunakan peguam untuk menyelesaikan hal-ehwal mereka. Kerajaan selalu bersedia membenarkan lantekan Pegawai<sup>2</sup> Amanah di-serata negeri apabila di-fikirkan mustahak dan pejabat<sup>2</sup> chawangan telah di-buka dan yang terakhir sa-kali ia-lah di-Kuantan, Pahang.

258. Pekerjaan menyelesaikan harta benda musoh yang di-jaga oleh Jabatan Penjaga Harta Musoh telah hampir sampai ka-peringkat yang akhir, hanya ada beberapa mas'elah sahaja yang rumit berkenaan dengan wang yang maseh belum dapat di-selesaikan lagi. Sunggoh pun begitu ikhtiar<sup>2</sup> sedang di-chari untuk menyelesaikan mas'elah<sup>2</sup> itu dan di-harap undang<sup>2</sup> membubarkan Jabatan ini dapat di-pertimbangkan tiada lama lagi.

#### **KEMENTERIAN BUROH DAN KEBAJIKAN MASHARAKAT**

259. Sa-bagaimana dalam lain<sup>2</sup> perkhidmatan masharakat saperti perumahan, kesihatan dan pelajaran, Kerajaan akan mengambil sikap yang

lebih tegas kepada mas'elah<sup>2</sup> buroh dengan tujuan memperbaiki lagi kehidupan pekerja<sup>2</sup> dalam negeri ini dan dalam pada itu memelihara keamanan dan ketegohan perusahaan.

260. Dalam beberapa tahun yang lalu perusahaan dalam negeri ini boleh-lah di-katakan aman dan dengan yang demikian bertambah lagi kuat kepercayaan pemodal<sup>2</sup> dalam negeri ini. Perhubungan majikan dengan pekerja pada antara 'am-nya ada-lah baik sungoh pun ada sadikit<sup>2</sup> pertikaian yang menimbulkan khuatir kepada Kerajaan dan orang ramai. Jika kita hendak lebih maju lagi mustahak-lah keamanan dan ketegohan perusahaan ini berlanjutan. Majikan<sup>2</sup> dan pekerja<sup>2</sup> dalam sa-suatu pertikaian mesti-lah sentiasa lebih mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan mereka sendiri dan berusaha bersunggo<sup>2</sup> mencari penyelesaian yang aman damai kepada mas'elah mereka bersama daripada mengambil tindakan yang mendatangkan bahaya kerosakan yang besar.

261. Dalam penggal Parlimen ini satu Rang Undang<sup>2</sup> akan di-bentangkan dalam Dewan ini bagi memperbaiki dan mengawal keadaan tempat<sup>2</sup> tinggal pekerja<sup>2</sup>, dan lagi satu bagi mengadakan satu Scheme Buroh Limbongan bagi Pelabohan Pulau Pinang. Lain<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> akan di-bentangkan bagi meluaskan dan menegaskan lagi beberapa undang<sup>2</sup> buroh supaya termasuk bahagian<sup>2</sup> buroh yang pada masa ini tiada termasuk seperti pekerja pejabat dan orang<sup>2</sup> gaji.

262. Ranchangan<sup>2</sup> bagi memaju dan meluaskan lagi Scheme<sup>2</sup> Jaminan Masharakat yang ada sekarang ini di-jangka akan siap dalam tahun ini, supaya pakar<sup>2</sup> Pertubohan Buroh Antara Bangsa dapat merangka dan menubuhkan seperti yang di-minta, langkah<sup>2</sup> pentadbiran bagi Scheme itu. Kajian<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh pakar<sup>2</sup> dalam hal<sup>2</sup> mati dan insuran bagi mentaksir belanja Scheme itu dan banyak-nya bayaran dan faedah yang hendak di-bayar telah pun di-mulakan.

263. Kerajaan sentiasa sedar mengenai kehendak mengadakan orang<sup>2</sup> yang terlatah dan chekap pada segala peringkat supaya dapat memenuhi

kehendak ranchangan memajukan perusahaan yang telah di-mulakan itu. Langkah<sup>2</sup> telah di-jalankan bagi mendapat tiada berapa lama lagi sa-orang pakar daripada Pertubohan Buroh Antara Bangsa bagi menggubal satu Ranchangan Latehan Pertukangan Negara yang besar bagi memenuhi kehendak<sup>2</sup> sekarang ini dan juga masa hadapan berkenaan dengan kakitangan<sup>2</sup> yang chekap.

264. Dalam pada itu sekarang ini ranchangan latehan dalam Scheme Pelateh Negara yang sedia ada itu akan diperbesarkan lagi apabila Sekolah Latehan Perusahaan di-Kuala Lumpur yang memakan belanja \$2,000,000 itu mula di-jalankan bulan hadapan. Adalah di-harapkan dapat di-adakan dalam Sekolah ini kursus<sup>2</sup> latehan biasa dan kursus<sup>2</sup> rengkas bagi pekerja<sup>2</sup> peringkat dewasa. Dengan Pusat yang mula<sup>2</sup> ditubuhkan dalam tahun 1957 Scheme Latehan Negara sekarang ini mempunyai delapan buah Pusat dengan lebih daripada 680 pelateh<sup>2</sup> dalam latehan.

265. Banyak lagi usaha<sup>2</sup> akan ditumpukan bagi mengadakan peluang<sup>2</sup> bekerja kepada penduduk<sup>2</sup> negeri ini yang kian bertambah. Sa-buah bahagian khas dalam Bahagian Peranchang Ekonomi akan memberi mas'elah kepada Jawatan-kuasa Ranchangan Pembangunan Negara mengenai membuat dan menjalankan dasar pekerjaan dalam Ranchangan<sup>2</sup> Pembangunan Negara.

266. Satu Undang<sup>2</sup> Kilang bagi menambah keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pekerja sedang digubal dan satu Jema'ah Nazir Kilang yang chukup dengan kakitangan-nya akan di-tubuhkan bagi menjalankan isi<sup>2</sup> kandungan Undang<sup>2</sup> ini.

267. Berkenaan dengan Kebajikan Masharakat, Kerajaan akan terus mengemas dan meluaskan lagi perkhidmatan<sup>2</sup> itu terutama sa-kali kepada mereka yang bernasib tiada baik dan berkehendakkan jagaan dan perlindungan. Satu scheme yang besar bagi menjaga dan melatah mereka yang chachat chedera telah pun di-gubal dan akan di-jalankan sa-lepas sahaja siap Pusat Pemulehan di-Cheras, Selangor



dalam bulan Disember tahun ini. Sa-buah Pusat bagi kanak<sup>2</sup> yang tiada chergas otak-nya sedang di-bena di-Johor. Kedua<sup>2</sup> Pusat ini akan memberi kemudahan<sup>2</sup> yang terbaik sa-kali kapada orang<sup>2</sup> yang chachat chedera bagi melateh mereka supaya dapat hidup dalam masharakat dengan tiada meng-harap bantuan daripada orang lain.

268. Pusat Latehan Belia Negara yang akan di-buka di-Kuala Kubu Bahru dalam bulan Ogos tahun ini akan menambah luas lagi kursus<sup>2</sup> latehan belia supaya dapat menanam semangat tata ra'ayat kapada belia<sup>2</sup> dalam negeri ini dan dengan yang demikian dapat-lah mereka menjalankan kerja<sup>2</sup> mereka dalam pembangunan negara.

269. Ranchangan<sup>2</sup> sedang di-susun bagi meluaskan lagi perkhidmatan<sup>2</sup> kebajikan dalam Negeri<sup>2</sup> Singapura, Sabah dan Sarawak.

270. Undang<sup>2</sup> bagi melindungi orang<sup>2</sup> perempuan dan kanak<sup>2</sup> perempuan dan bagi mengawal dan memulehkan sa-mula peminta<sup>2</sup> sedekah dan orang<sup>2</sup> merambu telah di-gubal dan akan di-bentangkan dalam Parlimen tahun ini. Sa-buah Pusat Pemulehan bagi orang<sup>2</sup> perempuan dan kanak<sup>2</sup> perempuan di-Cheras, Selangor akan siap tahun ini bagi memenohi kehendak<sup>2</sup> yang akan timbul daripada undang<sup>2</sup> yang di-chadangkan itu.

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

### (A) Bahagian Pelajaran Dewasa

271. Mengikut chita<sup>2</sup> Kerajaan hen-dak membasmi buta huruf dalam negeri ini Bahagian Pelajaran Dewasa dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah dengan bersungguh<sup>2</sup> melaksanakan mata pelajaran tamba-han yang lebeh baik lagi dalam tahun 1963. Hingga sekarang ini Bahagian Pelajaran Dewasa telah menambah sa-jumlah 12,217 kelas<sup>2</sup> dengan murid<sup>2</sup>-nya berjumlah 322,592. Bahagian ini ada-lah mengambil bekerja guru<sup>2</sup> sam-bilan sa-banyak 7,444 orang.

272. Ranchangan Pelajaran Dewasa ini ada-lah bermaksud untuk men-chapai tujuan<sup>2</sup> yang di-bawah ini: (a) untuk mengwujudkan keperibadian

Kebangsaan Malaysia; (b) untuk me-mupok semangat perpaduan dan kesa-daran kebangsaan; (c) untuk mendidek ta'at setia yang sa-benar<sup>2</sup>-nya; (d) untuk mengukuhkan lagi chara<sup>2</sup> hidup yang berdemokrasi; dan (e) untuk menanamkan semangat kechendero-ngan dan ke'azaman hendak mengha-puskan kemiskinan dan kemundoran.

273. Satu lagi tujuan ranchangan itu ada-lah hendak menggalakkan warga negara mempelajari Bahasa Kebang-saan. Maka kapada arah ini-lah Baha-gian Pelajaran Dewasa telah berjaya mengajar lebeh kurang 68,000 murid<sup>2</sup> bukan Melayu yang berlajar di-dalam 2,512 kelas<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa.

274. Dalam tahun 1963 pelajaran<sup>2</sup> Ugama bagi murid<sup>2</sup> Islam telah di-adakan dan pada masa ini ada lebeh kurang 150,000 murid<sup>2</sup> yang mendapat ajaran<sup>2</sup> Ugama Islam.

275. Bagi murid<sup>2</sup> perempuan pula Kelas<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa mengadakan kelas<sup>2</sup> Ekonomi Rumah Tangga sa-lain daripada mengajarkan menulis, membacha dan sa-bagai-nya. Tujuan mengadakan pelajaran Ekonomi Ru-mah Tangga dalam Ranchangan Pela-jaran Dewasa ada-lah juga mengajar perempuan<sup>2</sup> kampung bagaimana chara<sup>2</sup> masakan yang lebeh baik, jahit menjahit dan kesihatan. Bahagian itu telah mengambil bekerja 450 orang guru<sup>2</sup> Ekonomi Rumah Tangga yang telah mendapat latehan sa-lama tiga bulan di-Taman<sup>2</sup> Asohan. Pelajaran<sup>2</sup> berkenaan dengan Ekonomi Rumah Tangga hingga sekarang ini telah dapat di-ajarkan kapada lebeh kurang 27,000 murid Kelas<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa.

### (B) Ranchangan Memberi Milek Tanah<sup>2</sup> Pinggir

276. Hingga hari ini Kerajaan<sup>2</sup> Negeri telah menjalankan 368 Ranchangan<sup>2</sup> memberi Milek Tanah<sup>2</sup> Pinggir dan jumlah kawasan tanah yang telah di-jayakan ada-lah sa-luas 127,693 ekar. Ranchandan<sup>2</sup> ini ada-lah di-bantu oleh Kerajaan Persekutuan dengan chara memberi wang<sup>2</sup> pinjaman dan wang<sup>2</sup> bantuan kapada Negeri<sup>2</sup>. Wang<sup>2</sup> pinjaman itu di-gunakan untuk belanja menebas, menebang dan memerun dan wang<sup>2</sup> bantuan itu di-gunakan untuk

membeli alat<sup>2</sup> perkakas tanaman, ka-chang<sup>2</sup> penutup dan baja.

277. Dalam tahun 1963 masa dan usaha yang lama telah di-ambil untuk menyatukan ranchangan<sup>2</sup> tanah yang ada sekarang supaya dapat di-chapai kejayaan<sup>2</sup> yang sa-penoh-nya. Untuk melaksanakan dasar yang di-satukan itu, Kerajaan telah melantek beberapa wakil<sup>2</sup> pelawat yang bebas untuk memberi laporan<sup>2</sup> kepada Menteri berkenaan dengan kemajuan ranchangan<sup>2</sup> tanah yang di-berikan bantuan<sup>2</sup> itu.

**(C) Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan**

278. Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan telah banyak menghabiskan masa dan usaha-nya bagi menyatukan keadaan<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> ranchangan yang telah di-selenggarakan-nya pada tahun<sup>2</sup> yang lalu.

279. Melateh perempuan<sup>2</sup> dari kawasan<sup>2</sup> luar bandar berkenaan dengan Ekonomi Rumah Tangga ada-lah menjadi satu perkara yang di-utamakan. Dalam tahun 1963 Taman<sup>2</sup> Asohan RIDA telah melateh guru<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa berkenaan dengan Ekonomi Rumah Tangga. Sa-jumlah 344 guru<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa telah mendapat latehan itu di-tiga buah Taman dalam tahun ini. Sa-lain daripada itu Dewan Latehan juga melateh pemuda<sup>2</sup> Melayu dalam mata<sup>2</sup> pelajaran perniagaan dan dalam tahun 1963 sa-banyak 79 orang murid<sup>2</sup> baharu telah masok belajar mengambil kursus<sup>2</sup> trengkas, perkiraan kerja dan Perkiraan Harga Modal. Pada tahun ini sa-banyak 60 orang murid telah lulus dari Dewan Latehan itu dan sa-telah tamat kursus<sup>2</sup> mereka telah bekerja di-Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan dan Gedong<sup>2</sup> Perniagaan.

280. Dalam Bahagian Pinjaman-nya Lembaga itu walau pun ia menghadapi kerja<sup>2</sup> yang banyak bagi mengkaji kedudukan<sup>2</sup> hutang piutang-nya pada seluroh tahun 1963, ia telah mengeluarkan sa-banyak 699 pinjaman yang jumlah-nya lebeh kurang \$3.3 juta kepada saudagar<sup>2</sup> dan penanam<sup>2</sup> modal dari kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Termasuk wang sa-banyak \$3.3 juta itu maka jumlah wang<sup>2</sup> pinjaman yang telah di-keluarkan oleh RIDA mula

ia di-tubuhkan hingga tahun 1963, ada-lah sa-banyak lebeh kurang \$24.8 juta.

281. Bagi melaksanakan dasar Kerajaan hendak menggalakkan orang<sup>2</sup> Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan pengangkutan, Bahagian Pengangkutan RIDA telah menjalankan ranchangan-nya membuka perkhidmatan<sup>2</sup> bas di-jalan<sup>2</sup> baharu di-luar bandar. Dalam tahun 1963, RIDA telah menjalankan 21 perkhidmatan bas yang baharu dan pada akhir tahun 1963 perkhidmatan itu telah di-tambah hingga menjadi 32 perkhidmatan. Perkhidmatan ini mengendalikan sa-banyak 191 buah bas dan telah membawa sa-jumlah 13,000 penumpang<sup>2</sup> sa-jauh 7,000,000 batu dalam tahun itu. Sharikat Bas NETS Kelantan yang telah di-hidupkan sa-mula oleh Lembaga itu dalam tahun 1956 hingga sekarang ini telah di-uruskan dengan jaya-nya dan ada-lah memberi keuntongan sa-telah mengalami beberapa kesulitan sa-belum RIDA mengambil alih sharikat itu.

282. Kemudahan<sup>2</sup> yang di-sediakan oleh RIDA bagi mengusahakan hasil utama bagi negeri ini ia-itu getah, telah dapat memberi keuntongan yang lebeh baik kepada pekebun<sup>2</sup> kecil dan kerja<sup>2</sup> mengusahakan-nya dapat di-kurangkan masa-nya untuk mengeluarkan getah<sup>2</sup> keping. Lembaga tiada menubuhkan kilang<sup>2</sup> getah yang baharu pada tahun itu akan tetapi menumpukan usaha-nya bagaimana mengendali dan menguruskan kilang<sup>2</sup> getah yang ada sekarang dengan lebeh baik lagi. Sunggoh pun demikian oleh kerana banyak kumpulan<sup>2</sup> yang berkehendakkan pusat kilang<sup>2</sup> getah dan oleh kerana kemajuan<sup>2</sup> pusat<sup>2</sup> itu adalah memberi puas hati, maka Lembaga telah mengeluarkan belanja menubuhkan 46 buah pusat<sup>2</sup> mengilang getah dalam tahun itu, dan dengan sebab itu maka jumlah pusat<sup>2</sup> mengilang getah yang telah di-tubuhkan hingga akhir tahun 1963 ada-lah sa-banyak 106 dan jumlah belanja mendirikan-nya ada-lah sa-banyak \$113,405.

283. Bagan Latehan Lembaga itu di-Kuala Trengganu, dalam pada ia terus memajukan kebolehan orang<sup>2</sup> tempatan yang pandai membena perahu

dengan alat<sup>2</sup> tempatan dan juga yang pandai membaiki perahu<sup>2</sup> pada masa ini sedang menyediakan ranchangan<sup>2</sup> memajukan perusahaan perikanan di-negeri<sup>2</sup> Pantai Timor seperti Kelantan dan Trengganu dengan membuat pelan<sup>2</sup> perahu yang sama sahaja bentuk-nya supaya nelayan<sup>2</sup> dapat menggunakan chara<sup>2</sup> yang lebeh chekap dan moden untuk menangkap ikan. Pesanan<sup>2</sup> untuk membena perahu<sup>2</sup> dan motobot oleh Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan ada-lah bertambah<sup>2</sup> banyak-nya hingga menjadikan Bagan itu sentiasa bekerja dari sa-hari ka-sahari menjalankan urusan-nya.

284. Mengadakan berbagai<sup>2</sup> perkhidmatan seperti membelikan bahan<sup>2</sup> mentah dengan banyak-nya dan membekalkan bahan<sup>2</sup> itu kepada perusahaan batek, songkit dan barang<sup>2</sup> tembaga di-negeri Kelantan dan Trengganu ada-lah di-usahkan oleh Pusat Perkhidmatan<sup>2</sup> Perusahaan Kechil RIDA di-Petaling Jaya dan pusat itu juga menjadi satu saluran mengendalikan barang<sup>2</sup> pengeluaran perusahaan kampung untuk di-jual dengan tiada berhenti<sup>2</sup> mengilankan-nya di-seluruh negeri. Sa-lain daripada kempen<sup>2</sup> itu Pusat Perkhidmatan<sup>2</sup> Perusahaan Kechil RIDA juga mengambil bahagian dalam Pameran<sup>2</sup> Perusahaan dan Perdagangan sama ada di-dalam negeri ini atau pun di-luar negeri. Maksud-nya mengambil bahagian dalam Pameran di-luar negeri itu ia-lah untuk mendapatkan pasaran barang<sup>2</sup> perusahaan kita di-luar negeri. Oleh hal yang demikian banyak negeri<sup>2</sup> luar yang bertanyakan barang<sup>2</sup> perusahaan tangan negeri ini dengan tujuan hendak menjual-nya di-negeri<sup>2</sup> mereka.

258. Sa-bagai satu jalan hendak menambah banyak-nya lagi pengeluaran dan penjualan barang<sup>2</sup> dari kawasan<sup>2</sup> luar bandar, Lembaga itu pada akhir tahun 1963 telah membena 32 tempat Pekan Sahari dengan belanja lebeh kurang \$400,000.

#### (D) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

286. Kerajaan Persekutuan menerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah menchapai kejayaan dalam ranchangan pembangunan dan kema-

juan tanah. Ranchangan yang chergas ini telah dapat menghasilkan dasar tertentu Kerajaan hendak memberi kapada ra'ayat<sup>2</sup> yang tiada memileki tanah satu kawasan tanah dalam ranchangan<sup>2</sup> dalam kemajuan<sup>2</sup> tanah supaya mereka itu dapat tanah, kebun, tempat kediaman yang di-lengkapi dengan alat<sup>2</sup> dan kemudahan<sup>2</sup> hidup dan musharakat.

287. Tujuan<sup>2</sup>-nya ia-lah: (a) hendak menambah lagi pendapatan luar bandar berlipat ganda dan dengan itu dapat di-tinggikan lagi taraf hidup mereka; dan (b) hendak memberi mereka tempat yang sa-wajar-nya yang boleh di-banggakan di-dalam musharakat dan negara.

288. Hingga hari ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah memulakan 60 ranchangan Kemajuan Tanah di-seluruh negeri di-Tanah Melayu dan jumlah kawasan tanah yang telah di-jayakan ada-lah sa-luas 113,406 ekar. Hingga sekarang sa-ramai 7,207 keluarga yang orang-nya sa-ramai 43,350 orang telah pindah ka-kawasan ranchangan tanah itu dan sa-banyak 3,000 keluarga lagi akan pindah ka-kawasan ranchangan tanah apabila tanaman dan pembenaan rumah<sup>2</sup> kediaman siap di-kerjakan pada akhir tahun 1964. Akhir-nya 60 ranchangan yang ada sekarang akan dapat menjayakan kawasan tanah sa-luas 253,000 ekar tanah sedia di-tanam berbagai<sup>2</sup> jenis getah, kelapa bali dan lain<sup>2</sup> tanaman yang memberi faedah kapada 21,000 keluarga penduduk<sup>2</sup> kawasan tanah ranchangan yang orang<sup>2</sup>-nya sa-ramai 105,000 orang.

289. Dengan tujuan hendak mengikut ranchangan Kerajaan membanyakkan hasil tanam-tanaman, Lembaga ini telah menjalankan ranchangan besar menanam kelapa bali bagi faedah pekebun<sup>2</sup> kechil di-kawasan baharu yang tanah<sup>2</sup>-nya sesuai untuk di-tanami dengan kelapa bali. Hingga akhir tahun 1963 Lembaga itu telah menanam 9,537 ekar kelapa bali di-dalam empat ranchangan dan 9,350 ekar sedang di-sediakan dalam tujuh ranchangan untuk di-tanami pada musim-nya dalam tahun ini.

290. Semua ranchangan<sup>2</sup> tanah yang ada penduduk<sup>2</sup>-nya ada-lah di-lengkapi dengan jalan raya yang baik untuk pergi ka-tanah<sup>2</sup> ranchangan itu dan jalan<sup>2</sup> di-dalam kampong<sup>2</sup> tanah ranchangan di-adakan; dan kawasan<sup>2</sup> tanaman, kedai<sup>2</sup> sharikat kerjasama, sekolah, bekalan ayer-klinik, talipon, balai<sup>2</sup> raya, surau<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> kemudahan juga di-adakan. Belanja meng-adakan perkhidmatan<sup>2</sup> dan pentadbiran ranchangan<sup>2</sup> itu dan Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan itu ada-lah di-tanggung oleh Kerajaan dan penduduk<sup>2</sup> kawasan tanah ranchangan hanya kena membayar sa-mula belanja kemajuan tanaman-nya sahaja. Dengan sebab itu Kerajaan Persekutuan telah memberikan nasihat<sup>2</sup> kepada penduduk<sup>2</sup> tanah ranchangan kemajuan segala nasihat<sup>2</sup> pertanian dan panduan yang berfaedah dan juga memberi mereka itu peluang menolong diri mereka sendiri untuk menjadi petani<sup>2</sup> yang banyak pendapatan-nya.

291. Lembaga itu juga telah dapat mencapai matalamat-nya hendak membuka 12 ranchangan tiap<sup>2</sup> tahun dalam empat tahun yang pertama dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua dan Kerajaan yakin bahawa matalamat-nya bagi menjayakan ranchangan dan kemajuan tanah-nya dalam keseluruhan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua-nya itu akan dapat di-chapai.

#### (E) Jabatan Ukur

292. Satu daripada peranan<sup>2</sup> Jabatan Ukur ia-lah membuat peta<sup>2</sup> bagi kegunaan Kerajaan, ramai dan tentera. Peta<sup>2</sup> bagi kegunaan Tentera telah bertambah<sup>2</sup> banyak di-kehendaki semenjak terlanchar-nya konferansi. Ini telah membanyakkan lagi kerja<sup>2</sup> Jabatan Ukur akan tetapi Jabatan itu telah dapat menguruskan perbekalan peta<sup>2</sup> itu bagi kegunaan Tentera Bersenjata negeri ini dan bagi faedah lain<sup>2</sup> negeri yang bersahabat dengan kita dengan pertolongan Badan Pengarah Jabatan Ukur, Tentera Darat Timor Jauh dan Badan Pengarah Jabatan Ukur Seberang Laut, United Kingdom.

293. Semenjak tertuboh-nya Malaysia Kerajaan telah melantek satu Jawatan-

kuasa Peta Memeta Kebangsaan dan Juru Ukur Negara ada-lah menjadi Pengarah Peta Memeta Kebangsaan dan juga Pengerusi Jawatan-kuasa. Jawatan-kuasa akan memberi nasihat kepada Pengarah Peta Memeta itu di atas perkara dasar peta memeta dan juga keutamaan<sup>2</sup> berkenaan dengan membuat peta<sup>2</sup>.

294. Jabatan itu telah menjalankan peranan yang penting melaksanakan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Sa-belum tanah<sup>2</sup> di-buka untuk ranchangan pembangunan Jabatan ini terpaksa menjalankan sukat menyukat dan merinteh kawasan<sup>2</sup> tanah yang di-tentukan itu dan kemudian daripada itu apabila kawasan<sup>2</sup> tanah itu telah di-terangkan, ia di-pechah<sup>2</sup>kan pula menjadi lot<sup>2</sup> tanah yang chukup luas-nya untuk mengeluarkan hasil chukup. Dalam tahun 1963 Jabatan itu telah mengukur sa-banyak 61,926 lot tanah jika di-bandingkan dengan 52,530 lot yang telah di-ukur dalam tahun 1962.

#### (F) Jabatan Galian

295. Pengeluaran bijeh timah dalam tahun 1964 ada-lah di-jangka sa-banyak yang telah di-keluarkan dalam tahun 1963—angka pengeluaran dalam tahun 1963 ada-lah sa-banyak 59,947 tan dan ada-lah yang paling tinggi sekali semenjak tahun 1957. Tiada lagi di-dapati kawasan<sup>2</sup> baharu untuk di-lombong bagi menggantikan kawasan<sup>2</sup> yang telah habis di-lombong bijeh-nya, akan tetapi tanah<sup>2</sup> lombong yang dahulu-nya di-anggap sa-bagai kawasan yang tiada mengandongi bijeh yang banyak ada-lah di-kerjakan pada masa ini dan mendapat keuntungan oleh kerana harga bijeh sekarang ini mahal.

296. Pengeluaran batu<sup>2</sup> besi bagi tahun 1964 ada-lah di-jangka akan kurang daripada pengeluaran tahun lalu. Tahun lalu sa-banyak 7,264,543 tan batu besi telah di-keluarkan. Kurangnya pengeluaran bagi tahun ini dan pada tahun<sup>2</sup> yang akan datang tiada-lah dapat di-elakkan oleh kerana sa-tengah<sup>2</sup> lombong besi itu telah di-tutup kerana batu<sup>2</sup> besi simpanan-nya telah habis di-kerjakan.

297. Bagi melaksanakan Dasar Negara menggalakkan orang<sup>2</sup> Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan lombong, Bahagian Memborong dan Menyiasat Galian telah menjalankan penyiasatan<sup>2</sup> galian di-dalam kawasan<sup>2</sup> tanah rezab Melayu dengan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Tidak lama lagi boleh jadi sa-tengah<sup>2</sup> daripada kawasan<sup>2</sup> tanah rezab Melayu yang ada mengandongi bijeh timah akan di-kerjakan oleh Sharikat<sup>2</sup> Melayu dan orang<sup>2</sup> persaorangan. Bagi melaksanakan dasar yang di-atas itu, empat orang pemuda Melayu akan di-hantar ka-luar negeri tahun ini untuk di-lateh menjadi Jurutera<sup>2</sup> Lombong. Apabila mereka lulus kelak mereka akan masok bekerja dalam Perusahaan Lombong.

298. Di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua perbelanjaan telah di-sediakan untuk membesarkan lagi Bahagian Penyelidikan dalam Jabatan Galian, dengan membena bilek<sup>2</sup> makmal yang baharu dan jentera<sup>2</sup> alat permulaan dan alat<sup>2</sup> memasak bijeh yang baharu. Dengan ada-nya perkakas yang bertambah ini maka Bahagian Penyelidikan boleh-lah menyejajarkan kerja<sup>2</sup>-nya memajukan chara<sup>2</sup> yang lebeh baik lagi untuk melombong bijeh<sup>2</sup> yang kurang baik dan mengawal buangan lodak.

299. Dalam tahun 1963, negeri ini telah di-wakili dalam Meshuarat Majlis Kedua Bijeh Timah Antara Bangsa yang telah di-adakan di-London dan di-Washington kerana menyokong ranchangan<sup>2</sup> antara bangsa untuk mengukuhkan pasaran. Malaysia ada-lah berasa bimbang dengan penjualan bijeh timah simpanan yang mustahak. Walau bagaimana pun harga bijeh timah yang mahal sekarang ini dan penjualan bijeh timah simpanan yang mustahak yang di-buat dengan chara<sup>2</sup> yang memberi puas hati itu ada-lah hasil<sup>2</sup> daripada meshuarat<sup>2</sup> itu.

#### (G) Jabatan Kajibumi

300. Dasar Jabatan Kajibumi tiada berubah. Kerja-nya ada-lah memberi bantuan<sup>2</sup> sa-berapa banyak yang boleh untuk memajukan negeri ini dalam lapangan pembangunan luar bandar

dan dalam lapangan perusahaan. Ini dapat di-chapai dengan chara<sup>2</sup> mengadakan ranchangan jangka panjang membuat peta<sup>2</sup> kajibumi dan penyiasatan kedudukan batu<sup>2</sup>, dan penyelidikan jangka pendek akan keadaan<sup>2</sup> galian dan mas'elah<sup>2</sup> yang tertentu, penggunaan tanah, kejuruteraan, dan bekalan<sup>2</sup> ayer (termasok-lah ranchangan letrik dengan kuasa ayer dan ranchangan<sup>2</sup> parit dan tali ayer dan sa-bagai-nya). Dengan mengumpulkan segala penerangan<sup>2</sup> ilmu sain berkenaan dengan batu<sup>2</sup> dan penyiasatan galian dan dengan menyatukan segala keterangan<sup>2</sup> yang telah di-dapati itu maka ini boleh-lah di-gunakan sa-bagai panduan kepada penyiasatan dan kemajuan pada masa akan datang.

#### (H) Kajibumi Kawasan Borneo

301. Jabatan Kajibumi Kawasan Borneo, Malaysia, semenjak ia di-tubuhkan dalam tahun 1949 telah siap menjalankan ukor kajibumi dari udara seluroh kawasan Sarawak, Sabah dan Brunai pada akhir tahun 1963. Hasil<sup>2</sup> kerja itu ada-lah sedang di-susun di-dalam 17 naskhah yang 14 naskhah daripada-nya telah di-keluarkan, satu maseh di-chetak dan dua lagi maseh di-sediakan. Perengkat Kedua kerja<sup>2</sup> Kajibumi ia-itu membuat peta kawasan<sup>2</sup> yang lengkap menunjukkan kepentingan<sup>2</sup> ekonomi dengan membuat kerja<sup>2</sup> sukat dan kajibumi dari udara sedang di-jalankan sekarang ini. Di-Sarawak tiga kawasan telah siap di-sukat dari udara dan peta yang lengkap bagi satu daripada-nya telah siap di-buat, dan di-keluarkan pada awal tahun 1964. Di-Sabah sukat menyukat dari udara telah juga siap di-jalankan, dan membuat peta<sup>2</sup>-nya yang lengkap ada-lah di-ranchang akan di-mulakan dalam tahun 1964.

